

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 8**

**Rabu**

**4 April 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Kebenaran Bercuti	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
Urusan Mesyuarat	(Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

<b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
-----------------------------------	-------------

**USUL-USUL:**

Merentikan Kuasakuasa P.M. 47 dan P.M. 66	(Halaman 32)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 57)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pergigian 2017	(Halaman 33)
Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan) 2018	(Halaman 58)
Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018	(Halaman 71)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 4 April 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**KEBENARAN BERCUTI**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam bahagia.*

Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris, daripada 25 Mac 2018 hingga 5 April 2018.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“3 April 2018

**Perutusan daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) (D.R. 7/2018) Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018;
- (ii) (D.R. 5/2018) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) (No.2) 2018;  
dan
- (iii) (D.R. 4/2018) Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan) 2018.

Yang ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

**URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2) saya memohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan *ranking* keseluruhan lapangan terbang KLIA menurun tahun demi tahun.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, KLIA telah dinilai kedudukannya oleh *Sky Track* dan *Airport Consoles International*- kaji selidik oleh *Sky Track* sebuah Badan Penyelidik Industri Pengangkutan Udara yang berpejabat di London, *United Kingdom*, telah dibuat ke atas 13 juta pengguna daripada 105 buah negara. Anugerah ini juga dikenali sebagai Anugerah Pilihan Pengguna.

Pada tahun 2016, secara keseluruhan KLIA telah menduduki tangga ke-24 di kalangan lapangan terbang di dunia. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, kedudukan KLIA telah menurun ke tangga 34. Melalui penilaian yang sama juga, KLIA telah diletakkan berada di dalam kedudukan kelima pada tahun 2017 dalam kategori lapangan terbang yang mengendalikan di antara 50 hingga 60 juta penumpang setahun.

Hal ini telah menimbulkan persoalan mengenai kaedah yang digunakan oleh *Sky Track* dalam menentukan kedudukan setiap lapangan terbang di mana *Sky Track* tidak pernah memperincikan metodologi yang digunakan bagi penilaian tersebut.

Walaupun bagaimanapun, MAHB menjangkakan faktor utama yang menyebabkan penurunan kedudukan KLIA mungkin adalah disebabkan oleh perkhidmatan *aerotrains* dan sistem kendalian bagasi yang sering terganggu di KLIA. Fasiliti-fasiliti ini agak lama sejajar dengan usia 20 tahun Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ini.

Pada masa yang sama, MAHB sedang dan akan mengambil langkah-langkah seilusi antaranya adalah menaik taraf, mengubahsuai dan mengoptimumkan penggunaan bangunan terminal yang sedia ada serta kawasan apron. Demi meningkatkan lagi tahap kecekapan dan untuk meninggikan tahap kepuasan penumpang, teknologi terkini akan diperkenalkan. Perancangan menaik taraf ini sudah pun bermula dan pelaksanaan secara berperingkat dan akan selesai dalam tempoh dua tahun, antaranya ialah program penggantian *aerotrains* dan penggantian sistem bagasi.

MAHB sedang menambahbaikkan kecekapan dan keupayaan sistem pengendalian bagasi di KLIA. Seterusnya, selain *Sky Track*, penilaian tahunan juga telah dijalankan oleh *Airport Console International (ACI)* di mana ianya dipanggil *Airport Service Quality (ASQ) Survey*. Pihak MAHB telah melanggan *ASQ Survey* ini kerana kaji selidik ini dijalankan oleh satu badan antarabangsa yang diiktiraf lebih berautoriti dan keputusannya diaudit.

**■1010**

Menurut dapatan dari kaji selidik ini, KLIA telah menduduki tempat ke 12 dalam senarai lapangan terbang terbaik di dunia pada tahun 2017, mengatasi Lapangan Terbang Bangkok dan Dubai. Baru-baru ini, KLIA juga telah dianugerahkan sebagai pemenang utama *Routes Asia 2018 Marketing Awards* pada 19 Mac 2018 di Brisbane, Australia mengatasi Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura, dan anugerah ini atas kejayaan KLIA menarik sembilan syarikat penerbangan yang baru untuk beroperasi di KLIA, dan pembukaan 25 laluan baru. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Terima kasih Menteri Pengangkutan yang telah memberi jawapan. Saya tengok satu model yang cantik mengenai pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Baharu, cukup menarik. Orang Kelantan teruja, mereka mengatakan akan datang kalau hendak pergi Mekah, tidak payah datang Kuala Lumpur sudah, penerbangan terus ke Jeddah.

Jadi saya hendak tanya Menteri Pengangkutan, berapakah kos menaik taraf dan pembesaran lapangan terbang tersebut, dan bilakah ianya akan dilaksanakan dan jangkaan masa siap supaya kita tidak tertunggu-tunggu. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Sila.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengenai Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, kos projek dijangka lebih kurang RM400 juta dan dijangka dalam tempoh tiga tahun akan dapat disiapkan dan ini akan memberi kemudahan kepada rakyat Kelantan. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya dimaklumkan oleh rakan-rakan dan saya sendiri mengalami masalah tentang bagasi yang begitu lambat di KLIA 1 dan 2. Soalan saya, apakah benar KLIA 1 dan 2 ini mengalami masalah kekurangan pekerja. Mohon Yang Berhormat Menteri dapat berikan penjelasan akan masalah ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Sila.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, isu bagasi di KLIA memang sedikit masalah dan kita sedang proses mengatasi isu bagasi ini. Isu bagasi ini sebenarnya melibatkan sistem yang sudah lama dan kerajaan sedang mengaddress untuk dua perkara iaitu sistem yang

lama dan juga sistem pekerja. Sistem yang lama ini kita sedang dalam proses penambahbaikan untuk mengganti yang lama dengan peruntukan lebih kurang RM250 juta. Untuk KLIA, keseluruhan kerajaan menyediakan peruntukan lebih daripada setengah bilion iaitu bagasi RM250 juta dan untuk *Aerotrains* kita bajet untuk mengganti *Aerotrains* yang baru dengan RM300 juta. Semuanya RM550 juta.

Mengenai pekerja ini memang kita menghadapi sedikit masalah kerana pihak imigresen meletakkan syarat 80 peratus pekerja lokal dan 20 peratus pekerja luar, pekerja *foreign*. Kita memang terdapat kekurangan pekerja ini kerana pekerja tempatan ini tidak berminat dengan kerja di air port ini kerana dia melibatkan 3D iaitu *dirty, dangerous and difficult*. Kawasan itu panas, jadi pekerja tempatan tidak berminat. Jadi sekarang, kementerian sedang memohon kepada pihak imigresen untuk memberi pengecualian mengenai penggunaan pekerja luar negara. Jadi di harap sekiranya kita diberi kebenaran untuk mengguna pekerja luar negara, kita akan atasi masalah kekurangan pekerja di KLIA. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua. Okey.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi laluan kepada saya untuk menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri. Mengenai tentang KLIA 2, sebut tentang KLIA 2, kalau minggu lepas, Yang Berhormat Dato' Suhaimi menyoalkan tentang bila hendak *check in* ataupun hendak pergi ke imigresen, dia terpaksa membeli tiket baru kerana kalau waktu pagi, kalau kita pergi ke KLIA 2 memang ramai sampai kadang-kadang terpaksa tertinggal pesawat. Itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi minggu lepas.

Soalan saya, apabila hendak pergi tempat *boarding*, masa hari itu saya dengan kawan saya ada Pertandingan King's Cup di Bangkok, naik *AirAsia* di KLIA 2. Apabila hendak *check in* terpaksa buka kasut, okey lah kita ikut peraturan. Akan tetapi malangnya apabila buka kasut, kawan saya ini pakai stoking putih, lantai simen biasa. Jadi saya tengok, apabila buka kasut itu, lantai itu kurang bersih. Apabila lalu situ hendak pakai kasut, kawan saya itu, stoking putih itu kotor betul. Jadi saya harapkan pihak MAB ataupun KLIA 2 ambil berat tentang ini kerana ini merupakan satu kesihatan bagi penumpang-penumpang bila naik di KLIA 2. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum mengenai lantai yang kotor. Walau bagaimanapun memang pihak MHB telah membuat *maintenance* setiap

hari dan kontraktor pembersihan pun telah dilantik. Kalau dalam isu hujung tahun lepas, isu tandas yang kotor telah dapat diselesaikan. Hari ini saya dimaklumkan mengenai lantai yang kotor. Saya akan memantau untuk memastikan lantai di KLIA 2 itu bersih bagi keselesaan pengguna. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ab. Aziz.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Baik yang *last* sekali.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan KLIA 2 juga yang mana *international departure* yang agak jauh daripada- jaraknya agak jauh daripada tempat kita *check in* untuk berjalan ke *gate* lebih kurang saya rasa 30 minit kepada 40 minit lah, 10 kilometer kalau Abe Lah kata, jauh jaraknya.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian atau pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan kemudahan untuk membantu *passenger* ini untuk sampai ke *gate* yang jauh itu tanpa berlari ataupun tanpa menyusahkanlah. Ini oleh sebab saya juga dapati bahawa terdapat juga kes-kes yang mana kalau katalah *passengers* itu daripada domestik, dia transit hendak ke *international* dalam jangka masa yang sekejap itu, ada yang berlari dan sehingga ada yang sampai serangan jantung.

Saya ingin bertanyalah kepada pihak kerajaan sama ada adakah bercadang untuk memberi kemudahan yang lebih keselesaan kepada pengguna yang lebih untuk KLIA 2, *for especially for the departure* untuk *international*. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk kemudahan di KLIA 2, kita telah menambah banyak *walkalator* untuk mempercepatkan. Memang tidak dapat dinafikan KLIA 2 ini merupakan satu *airport*, lapangan terbang yang besar. Di mana-mana tempat di dunia pun *airport* yang besar yang mempunyai banyak bilangan *gate* memang jauh, dan itu memang lumrah.

#### ■1020

Jadi, saya berharap pihak penumpang agar membuat jadual awal untuk memastikan supaya dia tidak kesempitan waktu. Ini kerana kita pun tahu bahawa pergi ke luar negeri ini biasanya kita perlu ada dua jam lebih awal supaya kita dapat tiba di *gate* pada waktu yang tepat. Walau bagaimanapun, saya akan mengambil perhatian cara bagaimana untuk kita pertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan seperti Yang Berhormat Senator beri pandangan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa kita semua puas hati. Sekarang saya mahu pindah kepada soalan nombor 2 daripada Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Sila.

**2. Tuan Wilfred Yong Chen Leong** minta Menteri Pendidikan menyatakan, statistik graduan pendidikan di seluruh negara yang masih belum ditempatkan di mana-mana sekolah sehingga kini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan penempatan guru graduan pendidikan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang tahun kerana pengisian adalah berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran guru di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan *record*, sehingga Mac 2018, seramai 1,336 orang graduan sedang menunggu untuk ditempatkan pada bulan April tahun ini, 2018. Manakala, seramai 2,049 orang graduan lagi akan dipertimbangkan penempatan bagi pengisian kekosongan jawatan yang akan berlaku pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada lagi?

**Tuan Wilfred Yong Chen Leong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kerajaan boleh membantu graduan pendidikan yang mendapatkan pinjaman PTPTN, yang sehingga kini masih belum mendapat sebarang pekerjaan? Selain daripada mereka mendapat penangguhan bayaran, adakah kerajaan berhasrat untuk menghentikan kadar faedah atau kadar keuntungan sepanjang mereka tidak bekerja itu? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan sama ada kerajaan boleh mengecualikan faedah terhadap mereka, itu di bawah PTPTN, tidak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Apa yang ingin saya berikan penjelasan ialah, graduan-graduan daripada universiti awam, kita tidak ada kontrak untuk mengambil sepenuhnya lepasan fakulti pendidikan di universiti awam.

Kementerian Pendidikan Malaysia, kita sentiasa memberikan unjuran keperluan guru kita berdasarkan opsyen kepada Kementerian Pendidikan Tinggi supaya latihan tersebut boleh



memenuhi keperluan kita. Akan tetapi semua universiti awam yang menawarkan Fakulti Pendidikan akan menawarkan lebih kerusi atau tempat untuk pelantikan ataupun latihan kepada guru-guru kita. Selain itu, lepasan guru-guru di bawah Fakulti Pendidikan termasuklah UPSI itu, adalah terbuka kepada pasaran. Mereka boleh memohon semua jawatan perguruan di sekolah swasta, di sekolah antarabangsa, ataupun semua pekerjaan yang ada berkaitan, tidak hanya tertakluk kepada keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadi, mereka yang selepas graduan ini, dari jurusan pendidikan tidak boleh kata kita sedang menunggu *posting*. Hanya mereka di bawah tajaan kita ataupun mereka yang telah memohon dan telah menerima panggilan untuk temu duga oleh SPP itu sahaja yang boleh dikatakan menunggu *posting* daripada kita, yang lain itu adalah terbuka kepada pasaran luar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Cuma, saya hendak tanya kementerian kenapa graduan pendidikan yang sudah ada Diploma ini kena menunggu untuk menjadi cikgu dan kena temu duga lagi? Kenapa dia dipanggil temu duga lagi sedangkan dia sudah ada Diploma Pendidikan, tunggu *posting* sahaja. Ini menjadi rungutan. Saya pun hairan. Dia ada Diploma Pendidikan, dia mahu minta untuk menjadi cikgu, dia ditemu duga pula. Saya kira dia tidak perlu ditemu duga kerana dia ada kelayakan, dia ada Diploma Pendidikan. Saya mahu tahu penjelasan kementerian.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih, atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP) tidak di bawah kementerian. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia yang menentukan sama ada seseorang itu layak untuk menjadi guru. Selepas lulus temu duga tersebut, barulah kita boleh membuat lantikan. Seperti pelantikan kepada seorang pengetua di sekolah menengah, bukanlah kuasa kita untuk melantik tetapi kuasa JPA untuk melantik. Itu adalah sistem pentadbiran negara kita. Ini untuk memastikan bahawa mereka yang *graduate* pun mestilah memenuhi keperluan dari segi temu duga, sama ada mereka *fit*, dengan izin, ataupun sesuai untuk dilantik sebagai guru yang kekal.

Jadi, itu terpulanglah kepada SPP yang diberikan kuasa untuk membuat semua temu duga. Apa yang saya mahu jelaskan sekali lagi di sini ialah hanya guru-guru lepasan (PISMP) di bawah IPGM itu merupakan guru-guru yang tetap akan dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua graduan daripada universiti awam, termasuk UPSI, tidak ada *sign* apa-apa kontrak bahawa kementerian akan mengambil sepenuhnya. Kita hanya akan mengambil

berdasarkan kepada unjuran keperluan jawatan dan opsyen yang kita perlukan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon, satu lagi soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu jika melihat kepada nisbah bilangan guru lelaki dan perempuan, berapakah nisbah?

Kedua, adakah terdapat sebarang kajian dipihak kerajaan mengenai prestasi profesion perguruan ini di kalangan guru-guru lelaki dan perempuan? Ini kerana, saya kira profesion perguruan ini sangat sinonim dengan wanita. Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada nisbah hari sekarang. Kita boleh berikan secara bertulis, secara *details*. Akan tetapi, secara rambangnyanya, lebih kurang 70 peratus wanita, 30 peratus lelaki. Tidak ada kajian dilakukan berdasarkan kepada jantina. Oleh sebab profesion perguruan ini kita tidak melihat dari segi jantina ataupun bangsa atau kaum atau agama. Selagi mereka melepasi profesionalisme mereka, maka kita akan melantik mereka sebagai guru. Oleh itu, tidak ada kajian terhadap sama ada lelaki mempunyai *performance* yang lebih baik daripada wanita ataupun sebaliknya, itu tidak ada di dalam kajian kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chong Sin Woon. Terima kasih banyak. Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

**3. Tuan Ramli bin Shariff** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah kejayaan pasar-pasar tani di bawah seliaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berupaya meringankan bebanan sara hidup rakyat di bandar dan luar bandar, dan adakah kerajaan akan mengadakan peruntukan tambahan bagi mewujudkan pasar-pasar tani baharu pada masa hadapan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff bertanyakan, sejauh mana pasar tani berjaya membantu meringankan bebanan sara hidup rakyat di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pasar tani dibuka setiap minggu, 1,000 buah pasar tani setiap minggu di seluruh negara. Setiap pasar tani, dianggarkan 1,000 pengunjung. Jadi daripada situ kita dapati 1 juta pengunjung seminggu. Empat minggu bersamaan 4 juta pengunjung sebulan. Daripada itu, dapat kita melihat bahawa pasar tani mendapat sambutan yang begitu hebat

daripada orang ramai yang pergi membeli barang-barang keperluan mereka. Di pasar tani, barang-barang jualan rendah daripada harga di pasar biasa di antara lima ke dua puluh peratus. Dari itu dapat penjimatan sebanyak RM20 seorang, lebih kurang penjimatan. Dengan itu, seminggu RM20 juta, sebulan RM80 juta, penjimatan setahun RM1 bilion, penjimatan.

#### ■1030

Ini satu jumlah yang begitu besar dalam meringankan bebanan rakyat berhubung kait dengan pembelian barang-barang keperluan dapur dan keperluan harian. Kita dapati juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak melihat kejayaan pasar tani ini, ia telah meningkat jualan setiap tahun.

Jualan Pasar Tani

Tahun	Transaksi (RM/Juta)
2013	668
2014	743
2015	795
2016	822
2017	861

Menunjukkan peningkatan sebanyak 10 peratus setahun. So dengan izin, pasar tani *is getting more* popular dan mendapat sambutan daripada rakyat kerana harga jualan yang lebih murah daripada di pasar biasa dan ini satu program yang amat berjaya membantu rakyat. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih di atas respons dan jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi, kita sedar dalam program kerajaan membantu rakyat. Maka, salah satu agensi yang dipertanggungjawabkan di bawah kementerian dan saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian khususnya kepada FAMA yang telah berjaya menganjurkan program-program yang boleh mendatangkan penjimatan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana dinyatakan bahawa telah wujudnya suatu kejayaan. Ini suatu *success story*, dengan izin, disebutkan juga, diperincikan juga *turnover*, dengan izin, meningkat setiap tahun. Saya rasa itulah merupakan satu kayu pengukur di mana kedatangannya ramai pengunjung ke pasar-pasar tani.

Okey, jadi saya hendak tanya, soalan saya ada dua soalan. Pertama, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan pasar tani kekal di mana ia beroperasi setiap hari? Itu soalan pertama saya. Soalan kedua saya ialah adakah kualiti barangan yang dijual di pasar-pasar tani sekarang memberi ruang kepada petani, penternak dan nelayan memasarkan barang-barang mereka terus kepada pengguna-pengguna ataupun pelanggan-pelanggan? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasar Tani Kekal pada 2017, 11 buah Pasar Tani Kekal yang telah dibina dan beroperasi. Jumlah ini telah bertambah lagi dengan 14 buah lagi telah dibina dan sebahagiannya dalam proses pembinaan 14 buah dan pada tahun ini di harap 25 buah Pasar Tani Kekal akan dibina di seluruh negara. Itu menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator tadi.

Sukacita saya memaklumkan bahawa ada cadangan di pihak FAMA untuk membina pasar tani kekal di setiap daerah. Buat masa yang akan datang. Berapa banyak kita akan bina bergantung dengan kepada sumber kewangan. Kalau kita dapat peruntukan yang lebih, kita buat lebih. Akan tetapi, dalam perancangan memang ada untuk membuka pasar tani kekal di setiap daerah. Berhubung dengan kualiti, kualiti kebanyakan daripada barang makanan yang dijual di pasar tani kekal ini ia daripada ladang. *From farm to table*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

So, kalau di situ *farm to table*, maknanya *is fresh. It is a fresh product whether is vegetables*, ikan, sayur, daging dan semuanya, *fresh. So*, dengan izin, *nothing with the fresh is fresh*. Ya, tidak? Jadi, kualiti dari segi itu saya rasa lebih baiklah di pasar tani kecuali kebersihanlah. Kebersihan itu kita jagalah bagi memastikan bahawa kesegaran produk-produk itu tidak pula terjejas disebabkan oleh masalah kebersihan. Ini kita jaga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah sokongan FAMA dalam Program Jualan Sentuhan Rakyat telah memanfaatkan pengguna dan apakah pasar tani dapat menjadi platform Program Jualan Sentuhan Rakyat agar barangan hasil pertanian dijual di bawah harga pasaran? Kemudian itu, di dalam Dewan ini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri serta kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana program-program agro wanita yang melibatkan wanita seluruh negara mendapat sambutan yang ramai. Terima kasih banyak-banyak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani... *[Dewan tepuk]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Program, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan jualan jimat belanja dapur ini sebenarnya adalah inisiatif daripada MOA. Kita agensi FAMA yang memulakan Program Jimat Belanja Dapur ini. Akan tetapi, sekarang ini kita dapati banyak kementerian lain pun minat juga buat. *Alhamdulillah*, bertambah banyak termasuklah KKLW. Akan tetapi, kebanyakan daripada barang yang dijual di pasar-pasar jimat belanja dapur yang dibuat oleh kementerian lain itu, sokongan besarnya daripada FAMA. Produk-produk

makanan, sayur-sayuran dan sebagainya. Itu ialah daripada pengusaha-pengusaha di bawah FAMA.

Jadi, kita ucapkan syabas dan setinggi tahniah kepada FAMA sebenarnya yang telah menjayakan program ini secara langsung di pasar tani dan juga di Pasar Tani Kekal dan begitu juga membantu kementerian-kementerian dan jabatan yang lain. Juga bantu kita daripada parti pemerintah ini. Kita, UMNO buat juga. Akan tetapi, orang lain jangan dengki pula. Dia orang hendak buat, buatlah. Ya, tidak? Parti lain [*Ketawa*] Kita prihatin kepada pengguna dan rakyat, kita buatlah. Jadi, itu sebagai menjawab sokongan FAMA kepada program yang dimaksudkan itu. Terima kasih.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya mengucapkan tahniah kerana FAMA dan juga pasar-pasar tani yang diwujudkan di kawasan-kawasan khususnya di kawasan-kawasan kampung. Di tempat saya di Jerai, Tuan Yang di-Pertua. Kita bina FAMA dan kita juga ada pasar yang lebih kurang 200 meter daripada FAMA tersebut dan di bawah *high tension wire* dan sudah pun lebih kurang lapan tahun bangunan FAMA itu di bina dan dibuka. Akan tetapi, rakyat masih tidak mahu masuk ke dalam bangunan yang cantik ini. Dia hendak pergi tempat yang kotor itu juga, Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Saya tengok buka sahaja di kawasan saya malahan di tempat-tempat lain juga bila ada bangunan yang cantik mereka tidak mahu masuk walaupun harganya lebih kurang sama sahaja. Jadi pandangan Yang Berhormat, bagaimana kita hendak menukar *attitude* rakyat ini? Apakah kementerian memberi penerangan kepada mereka ataupun minta supaya pasar-pasar yang berdekatan kotor ini di tutup tetapi susah juga sebab dia di bawah kerajaan negeri. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, Pasar Tani FAMA tidak ada yang kotor. Semua bersih. Yang kotor itu pasar tani orang lain lah *kot*. Ya *dak*? *Kot* negeri-negeri pembangkang kah, apakah. Saya tidak tahu lah. Kenapa tidak jaga kebersihan tetapi Pasar Tani- FAMA jamin 110 peratus bersih dan ramai orang datang. Saya sudah sebut tadi, 1,000 pasar tani seminggu, sejuta pengunjung dan kesesakan lalu lintas pun- kalau kotor orang tidak datang.

Saya tidak setuju kalau kata Pasar Tani FAMA ini kotor tetapi orang datang juga, Tuan Yang di-Pertua- bersih. Makanan yang dijual pun murah, *fresh*. Jadi walau bagaimanapun,

memang betullah kita tidak ada tempat kekal. Pasar tani dia tidak ada tempat yang kekal. Boleh kekal kalau majlis bandaran atau kerajaan tempatan tidak kacau. Jadi sebab itu kita berharap di masa-masa yang akan datang ini, kita ada tempat yang kekal tidak berubah dari masa ke semasa disebabkan oleh pembangunan dan sebagainya. *Insyah-Allah* kita akan buatlah. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat dan juga akhir-akhir ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani banyak buat anjakkan kemajuan saya tengok dan ramai anak muda telah mula mencebur diri segi pertanian. Kita nampak banyak yang kita kata kejayaanlah yang mana kita dapati hinggakan harga Musang King pun sudah naik harga bukan? Itulah yang banyak laris dan anjakkan yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Tahniah Yang Berhormat dan Yang Berhormat Datuk Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman syabas dan tahniah kami ucapkan.

Sekarang kita pergi kepada soalan daripada Yang Berhormat Rabyah binti Ali. Dipersilakan.

**4. Datuk Rabyah binti Ali** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, jumlah syarikat atau individu yang diberikan lesen eksport pasir atau tanah ke luar negara serta berapakah kutipan hasil dari cukai atau levi yang dikenakan ke atas eksport pasir dan tanah ini serta perincian eksport negara.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Rabyah binti Ali. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang bertanggungjawab bagi pengeluaran lesen eksport (AP) mineral dan bahan batuan menurut perintah Kastam larangan mengenai eksport 2017 sebanyak lima syarikat telah pun diluluskan AP bagi mengeksport pasir keluar negara. Ia diluluskan setelah meneliti pelbagai aspek termasuk penjagaan alam sekitar, kapasiti pengeluaran dan sebagainya.

Tentang pembayaran royalti terhadap pengeluaran pasir, ia dikenakan oleh pihak berkuasa yang meluluskan permit lesen mengeluarkan pasir. Ada beza mengenai AP dan juga AP eksport dan juga mengeluarkan pasir iaitu kerajaan negeri bagi pasir sungai dan pasir laut sehingga tiga batu nautika dari tikas air surut menurut Kanun Tanah Negara dan juga Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bagi pasir laut bagi dikeluarkan di kawasan pelantar benua menurut Akta Pelantar Benua 1966.

Dalam hal ini, berdasarkan daripada komitmen negara terhadap perjanjian-perjanjian perdagangan bebas, tiada sebarang bayaran yang dikenakan oleh kementerian ini terhadap

pengeluaran AP mineral dan bahan batuan. Yang ini yang *Federal*-lah tetapi yang negeri, itu dalam bentuk royalti. Itu hal kuasa negeri, tiada dalam rekod kita kerana masing-masing di simpan dalam docket masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya ialah kita dapati sekarang banyak negeri-negeri yang terutamanya kawasan yang ada pantai terutamanya Melaka lah. Kebanyakan mereka ini telah mengorek pasir laut untuk buat menambakkan. Persoalan saya, kerja-kerja mengangkut pasir dan tanah yang dilakukan oleh permit kadang-kadang menimbulkan masalah kerosakan iaitu jalan raya dan juga menjejaskan kebersihan jalan raya dan persekitaran.

Sejauh manakah kerja-kerja mengawal selia dan memastikan setiap penerima permit mematuhi ketetapan peraturan agar kerosakan jalan raya diminimumkan dan juga operasi pemunggaan dengan lori dipastikan tidak mencemarkan persekitaran dan juga jalan raya dan juga ada rungutan daripada nelayan-nelayan apabila pasir ini telah dikorek lautan menjadi dalam. Kalau mereka ini, saya tidak tahu dekat Melaka, diberitahu hendak letak udang kah pun, hendak letak apa pun amat sukar sekarang dan terpaksa jauh sedikit ke laut untuk mendapatkan ikan yang lebih banyak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada dua bahagian. Pertamanya dari segi *planning* sebelum sesuatu kerja pengorekan pasir itu mestilah ada satu penilaian atau dalam bahasa Inggerisnya *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang terpaksa dikemukakan oleh pihak pemaju kepada kementerian khususnya Jabatan Alam Sekitar untuk dinilai tentang kesan negatif tentang impak yang akan berlaku sekiranya kerja-kerja tersebut dilaksanakan.

Sekiranya kesan negatif itu terlalu serius maknanya tidak ada jalan lain ataupun tidak dapat buat mitigasi dan sebagainya maka kerja-kerja tersebut tidak dapat dijalankan. Tidak dibenarkan dijalankan, dilaksanakan tetapi kalau kerja-kerja mitigasi dilaksanakan bagi mengurangkan kesan negatif ataupun impak negatif, dibenarkan. Itu yang diamalkan dari segi kesan kepada impak tersebut. Maknanya penilaian itu perlu dibuat lebih awal.

Bahagian kedua tadi tentang kesan lain yang berlaku semasa projek dijalankan. Banyak pihak yang terlibat bukan sahaja kementerian ini malahan juga jabatan-jabatan lain khususnya pihak berkuasa tempatan. Ertinya, semua pihak terlibat termasuklah kebenaran mengangkut hasil kerja yang dilakukan, pengangkutan dan sebagainya, melibatkan orang ramai dan sebagainya. Itu termasuklah pihak berkuasa tempatan dan di peringkat kementerian khususnya Jabatan Alam Sekitar, kita khusus kepada kesan-kesan alam sekitar sepertimana penilaian alam sekitar, kesan yang saya sebutkan tadi. Yang lain, kita sentiasa berikan kerjasama kepada pihak

berkuasa tempatan, jabatan-jabatan lain dan termasuklah Jabatan Pengangkutan Jalan supaya rakyat dilindungi dan hidup rakyat terus sejahtera tetapi kalau itu berlaku kita amat duka cita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, Yang Berhormat tahniah. Beralih kepada soalan oleh Yang Berhormat Puan Sopiah binti Shariff.

**5. Puan Sopiah binti Sharif** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah dasar, pelan dan tindakan oleh pihak kementerian bagi memperkasakan guru pemulihan Bahasa Inggeris di sekolah (*remedial english teacher*).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Sopiah binti Shariff.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu syarat bagi reformasi pendidikan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah di Malaysia sebagaimana yang disaran dalam *road map* Bahasa Inggeris 2015-2025 ialah mengadakan latihan kepada guru Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran untuk pemulihan BI. Pemulihan BI untuk Tahun 1 sehingga Tahun 3 telah dimulakan dengan pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang bermatlamatkan untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Sopiah binti Sharif. Sila.

■1050

**Puan Sopiah binti Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun menjawab. Cuma soalan saya apakah halangan-halangan dan cabaran yang biasa dihadapi oleh Guru Pemulihan Bahasa Inggeris terutamanya bagi sekolah-sekolah luar bandar? Hal ini di mana saya difahamkan bahawa terdapat setengah guru Bahasa Inggeris terpaksa mengajar di dalam satu sekolah iaitu 30 waktu iaitu selama 900 minit maksima seminggu. Bolehkah kita mengadakan guru Bahasa Inggeris ini dua orang seperti JQAF kita yang mana kita melantik dua orang di setiap sekolah mengajar serentak? Sekian, saya mengucapkan terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengisi keperluan guru kita di sekolah berdasarkan kepada opsyen. Bagaimanapun kekurangan guru di beberapa subjek utama, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Pendidikan Khas masih lagi dalam proses untuk pengisian. Untuk tahun ini kita akan mengadakan pengisian lebih seribu guru untuk sekolah menengah dan pelantikan untuk guru-



guru sekolah rendah akan dilakukan pada April tahun ini, pengisian penuh. Akan tetapi kita untuk melatih kepada guru-guru yang berdasarkan kepada opsyen Bahasa Inggeris, kerana itu merupakan guru yang paling sesuai untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris anak-anak kita di sekolah.

Jadi kita terima bahawa memang ada sekolah yang masih kekurangan guru Bahasa Inggeris sekarang di mana mereka terpaksa mengajar lebih kelas. Akan tetapi mengenai cadangan tersebut bahawa satu kelas diberikan dua orang guru Bahasa Inggeris itu tidak boleh dilaksanakan kerana kita mempunyai nisbah, opsyen guru tersebut. Tidak sama dengan JQAF ya sebab JQAF itu adalah satu mata pelajaran yang khusus di mana tidak ada guru lain yang boleh menggantikan guru untuk mengajar JQAF.

Bagaimanapun kita sedang dalam usaha pengisian 100 peratus berdasarkan opsyen. Pada masa yang sama kita juga menghadapi kekangan Tuan Yang di-Pertua, ramai guru-guru yang memohon untuk bertukar khususnya balik ke kawasan kampung mereka ataupun ke negeri mereka. Kadang-kadang kita kena memenuhi permohonan tersebut.

Pada masa yang sama kita juga kena menjaga kepada pengisian opsyen. Jadi kita memang sentiasa cuba sedaya upaya untuk memenuhi kehendak ataupun keperluan guru. Pada masa yang sama keperluan sekolah untuk pengisian berdasarkan opsyen. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih. Saya bila bercakap fasal guru Bahasa Inggeris ini, sebab saya menjadi YDP tiga buah sekolah dan penasihat pendidikan untuk sekolah-sekolah dalam Parlimen Rantau Panjang. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, guru Bahasa Inggeris yang mengajar di sekolah sekarang ini bukan opsyen Bahasa Inggeris. Dia mengajar kadang guru Sains pun mengajar Bahasa Inggeris, guru Matematik pun mengajar Bahasa Inggeris. Saya dalam sesi yang lepas saya sudah minta dengan Yang Berhormat Menteri, mana-mana yang saya memohon guru yang opsyen Bahasa Inggeris yang berasal dari Rantau Panjang, minta dia bawa balik ke Rantau Panjang. Sebab tahun 2016, UPSR dapat 6A tiga orang sahaja. *Slack* dia Bahasa Inggeris. 2017 baru-baru ini, 17 orang dapat kerana *slack* Bahasa Inggeris.

Sedangkan guru-guru yang opsyen Bahasa Inggeris yang berasal dari Rantau Panjang, ramai yang mengajar di luar. Jadi saya hendak minta kementerian dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya guru-guru yang opsyen Bahasa Inggeris, yang berasal dari Rantau

Panjang ini pulang mengajar di Rantau Panjang untuk menaikkan imej UPSR, biar boleh. Biasa UPSR 5A sebelum ini sekolah-sekolah dalam Rantau Panjang dapat dekat 300 orang dapat 5A. Bila diperkenalkan ini, sudah *drop* kerana kes guru Bahasa Inggeris. Saya hendak minta Kementerian Pendidikan, guru-guru yang berasal dari Rantau Panjang, buat balik mengajar di Rantau Panjang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hanya isu Rantau Panjang. Kalau boleh kita mahu setiap kampung kita mempunyai guru kita yang mempunyai opsyen kita. Itu *perfect*, itu memang tetapi itu memang satu cabaran yang kita tidak boleh selesaikan 100 peratus. So kita tidak mengambil guru berdasarkan kepada tempat tersebut. Contohnya di Australia, pengambilan guru itu diputuskan oleh sekolah. Sekolah yang mencari cikgunya. Akan tetapi di Malaysia ini masih lagi adalah kementerian. Kita mengambil permohonan dari seluruh negara. Contohnya yang paling ramai menjadi guru ini dari negeri Kelantan.

Jadi kalau hendak anak-anak negeri Kelantan semua balik ke negeri Kelantan, tidak cukup tempatnya dan tidak cukup guru di negeri-negeri lain. Jadi di Malaysia ini kita tidak boleh sampai ke 100 peratus bahawa anak watan tersebut balik ke kampung mereka dan pada masa yang sama opsyen pula, sempadan ya, yang Bahasa Inggeris, Rantau Panjang balik ke sekolah di Rantau Panjang mengajar Bahasa Inggeris. Itu memang *perfect* tetapi itu yang sedang kita usahakan seperti mana yang telah saya jawab sebelum ini. Kita cuba sedaya upaya untuk buat *matching* tersebut, dengan izin, supaya anak-anak tempatan boleh balik ke kampung jika mereka memohon dan pada masa yang sama mengisi mengikut opsyen.

Saya terima, saya mengaku bahawa untuk meningkatkan standard penguasaan bahasa Inggeris kita ataupun apa-apa bahasalah, dia sepatutnya diajar oleh guru opsyen tersebut. Oleh itu saya telah menjawab tadi. Kita sedang berusaha mengisi semua guru-guru bahasa itu adalah daripada guru opsyen tersebut. Pada masa yang sama memenuhi keperluan permohonan untuk balik ke tempat masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, minta celah sikit ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Okey saya tertarik, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua beri laluan kepada saya dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan perkataan LINUS ini tadi ini, saringan ya bila pelajar-pelajar atau murid-murid tahun satu hingga tahun tiga. Mungkin tahun satu, tahun dua disaringkan. Okeylah, saya di pinggir bandar. Pelbagai

latar belakang murid-murid datang ke sekolah. Ada yang daripada tadika kerajaan, KEMAS, Perpaduan dan ada juga di tadika swasta.

Jadi kita lihat di sini, apabila disaring, kita tengoklah terutama dalam bahasa Inggeris, jadi berbeza latar belakang murid-murid. Jadi kita tengok apabila berlakunya pengajaran dan pembelajaran di kelas-kelas, apakah perancangan kementerian murid-murid yang datang daripada sekolah-sekolah yang berlandaskan sekolah kerajaan? Hal ini kerana biasanya di luar bandar ini di kampung-kampung Bahasa Inggerisnya lemah.

Jadi apabila dalam kelas, adakah guru-guru atau kementerian apabila disaringkan adakah Bahasa Inggeris yang murid yang tertinggal ini? Kalau hendak mengajar satu kelas, murid yang pandai Bahasa Inggeris dan tidak begitu pandai Bahasa Inggeris akan murid-murid yang tidak pandai Bahasa Inggeris akan tertinggal. Tidak dapat mengikuti kelas ini. Jadi apakah perancangan kementerian apabila murid-murid yang belum berapa pandai Bahasa Inggeris? Kalau tidak sampai darjah enam, sampai tingkatan berapa pun dia akan tertinggal dalam Bahasa Inggeris. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saringan terhadap LINUS untuk Bahasa Inggeris hanya bermula pada tahun 2013. Saya bagi maklumat sedikit ya. Pada tahun 2013, pencapaian kita KPI pada tahun pertama adalah 75 peratus. Kita hanya capai 63.3 peratus.

Untuk tahun kedua kita hendak mencapai KPI kita 88 peratus, kita mencapai 78.3 peratus. Untuk tahun ketiga pencapaiannya meningkat kepada 94.1 peratus dan pada tahun 2016 meningkat kepada 98.3 peratus. Walaupun KPI kita adalah mencapai 100 peratus tetapi hanya capai 98.3 peratus. Antara kekangan kenapa masih ada lagi yang tidak capai, termasuklah mereka yang tidak menduduki saringan, masalah ketidakhadiran murid semasa saringan ataupun murid yang telah disahkan sebagai murid keperluan khas tetapi ibu bapa enggan menghantar mereka ke Sekolah Pendidikan Khas ataupun Kelas Pendidikan Khas.

Pada masa yang sama selepas kita membuat saringan LINUS Ahli Yang Berhormat ataupun Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengadakan program khusus peningkatan kemahiran mereka dengan kita menghantar kepada adanya *coaches* ya, dengan izin, *as an exit plus* Bahasa Inggeris akan diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Pada masa yang sama kita juga ada inisiatif, pelan *Dual Language Programme* (DLP) kepada sekolah yang menerima pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Pada masa yang sama kita juga ada program supaya penggunaan bahasa Inggeris itu secara menyeluruh. Bukan saja dalam kelas pengajaran Bahasa Inggeris tetapi dalam pertuturan sepanjang masa di dalam sekolah ataupun di waktu perhimpunan sekolah, *Higher Immersive Programme (HIP)*.

#### ■1100

Kita menggalakkan supaya ada suasana penggunaan atau peluang penggunaan Bahasa Inggeris kerana kalau kita hanya mempelajari satu bahasa dalam bilik darjah sahaja, dalam waktu pembelajaran itu sahaja, tidak mungkin seseorang murid itu dapat menguasainya. Jadi keadaan komuniti itu juga penting. Oleh itu kenapa di Selangor ataupun di bandar-bandar besar di Kuala Lumpur penguasaannya lebih baik, kerana penggunaannya. Waktu penggunaan, peluang penggunaan bahasa tersebut jauh lebih banyak berbanding dengan kawasan-kawasan kampung.

Oleh itu, kita cuba mencipta keadaan sekolah di mana penggunaan Bahasa Inggeris itu menggunakan masa yang lebihlah ataupun ada mingguan Bahasa Inggeris, adanya perhimpunan khusus dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Pada masa yang sama kita juga menggalakkan anak-anak kita membaca buku-buku berdasarkan kepada Bahasa Inggeris kerana *contact hour*, dengan izin, *contact hour* yang lebih itu membantu anak-anak kita menguasai dan bukan hanya di sekolah sahaja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chong Sin Woon yang telah menjawab dengan terang dan jelas dan sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**6. Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Menteri Kewangan menyatakan, strategi yang dirangka bagi mengukuhkan penarafan kredit negara, mengekalkan kemapanan defisit dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang stabil dan kekal berdaya saing.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memperkenalkan agenda Transformasi Nasional khususnya Program Transformasi Ekonomi yang bertujuan meletakkan ekonomi pada kedudukan yang lebih kukuh serta memastikan ekonomi negara berdaya tahan dan berdaya saing. Program Transformasi tersebut termasuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan, pembaharuan fiskal, serta langkah untuk memastikan sistem kewangan yang kukuh dan stabil bagi menyediakan penampakan yang mencukupi untuk menangani cabaran luar.

Dari sudut pengurusan fiskal, bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh bagi jangka masa serta tahan lama dan panjang, kerajaan telah melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal khususnya langkah rasionalisasi subsidi berperingkat yang merupakan mekanisme

pemberian subsidi pukal kepada subsidi bersasar. Selain itu, bagi meningkatkan lagi kecekapan sistem percukaian dan mengurangkan ketirisan hasil negara, kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan bagi menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Melalui langkah ini, kerajaan telah berjaya menurunkan defisit fiskal sebagai peratusan KDNK sebanyak 3.7 mata peratusan sejak tahun 2009 kepada tiga peratus pada tahun 2017.

Manakala kedudukan hutang negara pula mencatat 50.8 peratus daripada KDNK kekal di bawah paras had siling 55 peratus daripada KDNK. Justeru, bagi memastikan kedudukan kewangan terus bertambah kukuh, kerajaan komited dengan langkah konsentrasi fiskal dan menetapkan sasaran untuk mencapai bajet hampir seimbang pada tahun 2020 di mana paras hutang kerajaan dijangka berkurang kepada sekitar 47.5 peratus daripada KDNK. Selain itu, langkah tersebut juga bertujuan mewujudkan ruang fiskal bagi membolehkan kerajaan melaksanakan langkah kitaran balas sekiranya negara menghadapi kejutan ekonomi.

Namun begitu, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada program dan projek yang berteraskan rakyat dan berimpak tinggi bagi memastikan perancangan ekonomi dan kewangan bagi jangka masa panjang dapat dicapai. Di samping itu, asas ekonomi negara yang kukuh termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh, kadar inflasi yang terkawal dan prestasi perdagangan yang baik terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan dipacu oleh peningkatan dalam produktiviti. Manakala kebergantungan kepada input modal dan pekerja akan dikurangkan.

Berikutan langkah ini, pada tahun 2017, ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan 5.9 peratus antara yang tertinggi sejak krisis sub prima 2009 dan lebih tinggi daripada sasaran 5.2 peratus hingga 5.7 peratus. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta dan permintaan luar negeri yang lebih baik. Hasil daripada perancangan dan usaha yang telah disebutkan, kerajaan yakin bahawa bukan saja ekonomi negara akan terus meningkat, kewangan negara terus kukuh, malah penarafan kredit negara akan turut bertambah baik kepada gred pelaporan yang lebih tinggi atau sekurang-kurangnya kekal purata dalam kategori A setaraf dengan negara-negara seperti Jepun, Iceland, Ireland dan Slovenia.

Agensi-agensi penarafan antarabangsa utama iaitu *Fitch* dan *Standard and Poor's* mengekalkan penarafan Malaysia pada gred pelaporan A- manakala *Moody's* pada gred pelaburan A3 sejak tahun 2013 walaupun negara berhadapan dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan kejatuhan harga minyak mentah dunia. Secara umumnya, ketiga-tiga agensi tersebut mengiktiraf pendekatan kerajaan dalam menguruskan mikro ekonomi dan

fiskal negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi terus berkembang serta komitmen terhadap langkah konsolidasi fiskal. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pertama, sejauh manakah perang perdagangan di antara negara Amerika Syarikat dan China ketika ini akan memberikan kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini dan langkah-langkah yang akan diambil kerajaan bagi meminimumkan impaknya kepada negara kita.

Kedua, gelombang Revolusi Industri 4.0 adalah satu *destruction*, dengan izin, kepada perniagaan dan pekerjaan sedia ada. RI 4.0 ini juga dijangka akan mempengaruhi kemampuan Malaysia untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi. Jika ekonomi beres dan gagal merancang seiring dengan revolusi ini prestasi baik pertumbuhan ekonomi kita ketika ini tidak dapat dikekalkan. Oleh yang demikian, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menyiapkan keseluruhan ekonomi negara daripada ledakan Revolusi Industri 4.0 ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara perdagangan dan ekonomi bersaiz kecil dan terbuka, perang perdagangan di antara negara Amerika Syarikat dan negara China tentunya mempunyai impak bukan sahaja kepada negara kita tetapi malahan lain-lain negara di dunia juga.

Walau bagaimanapun, struktur ekonomi negara yang pelbagai dari segi pasaran dan barangan akan dapat meminimumkan impak negatif atau sebaliknya memaksimumkan impak positif dari perang perdagangan tersebut. Kesan sebenar perang perdagangan ini masih terlalu awal untuk dinilai tetapi kerajaan sentiasa proaktif dalam menangani impak dari perang perdagangan ini dan akan mengambil tindakan untuk memastikan ekonomi negara terus tumbuh secara positif.

#### ■1110

Mengenai soalan tentang Revolusi Industri 4.0, gelombang revolusi industri ini adalah satu perkembangan adaptasi teknologi dalam segenap aspek kehidupan termasuklah aspek perniagaan dan pekerjaan. Ianya telah berlaku dan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana negara. Antara langkah utama yang telah diambil oleh kerajaan adalah pelaksanaan *Digital Free Trade Zone* bagi menjadikan negara sebagai hab perdagangan digital. Kerajaan juga sedang giat melaksanakan program-program bantuan teknikal kepada komuniti perniagaan untuk mengadaptasi IR 4.0 bagi memanfaatkan perniagaan melalui agensi MDEC dan MAGIC. Usaha

yang diambil ini dapat mendedahkan negara dan komuniti perniagaan tempatan dalam posisi yang mendapat manfaat daripada IR 4.0 ini. Sekian, terima kasih.

**7. Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, adakah Kerajaan Korea Utara masih lagi mendesak untuk turut masuk campur dalam urusan perundangan negara berkaitan kes pembunuhan berprofil tinggi iaitu Kim Jong Nam di mana perbicaraannya sedang berjalan ketika ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd. Yusoff atas pertanyaan yang dikemukakan yang berkaitan dengan sama ada wujud desakan ataupun campur tangan dalam soal perundangan negara yang membabitkan kes pembunuhan berprofil tinggi Kim Jong Nam di mana perbicaraannya sedang berlaku.

Seperti yang kita sedia maklum, kes ini telah berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Dua atau lebih dikenali dengan KLIA2 pada 13 Februari 2017. Kes ini melibatkan seorang mangsa warganegara Korea Utara iaitu Kim Jong Nam dan dua suspek wanita iaitu warganegara Indonesia, Siti Aisyah yang berusia 25 tahun dan seorang warganegara Vietnam iaitu Doan Thi Huong yang berusia 29 tahun. Kes ini pada mulanya dikemukakan di hadapan mahkamah Majistret namun telah pun dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk perbicaraan lanjut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perbicaraan bagi kes pembunuhan ini telah pun bermula sejak 2 Oktober 2017 dan akan berlangsung sehingga Mei 2018. Kedua-dua suspek diwakili oleh peguam masing-masing dan bantuan kemudahan penterjemah bahasa turut diberikan sepanjang sesi mahkamah berlangsung. Pihak kerajaan terutamanya pihak kementerian akan terus memantau perkembangan perbicaraan kes ini dari semasa ke semasa dan akan berhubung dengan pihak berkuasa di Malaysia bagi mendapatkan maklumat terkini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan Malaysia tidak menerima sebarang bentuk desakan mahupun melayani apa-apa juga bentuk desakan dari mana-mana pihak termasuk Korea Utara dalam usaha untuk mencampuri dalam proses perundangan negara berkaitan dengan kes pembunuhan berprofil tinggi ini. Saya ulangi, kita tidak akan membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk mempengaruhi perjalanan kes ini bagi membolehkan prosiding kes ini berjalan secara adil mengikut sistem undang-undang negara yang sedia ada.

Saya dinasihatkan untuk tidak memberi ulasan yang lebih *detail* berkaitan kerana ia dikhuatiri mungkin akan menjadi subjudis kepada *the ongoing trial of this case*. Terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu bernas. Cuma saya ada sedikit pertanyaan untuk soalan kedua. Apakah langkah-langkah seterusnya yang diambil oleh pihak kerajaan dan kesannya ke rantau ini bila hubungan antara Korea Utara dengan negara China yang berlangsung di Beijing baru-baru ini dan juga perjumpaan yang bakal berlangsung antara pemimpin Korea dan juga pemimpin Amerika Syarikat yang dijangka pada bulan Mei ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican:** Terima kasih atas soalan tambahan dan juga saya amat teruja atas minat Yang Berhormat Senator dalam isu-isu Kementerian Luar Negeri ini.

Sememangnya kita mengetahui bahawa iklim hubungan diplomatik Malaysia dengan Korea Utara tentulah tidak berada dalam keadaan yang sama apatah lagi setelah berlakunya pembunuhan Kim Jong Nam yang sebenarnya telah membawa kepada ketegangan hubungan diplomatik bila mana Duta daripada Korea Utara telah diisytiharkan sebagai *pesona non-grata* di bawah Artikel 9, *Vienna Convention on Diplomatic Relations, 1961* yang juga telah membawa tindakan balas daripada Kerajaan Korea Utara yang menahan sembilan kakitangan kedutaan kita daripada keluar.

Namun *alhamdulillah*, episod tersebut telah selesai. Namun hubungan yang berlaku sekarang adalah pertamanya kita telah mengenakan visa untuk sebarang kemasukan warga Korea ke negara kita. Kita juga menghadkan 30 hari pas visa. Di samping itu kita telah mengurangkan jumlah kakitangan yang berada di Kedutaan Korea Utara di Kuala Lumpur. Ini juga selaras dengan saya kira banyak resolusi-resolusi, dengan izin, *United Nations Security Council* yang telah mengenakan sekatan-sekatan yang jauh lebih ketat. Tahun 2017, ada tiga *resolution* yang dikenakan oleh UNSC terhadap Korea Utara. Demikian juga pada 2016. Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita sentiasa mematuhi *and comply* kepada tuntutan yang dikenakan oleh UNSC.

Namun berbalik kepada soalan yang dibangkitkan tadi, Malaysia melihat perkembangan positif yang berlaku dalam sebulan ini adalah satu benda yang amat boleh dikatakan *encouraging* dan apatah lagi untuk tiga kali sidang perbincangan di peringkat tertinggi yang berlaku antara Korea Utara dengan Korea Selatan dan dijangka pada 27 April akan diadakan sidang kemuncak antara kedua-dua negara, Korea Selatan dan Korea Utara. Demikian juga ia disambut baik oleh pihak Amerika Syarikat yang dijangka untuk mengadakan sidang kemuncak juga bersama dengan Korea Utara pada bulan Mei.



Semua perkembangan ini boleh dianggap sebagaimana yang saya sebut tadi *encouraging* dalam usaha untuk kita mengurangkan atau *to de-escalate the tension* dalam rantau kita. Paling penting sudah terdapat bibit-bibit persetujuan Kerajaan Korea Utara kepada *decolonisation* di rantau ini yang selama ini menjadi harapan kepada semua anggota yang berada di Rantau Asia Timur dan juga Asia Tenggara. Paling penting ialah pertemuan ini juga akan membuka laluan baru. Bukan itu sahaja, ia dipersetujui oleh hampir semua P5. Dipersetujui oleh Rusia, China, *United State* dan juga dialu-alukan oleh pihak *France* dan juga UK. Saya lihat ia akan merintis kepada usaha yang boleh menghasilkan *the desired result* yang positif. Boleh faham, ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Ada lagi soalan? Dengan itu Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak kerana telah menjawab dengan begitu terang dan jelas... *[Disampuk]* *[Ketawa]* Okey, baik. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad.

■1120

**8. Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sehingga kini berapakah jumlah pemohon yang telah mendapat manfaat melalui skim *MyHome* sejak ianya diperkenalkan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Terima kasih Yang Berhormat.

Menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, untuk makluman Yang Berhormat Skim Perumahan Mampu Milik *MyHome* telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2014, pada 25 Oktober 2013. Kerajaan telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta dengan sasaran insentif kepada 10,000 unit rumah mampu milik bernilai RM300,000 ke bawah di seluruh negara.

Insentif ini disediakan bagi pembelian unit-unit rumah di bawah mana-mana projek penswastan yang dibangunkan oleh pemaju-pemaju swasta. Bagi tujuan untuk kita membantu golongan yang berpendapatan sederhana M40 dan juga B40 untuk mereka memiliki rumah pertama. Di samping itu juga, ianya adalah untuk menggalakkan sektor swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik di Malaysia ini.

Bagi menjawab kepada persoalan yang menjurus oleh Yang Amat Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 28 Februari 2018 sebanyak ataupun seramai 2,598 orang telah pun menerima insentif di bawah Skim *MyHome* yang melibatkan pembayaran insentif berjumlah RM77.94 juta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kalau soalan ini daripada Yang Berhormat Menteri Datuk Halimah binti Mohamed Sadique ini, bila soalan daripada dia saya kadang-kadang risau sebab tidak ada soalan tambahan nanti kita hendak bagi sebab kalau dia jawab lengkap. Beliau ada kepakaran dari segi itu, letaklah di mana pun macam sabut dia timbul.

Soalan saya soalan tambahan saya ialah apakah usaha kerajaan dalam menggalakkan lagi pemaju-pemaju swasta ini untuk melaksanakan rumah *MyHome* ini? Bagaimanakah kementerian, dengan mekanisme apa yang digunakan untuk pemantapan bagi melaksanakan rumah mampu milik ini ataupun bantuan *MyHome* ini di milik oleh mereka yang berpendapatan rendah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rasa terapung pula bila Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad kata macam sabut [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad.

Sepanjang pelaksanaan Skim *MyHome* ini Tuan Yang di-Pertua yang bermula pada tahun 2014, sepanjang pelaksanaannya sehinggalah pada tahun 2017, tahun ini adalah tahun 2018. Kementerian mendapati bahawa ada beberapa perkara yang boleh kita tambah baik dalam pelaksanaan Skim *MyHome* bagi Skim *MyHome* 2018 dan selanjutnya. Untuk lebih memantapkan program Skim *MyHome* ini dalam menyediakan perumahan rumah pertama di atas perumahan yang bernilai RM300,000 ke bawah sama ada untuk M40 ataupun B40.

Antara perkara-perkara yang telah pun kita dapati Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad, yang pertama setakat yang ada kita nampak kurangnya penglibatan pihak pemaju untuk melaksanakan Projek *MyHome* ini. Ini kerana disebabkan contoh antaranya, faktor jualan rumah *MyHome* yang kita letakkan bagi skim yang sedia ada sebelum kita buat pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, dia adalah rendah jika dibandingkan dengan harga pasaran yang boleh dibuka kepada pembeli-pembeli yang ada.

Sebagai contoh kriteria harga jualan rumah *MyHome* sebelum ini kita ada Skim *MyHome1* kita ada Skim *MyHome2*. Sebagai contoh harga jualan bagi Skim *MyHome1* yang ditetapkan oleh kementerian adalah antara RM80,000 sehingga RM150,000 seunit. Jadi mungkin dia tidak memadai kepada minat untuk membantu pemaju swasta ini Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad, supaya mereka dapat membina lebih lagi kerana sekatan dari segi harga yang ada.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu kementerian juga mendapati bahawa had pendapatan isi rumah bagi permohonan *MyHome* sebelum ini dia adalah untuk golongan M40 yang berpendapatan antara RM3,000 sehingga RM6,000 sebulan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, ianya juga telah pun menghadkan peluang kepada golongan M40 untuk memiliki rumah di bawah Skim *MyHome* ini. Maka sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, di atas perkembangan, kekangan, masalah, keperluan yang diperlukan secara semasa dalam menjayakan, lebih menjayakan lagi Skim *MyHome* ini maka pihak kementerian telah pun melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan dari segi mekanisme pelaksanaan Skim *MyHome*.

Untuk tahun 2018 ini Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad, kita akan mulakan pada tahun ini. Pemantapan yang kita ada lakukan bagi meningkatkan lagi galakan kepada pemaju-pemaju swasta yang ada. Pertama, harga pasaran ataupun jualan rumah oleh pemaju yang mahu menyertai Skim *MyHome* ini adalah tidak melebihi RM300,000 iaitu RM300,000 bagi rumah mampu milik dan ke bawah untuk semua negeri. Tiada kelulusan minimum yang kita tetapkan. Kalau dahulu kita tetapkan 800 kaki persegi bagi Skim 1 dan Skim 2 kita tetapkan 850 kaki persegi. Jadi untuk usaha pemantapan ini tidak ada kelulusan minimum yang ditetapkan.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, permohonan Skim *MyHome* ini dia hanya kepada projek-projek yang dibangunkan oleh pemaju-pemaju swasta yang tidak mendapat sebarang insentif daripada pihak kerajaan. Contoh, projek perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri PPA1M, PR1MA, RUMAWIP, rumah mampu milik kerajaan negeri dan sebagainya adalah tidak layak untuk mendapatkan Skim *MyHome* ini.

Ketiga, tiada had bilangan unit yang akan ditetapkan kepada pemaju untuk menerima insentif Skim *MyHome* ini bagi satu-satu pemajuan projek yang akan dilaksanakan. Kalau sebelum ini Tuan Yang di-Pertua kita ada bagi had 1,000, kita tidak bagi lebih. Jadi untuk pindaan ini tiada lagi had bilangan unit yang akan ditetapkan bagi sesebuah syarikat pemajuan yang akan memajukannya. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, dia bergantung, insentif yang akan kita bagi RM30,000 ini dia bergantung ke atas unit terjual ini dia bergantung dan tertakluk kepada peruntukan sedia ada di bawah Skim *MyHome*.

Kita harap langkah ini Tuan Yang di-Pertua akan dapat membuka lebih banyak lagi peluang kepada semua pemaju di seluruh negara untuk menyertai Skim *MyHome* dengan menyediakan dan juga membantu meningkatkan lagi penyediaan rumah mampu milik kepada kerajaan. Untuk menjawab kepada apakah usaha untuk membantu pembeli yang akan dilaksanakan bagi Skim *MyHome* 2018 yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad tadi. Saya hendak memaklumkan had kelayakan umur kalau dahulu 18 tahun kita tingkatkan kepada 21 tahun ke atas.

Kedua syarat pendapatan, ini yang paling penting Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad. Syarat pendapatan isi rumah pemohon. Kalau dahulu RM3,000 sehingga RM6,000 sebulan sekarang ditingkatkan kepada RM10,000 dan ke bawah. Kita harap langkah ini akan dapat membuka lebih banyak lagi ruang kepada golongan M40, B40 yang berkelayakan untuk memiliki rumah pertama di bawah Skim *MyHome* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih ada lagi soalan?

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Ada, ada soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lenggang lenggok Mak Limah. Mak Limah makin cantik berseri. Bibir merah menyala membuat hati menanya soalan [*Ketawa*]

Soalan saya, apakah *MyHome* ini mendapat sambutan yang luar biasa kerana saya dapati bahawa permintaan dari segi golongan yang disebut tadi dahulunya di bawah B40 dan peningkatan kepada RM10,000 ke bawah.

■1130

Adakah perancangan untuk masa lima tahun di hadapan kerana kita tahu isu perumahan ini tidak akan habis, tidak akan cukup kerana penambahan penduduk. Kedua soalan saya, apakah kementerian menggunakan syarat khusus kepada semua pemaju swasta yang ingin membuat projek perumahan mengenakan syarat 30 peratus dalam kebenaran merancang bagi setiap negeri. Ini kerana kita dapati bahawa kebanyakan pemaju akan cuba mengelak dari segi menyumbang kepada 30 peratus rumah mampu milik yang mana mereka menghadkan jumlah tertentu supaya ia tidak mengenakan syarat untuk rumah mampu. Jadi minta pandangan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kalau soalan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad saya rasa terapung.

Sekarang soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim saya merasa melayang-layang di udara [*Ketawa*]

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Untuk makluman Yang Berhormat Senator bagaimanakah sambutan pelaksanaan Skim *MyHome* yang disoalkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Saya sudah sebutkan tadi Yang Berhormat Senator tentang tindakan pemantapan yang akan dapat merangsang lagi minat penyertaan syarikat-syarikat dan pemaju-pemaju swasta supaya dapat tampil ke hadapan bersama-sama untuk menyokong dasar kerajaan untuk membina lebih banyak lagi rumah mampu milik terutama rumah mampu milik bernilai RM300,000 seperti yang telah pun saya nyatakan tadi. Ini termasuklah harga jualan yang kalau dulu kita rendah, kali ini kita buat kepada RM300,000 dan tiada had yang dikenakan dari segi jumlah keluasan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejumlah 26 projek yang melibatkan 25 pemaju sahaja. Untuk skim yang sebelum ini kita adakan melibatkan 26 projek, ada 26 projek melibatkan 25 pemaju sahaja. Perumahan yang melibatkan jumlah 6,766 unit rumah yang telah pun diluluskan di bawah skim ini. Jadi kalau kita lihat 26 projek melalui 25 pemaju. Jadi tidak ramai sebenarnya. Jadi maka kerana itu diadakan penambahbaikan supaya selepas ini untuk Skim *MyHome* 2018 lebih daripada itu pemaju yang akan menyertai skim ini. Itu yang pertama.

Keduanya, memandangkan sasaran unit rumah untuk pembiayaan di bawah skim ini telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang saya nyatakan tadi pada Bajet 2014 ada 10,000 unit, maka terdapat lagi *balance* ataupun lebih 3,234 unit *MyHome* lagi yang akan ditawarkan Yang Berhormat Senator kepada bakal pembeli rumah bagi tahun 2018 ini sehinggalah tahun 2020.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-11 bagi tahun 2018 sejumlah RM35 juta akan diperuntukkan oleh kerajaan melalui kementerian untuk pelaksanaan Skim *MyHome* dan pihak kementerian mengunjurkan sebanyak 1,166 bakal pembeli rumah Skim *MyHome* ini akan mendapat insentif itu bagi tahun 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator yang berkaitan dengan penyertaan daripada syarikat swasta untuk menyertai Skim *MyHome* ini, ia masih terbuka Yang Berhormat Senator dan ia tertakluk kepada beberapa syaratlah sudah pasti. Ia bukannya bila kita sediakan skim ini, sesiapa pun boleh datang mohon dan sebagainya sama ada berlesen ataupun tidak berlesen dan sebagainya. Jadi ia ada syarat-syaratnya. Antara syarat-syaratnya Tuan Yang di-Pertua:

- (i) syarikat pemaju sah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah undang-undang negara kita sudah tentu;
- (ii) projek perumahan ini mesti berlesen dan dapat kelulusan Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL);

- (iii) projek dilaksanakan di atas tanah milik syarikat swasta;
- (iv) harga pasaran tidak melebihi RM300,000; dan
- (v) projek-projek swasta yang tidak mendapat sebarang insentif seperti yang saya sebutkan tadi.

Berkaitan dengan kuota yang dikenakan, kuota di peringkat negeri-negeri. Ia lain-lain negeri, lain-lain. Ini kerana adalah bergantung kepada dasar perumahan kerajaan negeri masing-masing. Ada kerajaan negeri yang menyediakan kuota 40 peratus. Kuota pembinaan rumah mampu milik. Ada kerajaan negeri yang mengenakan kuota 30 peratus yang memang sepatutnya dipatuhi oleh mana-mana syarikat pemaju yang mahu membangunkan apa-apa projek perumahan di mana-mana negeri yang ada.

Ini kerana itu adalah dasar perumahan kerajaan negeri. Kerajaan negeri akan mengenakan syarat-syarat seperti itu selain daripada lain-lain yang berkaitan dengan contoh, *development charges*, *compliance charges*, premium tanah dan sebagainya termasuklah kuota pembinaan rumah mampu milik bagi rakyat negeri yang berkenaan.

Jadi sudah tentu Yang Berhormat Senator kerajaan negeri yang akan memantau kepada pematuhan pelaksanaan kuota-kuota negeri yang akan dikenakan sebagai syarat oleh kerajaan negeri kepada mana-mana pemaju yang mahu membangunkan apa-apa juga projek perumahan di negeri-negeri yang berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Ada? Sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Kalau Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim suka dengan jawapan Datuk Halimah saya juga suka, *I really admire you*, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ha, ada pakatlah itu.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Soalan tambahan saya, apakah skim khusus lain yang disediakan oleh pihak kementerian bagi membantu golongan belia di kawasan bandar untuk memiliki rumah? Itu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih kepada kakanda saya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Ini tadi sudah terapung, lepas itu sudah melayang, yang ini sudah balik kepada asal. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Merah muka aku nanti.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah tadi apakah skim-skim lain agaknya yang disediakan oleh kementerian dalam usaha untuk- tadi kita sebut tentang skim perumahan, insentif melalui Skim *MyHome* untuk membantu M40 dan B40 di seluruh

negara. Apa lagi yang kita lakukan untuk golongan muda belia muda di kawasan bandar untuk memiliki rumah?

Mungkin jawapan saya ini boleh memberikan kepuasan kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Kita ada beberapa projek Tuan Yang di-Pertua yang kita bangunkan di bawah kementerian KPKT yang memberi fokus kepada semua M40, B40 dan juga kepada belia-belia yang ada dalam kawasan-kawasan bandar. Perumahan kita bukan sahaja perumahan melalui Skim *MyHome* untuk rumah yang bernilai RM300,000 ke bawah, kita ada Skim *MyDeposit* bagi perumahan yang bernilai RM500,000 ke bawah, kita ada skim pinjaman perumahan, kita ada Skim *Rent-to-Own* melalui projek PPR yang dibangunkan oleh kementerian dan lain-lain.

Bagi golongan belia Tuan Yang di-Pertua, khusus projek Perumahan Transit Belia ataupun kita panggil *MyTransit* merupakan satu lagi inisiatif baru di bawah Jabatan Perumahan Negara, di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perumahan *MyTransit* ini Tuan Yang di-Pertua, kita bangunkan bagi golongan muda, golongan belia muda yang telah pun diumumkan dalam Bajet 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sasaran 10,000 unit rumah di bandar-bandar utama di seluruh negara dalam tempoh lima tahun telah pun diumumkan dalam Bajet 2017.

Sebagai permulaan Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan 2,010 unit rumah *MyTransit* di Mukim Batu dan Mukim Kepong Kuala Lumpur pada 18 September 2017 dan dijangka siap pada tahun 2021. Perumahan Transit Belia ini Tuan Yang di-Pertua, ia terdiri daripada dua jenis iaitu satu studio unit berkeluasan 400 kaki persegi dan apartmen dua bilik berkeluasan 550 kaki persegi. Kenapa dinamakan *MyTransit*? *MyTransit* sepatah kata Yang Berhormat Menteri saya, rumah ini untuk disewa bukan untuk dimiliki.

Jadi kalau kita letakkan *MyTransit*, transit itu maknanya sementara. Jadi bila kita letakkan program ini sebagai Perumahan Transit Belia ataupun *MyTransit* maknanya dalam tempoh yang ada itu kemudian anak-anak muda ini akan berupaya untuk mencari kediaman yang mampu milik di bawah skim-skim yang dibangunkan bukan sahaja oleh kementerian termasuk oleh PR1MA SPNB dan lain-lain.

Kadar sewaanannya Tuan Yang di-Pertua, ia adalah 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. Apa yang paling istimewa sekali dengan program *MyTransit* untuk orang-orang muda ini, ia terdapat elemen *force saving* yang mana unit rumah itu bila kita sewakan, kita akan letakkan kadar *force saving* yang kemudian akan dipulangkan balik kepada penyewa selepas tamat tempoh penyewaan.

**■1140**

Maknanya simpanan yang kita letakkan atas *force saving* itu akan dipulangkan balik kepada anak-anak muda ini supaya mereka boleh gunakan *force saving* yang kita simpankan. Apabila sampai *time*, tempoh penyewaan itu selesai, kita akan pulangkan dan mereka boleh gunakan *force saving*, simpanan yang kita simpankan itu daripada duit yang mereka bayar, termasuk dalam sebahagian daripada sewaan dan untuk membeli rumah-rumah yang mungkin akan jadi pilihan pada masa yang akan datang.

Satu lagi ialah program- yang tadi ini adalah untuk belia-belia muda. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, Program Rumah Transit 1Malaysia. Ini bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada pasangan muda yang baru berkahwin. Pasangan muda yang baru berkahwin, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut kali yang ketiga, pasangan muda yang baru berkahwin.

Jadi kepada pasangan muda yang telah berkahwin berumur antara, yang ini saya kena sebut dua kali, yang berumur antara 18 tahun hingga 30 tahun, 18 tahun hingga 30 tahun. Makna Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dekat sini tidak layaklah senang cerita. Termasuklah presiden senator-senator pun tidak layak.

Ia tertumpu di kawasan-kawasan bandar-bandar besar dan Rumah Transit 1Malaysia ini kita bina untuk bantu pasangan muda yang berpendapatan rendah, supaya mereka dapat membuat simpanan kewangan untuk pemilikan rumah pada masa akan datang. Dalam tempoh masa itu dan disewakan pada kadar yang rendah iaitu RM250 sebulan, Tuan Yang di-Pertua. Tempoh sewaan tiga tahun dengan opsiyen tambahan mungkin selama dua tahun, *one-plus-one* atau satu campur satu tertakluk kepada prestasi bayaran sewa yang akan dibuat oleh penyewa muda, pasangan muda ini.

Pendapatan isi rumah RM5,000 ke bawah dan yang paling seronok untuk pasangan muda ini Tuan Yang di-Pertua, rumah 700 hingga 850 kaki persegi, tiga bilik dua bilik air, ruang tamu dan dilengkapi dengan kipas, lampu dan termasuk kemudahan-kemudahan lain yang ada. Kita juga sudah lancarkan di Bukit Jalil, di Sri Aman dan juga di Sungai Melana. Jadi saya harap saya telah menjawab kepada persoalan yang saya kasihi Yang Berhormat Senator Datin Hajah Rahimah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah menjawab begitu lantang, tegas dan berisi. Buat juga kita punya presiden Dato' Sri Khairudin Samad pun senyum, puas hati dia kata. Akan tetapi di muka dia tadi saya tanya dia kata pasangan muda, kalau pasangan yang agak umur lelaki itu 50 tahun hendak kahwin muda macam mana itu? Saya rasa jelas dan terang, ini hasil daripada Yang Berhormat Menteri tahu dia punya *subject matter*,



dengan izin, oleh sebab itu kita puas hati dengan jawapannya untuk kepentingan kita bersama. Terima kasih dan tahniah, Yang Berhormat. Sekarang saya hendak beralih kepada soalan terakhir bagi soalan pertanyaan lisan. Kita beralih kepada yang lain pula.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **MERENTIKAN KUAT KUASA P.M. 47 DAN P.M. 66**

**11.43 pg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat iaitu 82(1) dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Majlis Mesyuarat ini merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 47 dan Peraturan Mesyuarat 66 bagi membolehkan Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan) 2018, Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018, dan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) (No.2) 2018 seperti yang tertera di aturan nombor 2, nombor 3 dan nombor 4 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dibahas dan diputuskan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.43 pg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Pergigian 2017 diwujudkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian, mengawal selia amalan pergigian dan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pergigian sedia ada telah wujud sejak 1 Oktober 1971 dan telah menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran dan amalan pengamal pergigian serta bagi membuat peruntukan tertentu untuk maksud negara. Berkenaan dengan satu tempoh dalam perkhidmatan awam, selepas pendaftaran sebagai seorang pengamal pergigian dan membuat peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut di atas. Tambahan daripada peruntukan asal, Rang Undang-undang Pergigian 2017 akan mewujudkan peruntukan bagi pendaftaran dan pengawalseliaan pakar pergigian dan juruterapi pergigian serta bagi penguatkuasaan di bidang pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pergigian 1971 telah mengawal selia amalan dalam bidang pergigian selama 46 tahun dengan jayanya. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan pengamalan dan teknologi dalam bidang pergigian, suatu akta baharu yang mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dan peruntukan yang merangkumi semua aspek pengamalan pergigian terkini adalah diperlukan. Tambahan pula, dengan perkembangan pesat dan dinamik dalam bidang pelancongan kesihatan di Malaysia, dijangkakan ramai pengamal pergigian serta pesakit akan merentas sempadan dan memasuki negara ini. Fenomena ini akan membawa kepada cabaran baharu yang harus ditangani melalui rang undang-undang yang baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pergigian 2017 mengandungi sembilan bahagian dan 104 fasal. Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya jelaskan bahagian-bahagian seperti berikut.

Bahagian I, rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan tafsiran bagi istilah yang diguna pakai dalam rang undang-undang baharu ini.

Bahagian II, menerangkan penubuhan Majlis Pergigian Malaysia, fungsi dan tugas majlis, keanggotaan majlis, pelantikan setiausaha majlis serta perwakilan, fungsi dan penubuhan jawatankuasa di bawah majlis. Sebuah majlis akan diwujudkan terdiri daripada perwakilan pengamal pergigian dari sektor awam, pengamal pergigian dari sektor swasta dan juruterapi pergigian untuk mengawal selia pendaftaran dan pengamal-pengamal pergigian bagi memastikan perkhidmatan berkualiti dan selamat kepada rakyat.

Bahagian III, menerangkan penubuhan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia, fungsi dan kuasa lembaga, keanggotaan lembaga, pelantikan Setiausaha Lembaga, serta perwakilan fungsi dan penubuhan jawatankuasa di bawah lembaga. Sebuah lembaga akan diwujudkan terdiri daripada perwakilan Juruterapi Pergigian dan pengamal pergigian untuk mengawal selia pendaftaran dan pengamalan Juruterapi Pergigian bagi memastikan perkhidmatan berkualiti dan selamat kepada rakyat.

Bahagian IV, menerangkan tentang pendaftaran pengamal pergigian dan juruterapi pergigian yang melibatkan peruntukan bagi pendaftar pengamal pergigian dan pendaftar juruterapi pergigian. Daftar pergigian dan daftar juruterapi pergigian, pemotongan dan pembatalan nama daripada daftar, pengiktirafan kelayakan oleh majlis, peperiksaan kelayakan profesional atau *professional qualifying examination*, pendaftaran individu yang layak menjadi pengamal pergigian serta Juruterapi Pergigian, sekatan ke atas pendaftaran sebagai pakar pergigian dan juruterapi pergigian pasca asas.

Pengamalan sebagai pakar pergigian pendaftaran bersyarat, perakuan pengamalan tahunan, perakuan pengamalan sementara bagi warga asing dan kelulusan bagi perkhidmatan masyarakat serta pertubuhan perbadanan dan syarikat pergigian.

#### ■1150

Bahagian IV, bertujuan untuk menjalankan fungsi kawal selia pakar pergigian, pengamal pergigian dan juruterapi pergigian dan juga memastikan hanya mereka yang berkelayakan dan diiktiraf sahaja memberi perkhidmatan pergigian bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat kepada rakyat.

Bahagian V, dalam rang undang-undang ini memperuntukkan bidang kuasa tatatertib terhadap semua pengamal berdaftar kepada Majlis dan bidang kuasa tatatertib terhadap semua juruterapi pergigian kepada Lembaga dan merangkumi penubuhan Jawatankuasa Aduan, pengendalian aduan dan maklumat serta hukuman yang boleh dikenakan yang meliputi celaan, penggantungan amalan dan pengeluaran nama dari daftar. Bahagian lima, bertujuan melindungi

rakyat dan memberi ruang serta peluang bagi menyalurkan ketidakpuasan hati mereka terhadap sebarang kecuaiian atau kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan.

Bahagian VI, menerangkan tentang kesalahan di bawah rang undang-undang ini dan hukuman yang akan dikenakan ke atas orang yang didapati bersalah. Ini bertujuan memastikan pengamalan pergigian dijalankan oleh orang yang bertauliah sahaja demi menjaga imej negara dan keselamatan rakyat.

Bahagian VII, menerangkan tentang peruntukan penguatkuasaan bagi memberi kuasa kepada pegawai Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan penguatkuasaan di bawah rang undang-undang ini yang merangkumi peruntukan untuk menyita dan merampas dokumen atau bahan serta pendakwaan. Bahagian ini merupakan peruntukan baru yang dimasukkan supaya tindakan terhadap pengamalan pergigian haram dapat dilaksanakan.

Bahagian VIII, menerangkan tentang kuasa Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengarahkan pengamal yang berdaftar mendaftar menjalani tempoh khidmat wajib. Peruntukan ini akan memastikan taburan pengamal pergigian dan capaian penjagaan kesihatan pergigian yang optimum kepada semua rakyat di seluruh pelosok negara. Bahagian ini juga menerangkan berkaitan pematuhan kepada kod tatalaku profesional dan garis panduan amalan tentang peruntukan am yang merangkumi pelantikan penasihat undang-undang bagi Majlis dan Lembaga, kuasa untuk mengkompaun, penalti am dan kuasa untuk membuat peraturan.

Bahagian IX, menerangkan peruntukan pengecualian dan peruntukan peralihan merangkumi tempoh kepada pelajar yang sedang mengikuti kursus pergigian di sekolah pergigian yang tersenarai dalam Jadual Kedua, Akta Pergigian 1971 untuk mendaftar dengan Majlis di bawah akta baru.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mensyaratkan hanya pengawal yang berkeelayakan, berwibawa dan profesional sahaja akan didaftarkan dan layak untuk menawarkan perkhidmatan pergigian terutamanya kepada rakyat Malaysia dan juga kepada orang asing di negara ini.

Dengan ini, kualiti dan keselamatan perkhidmatan pergigian adalah terjamin serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang awam terhadap perkhidmatan pergigian. Pelaksanaan Rang Undang-undang Pergigian 2017 juga secara tidak langsung akan memberi pengiktirafan terhadap profesion pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah bacaan pertama pada 28 November 2017, profesion pergigian dan perubatan telah memohon supaya beberapa pindaan dibuat kepada Rang Undang-undang Pergigian 2017. Pindaan tersebut yang dicadangkan kerana:

- (i) hukuman yang dikenakan ke atas pengamal pergigian bagi kesalahan yang kecil atau *minor* sangat tinggi dan turut membawa hukuman penjara;
- (ii) terdapat peruntukan tidak jelas kepada seorang pengamal pergigian boleh didakwa hanya sekiranya diketahui bahawa seorang yang tidak berdaftar mengamalkan di premis yang sama; dan
- (iii) untuk menjelaskan bahawa rang undang-undang ini tidak mengehendkan pengamal perubatan dari menjalankan pengamal perubatan dan seterusnya supaya mana-mana pengamal pergigian yang bertugas di Kementerian Kesihatan Malaysia boleh dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Aduan.

Pindaan-pindaan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua adalah di fasal 42, 44, 72, dan 85 serta 52, 62 dan 69. Fasal-fasal 42(5), rang undang-undang telah dipinda dengan menggantikan perkataan “lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya” sekali dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit”.

Sub fasal ini, di pinda untuk bertujuan mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan untuk menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh pengamal iaitu antara lainnya kegagalan mempamerkan perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan semasa di tempat yang mudah dilihat.

Fasal-fasal 44(2), rang undang-undang telah dipinda dengan menggantikan perkataan, “lima puluh ribu Ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya” sekali dengan perkataan “dua puluh ribu Ringgit”. Sub fasal ini di pinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh pengamal iaitu kegagalan seorang pengamal pergigian atau juru terapi pergigian memaklumkan kepada pendaftar pergigian atau pendaftar juruterapi pergigian mengikut mana-mana yang berkenaan apa-apa pertukaran alamat rumah atau alamat pengamalannya dalam tempoh 30 hari selepas pertukaran itu.

Seterusnya, perenggan 52(2)(c) undang-undang telah pun dipinda dengan memotong perkataan bahagian kesihatan oral. Perenggan ini dipinda untuk membolehkan mana-mana pengamal pergigian daripada Kementerian Kesihatan dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Aduan.

Fasal 62, Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang dipinda dengan memasukkan selepas sub fasal 3, sub fasal yang berikut. Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh

menghalang seseorang pengamal perubatan yang mendaftar di bawah Akta Perubatan 1971, Akta 50 daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan. Fasal ini dipinda dengan untuk memperjelas bahawa tiada apa-apa dalam fasal 62 boleh menghalang seseorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan walaupun pengamal perubatan itu tidak didaftar di bawah rang undang-undang ini.

Perenggan C, dalam fasal 69. Rang undang-undang dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan menjalankan amalan pergigian di premis, perkataan dengan diketahuinya. Perenggan ini dipinda bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pengamal hanya melakukan kesalahan jika pengamal itu secara diketahuinya menjalankan amalan pergigian di premis yang sama dengan seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian.

Sub fasal 72(2). Rang undang-undang telah dipinda dengan menggantikan perkataan RM50,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dengan perkataan RM20,000. Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh seseorang antara lainnya kegagalan pengamal, pemilik atau penghuni mana-mana premis yang digunakan atau dipercayai telah digunakan sebagai tempat untuk menjalankan amalan pergigian dan mana-mana orang yang dijumpai dalam premis ini membantu pegawai diberi kuasa dalam memberikan bantuan sebagaimana di kehendaki secara munasabah oleh pegawai diberi kuasa.

Sub fasal 85(3). Rang undang-undang telah pun dipinda dengan menggantikan perkataan RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dengan perkataan RM20,000. Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh pengamal iaitu kegagalan pengamal memberikan maklumat yang diminta oleh majlis atau Lembaga mengikut mana-mana yang berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh beliau dikehendaki berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran Doktor Pergigian dan Juruterapi Pergigian untuk mengawal selia amalan

pergigian dan bagi perkara-perkara berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili

■1200

12.00 tgh.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial Kaum India Kuala Kangsar ke Dewan yang mulia ini... [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kesihatan, kepada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah Perubatan Pergigian kerana telah berusaha untuk membawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini bagi kita menambah baik. Memantapkan lagi undang-undang yang ada berkaitan dengan profesion pergigian sejajar dengan keperluan dan kehendak semasa dan juga untuk keperluan pada masa akan datang.

Kita tahu bahawa rang undang-undang yang ada pada masa ini ialah rang undang-undang fasal pergigian yang digubal dalam tahun 1971 iaitu kira-kira lebih 40 tahun yang lalu. Saya rasa kalau ada pegawai-pegawai pergigian yang mula berkhidmat pada masa ini hinggalah dia akan menjadi ketua pengarah nanti, mungkin undang-undang yang baru, barulah boleh digubal. Jadi begitu ketat sekali dalam perkembangan undang-undang seperti ini, hingga hari ini ia berjaya dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya rasa mesti banyak perubahan dan keperluan semasa yang mendorong kementerian ini untuk membawa dan menggubal satu undang-undang pergigian yang baru bagi tujuan untuk memenuhi keperluan dan *of course* keadaan semasa.

Dalam perbahasan ini, saya ingin hendak mendapat beberapa penjelasan tentang perkara-perkara yang saya fikir perlu diberi penjelasan lanjut oleh kementerian. Antaranya ialah isu bagaimana pengiktirafan boleh diberikan kepada juruterapi pergigian seperti jururawat pergigian yang menerima latihan dari institusi swasta kerana pada pendapat saya dalam rang undang-undang ini tidak ada senarai institusi swasta yang diberi pengiktirafan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan bagaimana dan sejauh manakah jenis pengajian dapat menentukan kelayakan institusi pendidikan tinggi luar negara diberikan *assessment* dan pengiktirafan agar pelajar-pelajar yang mendapat tajaan ataupun belajar dengan *cost* sendiri dari IPTS dalam negara mahupun luar negara dapat menyertai perkhidmatan wajib di bawah akta ini.

Apakah bantuan dan langkah penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ke atas rawatan terapi pergigian tradisional terutama sekali di luar bandar seperti di Sarawak dan juga di Sabah kerana kita ketahui bahawa kalau dulunya, ini cerita dulu, kalau macam di tempat saya tinggal di Bandar Kuching, kita melihat kalau selepas *office hours*, selepas waktu pejabat sekarang sudah ada perkhidmatan pergigian di UTC.

Jadi ini satu rahmat yang kita peroleh daripada kerajaan, kita ada khidmat pergigian selepas *office hours* yang boleh kita peroleh di UTC. Akan tetapi dulu selepas waktu pejabat, kita tidak ada perkhidmatan pergigian. Maka hendaknya kita pergi ke klinik-klinik yang kalau di Bandaraya Kuching kita lihat pengamal-pengamal pergigian tradisional yang kebanyakannya dikendalikan oleh yang berbangsa Cina. Kalau di Bandar Kuching dia tidak sebut klinik, dia sebut nama Pok Ai, Pok Ji dan sebagainya.

Jadi sejauh manakah perkhidmatan seperti ini masih lagi, mungkin di luar bandar ataupun di bandar-bandar, bagaimanakah penguatkuasaan kementerian untuk mengawal operasi tempat-tempat rawatan pergigian seperti ini? Ini kerana umum juga mengetahui bahawa industri ataupun praktis pergigian ini adalah seperti cendawan tumbuh kita istilahkan. Maka sehingga manakah kementerian boleh mengawal kerana kita takuti bahawa banyak penyamaran boleh dilakukan oleh mereka yang mengamalkan profesion ini sebagai pakar-pakar pergigian tetapi mereka sebenarnya adalah satu penyamaran.

Jadi kita tidak mahu banyak kes seperti ini boleh berlaku di negara kita. Maka kita rasa sejauh manakah kementerian boleh mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang ini ke atas mereka yang menyalahi atau melanggar etika profesion pergigian ini. Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini dengan harapan ia dapat menangani masalah-masalah rawatan gigi tanpa lesen yang meruncing sejak kebelakangan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**12.09 tgh.**

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya mengikut perbahasan Rang Undang-undang Pergigian 2017. Terlebih dahulu memanglah kita berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia yang sudah membawa Rang Undang-undang Pergigian 2017 kepada Parlimen dan Dewan Negara ini.



Kita dimaklumkan tadi tujuan rang undang-undang ini ialah satu, untuk membentuk Majlis Pergigian Malaysia dan dua, untuk membentuk Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia. Fungsinya kita pun sudah difahamkan tadi untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian, untuk mengawal selia amalan pergigian dan perkara-perkara berbangkit.

■1210

Kita pun sudah ada Akta Pergigian 1971 yang telah berkuat kuasa selama 47 tahun. Banyaklah perubahan dan perkembangan sudah berlaku sejak tahun 1971. Tuan Yang di-Pertua. Masa zaman dahulu apabila kita ada sakit gigi ataupun goyang gigi sikit, kita satu- kunyahkan sirih kah, kunyahkan pinang dan selainnya dan pergi ke pasar ke kedai 'Pok Ai' yang dia cakap tadi. Cabut gigi. Senang. Akan tetapi, kita tidak tahu bahayanya mengikuti perkhidmatan sebagai ini dan tidak peduli apakah ataupun adakah kedai-kedai ini, ketua-ketua pergigian ini didaftar dan bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman sekarang, pengetahuan awam, dengan izinnya, *public awareness of dental medical services* adalah sudah meningkat. Akan tetapi, ada orang mengamalkan diri sebagai doktor pergigian dan ia memberi perkhidmatan sebagai doktor pergigian dan juruterapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tertarik kepada Bahagian VII, fasal 70 ialah memberi kuasa penuh kepada pegawai penguat kuasa yang mempunyai semua atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis yang menjalankan tugas dia dapat menyiasat dan dapat tangkap. Ini adalah memberi akta ini dan memberi kuasa kepada lembaga dan majlis. Izinkan saya cakap *giving them the teeth*. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga soalan atau permohonan untuk perhatian kementerian.

Dalam Bahagian VII, penguat kuasa tadi dia cakap fasal 70. Siapakah pegawai yang akan diambil itu? Apakah pegawai itu orang tempatan atau orang di luar negeri atau negeri Sarawak, atau pegawai daripada Ipoh kah, dari Selangor kah? Maksud saya, kadang-kadang pegawai tempatan diambil dia pun sudah kenal siapalah itu pergigian yang haram tadi, doktor pergigian haram. Mungkin dia lemah lembutlah. Itulah maksud saya. Bukan saya tidak *trust* itu orang tempatan menjadi penguat kuasa.

Kedua, fasal 68 dan 69(a) dengan (b) adalah dikekalkan. Ini kerana saya tanya tadi tidak dapat membaca adakah hukuman masih kekal. Soalan tiga. Saya mohon perkhidmatan klinik mobil melawat sekolah-sekolah khasnya di Sarawak, di pedalaman Sarawak. Ini kerana saya fikir banyaklah orang di pedalaman rumah panjang pun tidak tahu bahayanya menunggu nanti

kepada gigi sudah memang sakit dengan dapat menjadi susah dirawat nanti. Saya mohon juga maka dengan itu, minta pegawai-pegawai atau *dental nurses* pergi bersama dengan doktor *flying doctor service* kepada pendalaman di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, dengan soalan-soalan dan permohonan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Akta Pergigian 2017. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

### 12.16 tgh.

**Dr. Nuing Jeluing:** *Is wrongly pronounce [Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang membahaskan Rang Undang-undang Akta Pergigian 2017 ini.

Saya pun mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia atas membawa rang undang-undang ini ke Dewan ini untuk diperbahaskan. Seperti mana yang telah dikatakan tadi, objektif rang undang-undang ini satu, menubuhkan Majlis Pergigian Malaysia (MPM) dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia. Saya nampak pindaan dalam jawatankuasa yang dalam Kertas Putih ini, belum dimasukkan dalam Kertas Biru ini mungkin sebab masa yang terhad. So, apa yang kita bahas pagi ini dua-dua kertas ini itulah saya pernah pendapatan sayalah iaitu Rang Undang-undang Akta Pergigian 2017 sama pindahan dalam jawatankuasa yang dalam Kertas Putih ini. Saya hanya ada pertanyaan dan minta penjelasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Akta Pergigian 2017.

So, pertanyaan pertama mengenai Majlis Pergigian Malaysia, fungsi majlis dalam fasal 4 muka surat 11(a) iaitu mengiktiraf kelayakan bagi pendaftar pengamal. Ada disebutkan itu mereka yang dari institusi latihan tempatan yang layak didaftar, saya anggap inilah institusi latihan awam. Institusi latihan tempatan yang diakreditasikan, adakah ini bererti institusi swasta? Satu, bagaimana, kalau institusi latihan itu di luar negeri atau pengamal perubatan yang keluar dari institusi di luar negeri? Macam manakah kita hendak mengiktirafkan itu? *What I mean is, if, dengan izin, dental graduate from overseas institutions or overseas universities, how are you going to register them or recognize them?* Sebab kebanyakan kelebihan lagi yang pegawai atau pengamal pergigian kita banyak yang dari institusi luar negeri seperti *United Kingdom*, Australia, India dan sebagainya.

### ■1220

Pertanyaan kedua, iaitu keanggotaan Majlis Pergigian Malaysia dalam fasal 6. Kalau mengikut apa yang dihuraikan dalam fasal 6, jumlah anggota adalah seramai 26 orang dan

daripada 26 orang itu, seorang dari Sarawak dan seorang dari Sabah. Apa yang tidak dikatakan di sini adalah seorang yang dari Sarawak itu adakah dia daripada sektor swasta ataupun daripada sektor awam? Mengenai pendaftar pengamal pergigian yang belum berdaftar tetapi sudah berkhidmat- lebih-lebih lagi dalam sektor swasta, adakah pengamal pergigian ini akan didaftarkan? Dengan izin, *there are* pengamal perubatan di Sarawak yang telah membuka klinik pergigian tetapi bukan sahaja klinik itu belum didaftarkan malahan pengamal pergigian pun belum diiktiraf. Saya berharap dengan Majlis Pergigian Malaysia ini, masalah ini dapat diselesaikan.

Satu lagi soalan adalah, adakah Majlis Pergigian Malaysia (MPM) ini akan mendaftarkan pegawai pergigian yang tidak memenuhi syarat dari segi latihan dan kelayakan? Seperti mana yang sudah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, pegawai pergigian yang saya sebutkan ini menyamar sebagai pegawai pergigian. Ada juga pegawai pergigian yang langsung tidak ada kelayakan tetapi mengadakan perkhidmatan pergigian. Adakah orang sebegini akan didaftarkan? Pengamal pergigian yang mempunyai kelayakan yang tidak diiktiraf dari luar negeri atau dari pusat latihan *overseas*, yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, perlukah mereka memenuhi kehendak Peperiksaan Kelayakan Profesional? *So, if the dental officer is come from unqualified or unrecognised university overseas- so, untuk memenuhi kehendak pendaftaran, does he or she has to sit for the professional qualifying exam?*

Mengenai daftar pakar pergigian- *specialist register for the dental*, pakar. Saya difahamkan sebab ini akan diadakan tidak lama lagi. Saya hanya minta kalau daftar ini sudah ada, ia akan disenaraikan di laman web pergigian untuk rujukan orang awam. Kalau boleh, klinik-klinik pakar pergigian ada diberikan tanda seperti *sticker* atau *signboard* yang memaklumkan bahawa ia merupakan klinik pakar pergigian.

Ini adalah untuk kepentingan awam dan saya berharap dengan langkah-langkah ini, orang awam dan rakyat kita tidak dikelirukan. Dalam bahagian muka surat 24, saya ingin bertanya mengenai apakah bezanya 'dokter pergigian' dengan '*dentist*'? Oleh sebab ia ada dua, 'dokter pergigian' dalam Bahagian 1 dalam daftar dan '*dentist*' pula di dalam Bahagian 2. Apakah perbezaannya?

Penjelasan yang saya minta akhir sekali ialah dalam muka surat 83, berkenaan dengan fi dan caj dalam Jadual 4. Perakuan Pengamalan Tahunan- saya maksudkan mungkin inilah yang dikatakan *Annual Practicing Certificate* (APC), dengan izin. Dalam fasal ini, ia mengatakan jika seorang pengamal pergigian itu mempunyai satu premis sahaja, dia perlu dicaj sebanyak RM100. Akan tetapi, jika dia mempunyai dua atau tiga premis, dia dikenakan RM300. Apakah sebab caj yang berlebihan begini? Oleh sebab, kehendak undang-undang ialah dia harus ada satu *Annual*

*Practicing Certificate* (APC) dan setakat mana yang saya tahu, untuk pengamal perubatan hanya perlu satu *certificate* sahaja, walaupun dia mempunyai dua atau tiga klinik.

So, saya minta penjelasan apakah sebab fi ini dicadangkan seperti ini? Mungkin pihak kementerian kesihatan boleh memberikan penjelasan. Dengan ini, seperti mana yang saya katakan tadi, saya mohon menyokong penuh Rang Undang-undang Pergigian 2017 dan pindaan di dalam Jawatankuasa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Silakan.

**12.27 tgh.**

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, sebelum saya membahaskan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Pembangunan Wanita Negeri Pahang. Diharapkan lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Selamat datang ke Dewan Negara... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap soal pergigian ini banyak aspek yang boleh disentuh tetapi saya ada beberapa perkara, iaitu empat perkara sahaja. Isu dan persoalan yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian.

Pertama, ialah saya menyambut baik adanya rang undang-undang ini yang mana memberikan penekanan khas dan khusus kepada mereka-mereka di luar sana yang menyalahgunakan- sebagai contoh isu pemasangan pendakap gigi palsu ini, Yang Berhormat Menteri yang semakin berleluasa. Saya tadi sempat *scroll* dalam internet dan *online* untuk *check* sama ada masih atau tidak ada tawaran-tawaran pemasangan pendakap gigi palsu oleh orang-orang yang haram ini yang membuat kerja secara tidak bertauliah ini.

Saya lihat masih banyak proses-proses seperti ini ditawarkan oleh mereka di luar sana yang mana kita tahu risikonya itu sangat tinggi. Ia bukan sahaja boleh memberikan dari segi aspek penampilan tetapi juga dari segi kesihatan yang mana risikonya kalau kita tengok antara barang-barang yang dipasang itu kalau tidak betul cara dia, tidak betul alat itu, boleh memberikan permasalahan kesihatan yang tinggi kepada pemakainya. Saya mahu tanya kepada Yang Berhormat Menteri, pertama, apa setakat ini yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memastikan isu pendakap gigi palsu ini oleh mereka yang tidak bertauliah dibendung sehabis-habisnya? Hal ini kerana saya membaca banyak rungutan mereka sekarang ibarat sindiket Tuan Yang di-Pertua, berleluasa dari Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu ke Kedah dengan membuat

modus operandi yang sama menggunakan rumah-rumah tumpangan sebagai tempat mereka beroperasi.

Jadi, saya minta daripada pihak kementerian apa yang akan kita buat dalam menangani isu ini?

Kedua, ada atau tidak pemantauan daripada pihak kementerian bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan dalam isu- kita tengok ada sembilan kes seingat saya yang bersabit dengan mereka yang membuat operasi seperti ini, setelah disabitkan kesalahan bayar denda dan sebagainya.

#### ■1230

Ada tidak pemantauan khusus dari kementerian dan penguatkuasaan kepada mereka ini agar mereka tidak ulang kembali melakukan perkara yang sama dengan *method* yang berlainan, Tuan Yang di-Pertua. Sebab orang yang hendak ke duit ini dia tidak fikir sudah Tuan Yang di-Pertua, dia fikir jalan mana yang dia hendak buat sebab dia hendak dapatkan keuntungan. Itu yang kedua.

Yang ketiga, saya hendak tanya jumlah kes selepas yang sembilan itu telah dibicarakan sebagainya, yang terkini, jumlah kes yang membabitkan pengamal-pengamal tidak bertauliah ini yang menjanjikan pemasangan *braces* ini. Oleh sebab saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh jugalah, kementerian sebab anak-anak muda ini dia lihat pemasangan *braces* ini sebagai *trend*, fesyen dan kalau kita tengok tadi kos pemasangan itu hampir mencecah, ada sampai RM5 ribu.

Jadi kalau boleh kementerian memandangkan ini menjadi satu kegemaran di kalangan anak-anak, bukan lagi satu keperluan, kalau boleh dikaji semula, bayaran, kadar pemasangan *braces* ini supaya kalau kata rendah sikit itu, dia ada *choice* yang lebih selamat daripada dia kena pilih sesuatu yang tidak selamat. Jadi mungkin kementerian ada jawapan untuk isu itu.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan caj semasa di antara- ialah kerajaan itu tahu cajnya itu munasabah, baik untuk masyarakat, akan tetapi yang swasta ini. Oleh sebab kadang-kadang sebagai contoh, dia hendak pergi kerajaan, kena beratur panjang, tapi dia kena pergi swasta. Akibat daripada dia pergi swasta, kos itu tinggi Yang Berhormat Menteri. Jadi ada tidak kementerian bercadang untuk menyelaraskan harga di kalangan klinik-klinik pergigian ini yang mana harganya itu di fikir munasabah untuk masyarakat dan yang lebih penting ialah kepada mereka yang tidak ada duit ini Tuan Yang di-Pertua, tapi sakit sangat. Dia hendak pergi pun kadang kena *queue* panjang, jadi dia terpaksa juga pergi ke- sebab saya ada membantu seorang makcik, Tuan Yang di-Pertua. Dia sakit sangat, dia pergi klinik pergigian biasa, nombor

dia panjang. Jadi dia menunggu dengan lama, kemudian dia minta derma dekat orang dalam klinik kerajaan itu.

Kemudian saya kata tidak apalah, saya bawa. Hasil daripada dia dapati itu kita *top up* sikit ke klinik swasta dan dia buat. Memang makan beratus Ringgit, Tuan Yang di-Pertua sebab gigi dia banyak kerosakan. Akan tetapi itulah yang saya hendak sebut kalau boleh ada juga di klinik-klinik kerajaan ini *priority* kepada golongan-golongan tua, OKU yang mana mereka ini diberikan keutamaan untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan itu, Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya bila dia pergi dalam keadaan dia tua, tidak sihat atau OKU dan sebagainya, ada bilik doktor, rawatan yang khas kepada golongan ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah saya hendak bertanya tentang ubat-ubatan tradisional ini yang dijual di kedai-kedai runcit ini, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian melakukan pemantauan secara lebih dekat dan tegas kepada mereka yang mengeluarkan ubat sakit gigi yang dijual di kedai-kedai runcit ini? Sebab dia Tuan Yang di-Pertua, ramai orang pergi beli dan orang tidak tahu sebenarnya risiko mengambil ubat-ubatan yang tanpa kita tahu kesan-kesan dia.

Sebab sebagai contoh, saya sendiri dulu, pernah sakit gigi, tengah malam, 12 tengah malam. Ubat tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi ada orang sarankan saya, pergi kedai runcit beli ubat. Saya makan hilang memang hilang tapi akhirnya saya alergi kepada ubat itu dan esok kena pergi klinik, dua klinik, klinik gigi, klinik alergi. Jadi inilah yang saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, untuk kita buat pemantauan. Maksud dia, ubat ini hendak diklasifikasikan sebagai ubatan yang bagaimana. Boleh atau tidak boleh? Wajar atau tidak wajar ia dipasarkan di kedai-kedai runcit sebagai alternatif kepada rakyat sekiranya mereka mengalami kesakitan gigi dan sebagainya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang saya hendak bangkitkan ialah isu penempatan graduan pergigian. Saya hendak tahu jumlah terkini, berapa ramai graduan pergigian ini yang masih belum diserap masuk sebagai pelatih-pelatih pergigian kerana kalau kita tahu sekarang ini jumlahnya itu yang *last* saya *check* 2015 mencecah 900 lebih. Akan tetapi saya hendak tahu yang terkini itu berapa dan apa formula kerajaan bagi memperbanyakkan lagi klinik-klinik pergigian di seluruh negara bagi memastikan masyarakat kita senang untuk mendapatkan perkhidmatan ini dan lebih lancar daripada keadaan yang sedia ada. Saya kira itu saja persoalan yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih ke atas perhatian pihak Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua;** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

**12.35 tgh.**

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Selamat Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya berbahas Rang Undang-undang Pergigian 2017.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Kesihatan kerana membawa Rang Undang-undang ini pada hari ini. Sebelum saya memulakan ucapan, saya berharap agar kementerian dengan membawa RUU ini akan memartabatkan, meningkatkan dan membantu menaikkan kerjaya doktor pergigian di negara kita.

Langkah untuk memperkasakan bidang pengamal pergigian di negara kita akan diperkuatkan lagi dengan RUU ini di mana suatu majlis akan ditubuhkan iaitu Majlis Pergigian Malaysia dan juga Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia. RUU ini juga tepat pada masanya kerana mutakhir ini negara kita dilanda masalah dengan timbulnya lambakan doktor-doktor gigi yang tidak bertauliah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor tidak bertauliah ini tergolong dalam dua golongan iaitu pertamanya doktor gigi tradisional dan keduanya doktor gigi *Youtube*. Saya mengatakan demikian iaitu mereka yang hanya belajar dari laman *Youtube*. Perkara ini sangat bahaya dan sekiranya tidak ditangani dengan betul akan mendatangkan kemudaratan pada pesakit yang menjalani rawatan dan seterusnya akan memburukkan imej negara kita di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kalau saya tidak silap pada sesi mesyuarat Dewan yang lepas, saya membawa soalan dan isu doktor pergigian ke dalam Dewan yang mulia ini. Isu mengenai pameran pergigian antarabangsa atau MITS dan juga profesion doktor pergigian itu sendiri. Maka RUU ini adalah amat dekat di hati saya.

Rawatan pergigian merupakan suatu aspek yang penting kepada rakyat Malaysia. Dengan keadaan gaya hidup rakyat Malaysia yang tidak sihat dan dengan masalah obesiti yang tertinggi di Asia, kita tidak menolak kesihatan gigi juga harus dipelihara. Ini kerana hasil dari pemakanan yang tidak sihat akan membawa kepada masalah gigi yang teruk. Antara inti pati RUU ini adalah untuk mengawal selia amalan pergigian di Malaysia. Ini termasuk pendaftaran doktor gigi pakar di Malaysia. Ini bagi mengelak pengamal doktor gigi yang bukan pakar tetapi meletak iklan atau menyatakan mereka sebagai pakar. Saya setuju dengan perkara ini kerana kita akan mengetahui sebilangan sebenar doktor pakar.

Maka dengan itu soalan pertama saya adalah berapa bilangan doktor pakar gigi di Malaysia setakat ini dan berapakah bilangan doktor pakar gigi yang berada di negeri Sabah. Saya seterusnya ingin menyentuh soalan yang pernah saya utarakan pada mesyuarat dahulu iaitu masalah amalan doktor gigi yang muda. Wujud satu isu di mana punca kenapa berlakunya lambakan doktor gigi tidak bertauliah ialah kerana ramai doktor-doktor gigi di klinik awam mengambil pendekatan senang iaitu apabila berlaku sedikit kerosakan gigi, langkah yang diambil adalah cabut gigi sahaja. Sedangkan alternatif lain tidak mahu diambil oleh doktor tersebut. Saya faham, klinik-klinik awam biasanya akan menerima jumlah pesakit yang ramai.

Namun doktor-doktor muda ini tidak harus mengambil pendekatan mudah dengan hanya cabut gigi sahaja. Ini kerana bagi orang dewasa atau mereka yang sudah berusia, apabila gigi dicabut, tidak akan tumbuh kembali. Sekiranya kita melihat dalam RUU ini, di bahagian Fasal 52 mengenai penubuhan jawatankuasa aduan. Saya ingin bertanya bolehkah seseorang pesakit membuat aduan sekiranya beliau tidak puas hati dengan rawatan, khidmat atau mungkin cara doktor itu sendiri melayan pesakit.

■1240

Di sebalik itu juga, sekiranya doktor atau pengamal pergigian itu sendiri mempunyai aduan, adakah beliau diberi perlindungan dalam rang undang-undang ini? Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada fasal 12, jawatankuasa majlis. Saya ingin tahu komposisi keahlian jawatankuasa ini. Adakah Menteri mempunyai kuasa dalam pelantikan? Bolehkah ada wakil dari negeri Sabah yang mewakili komuniti doktor pergigian Sabah untuk menganggotai majlis ini?

Saya seterusnya ingin menyentuh mengenai *guidelines*, dengan izin, yang sedia ada bagi memerangi dan membendung doktor palsu di Malaysia. Apakah *Standard Operating Procedure* atau SOP yang ditentukan oleh kerajaan bagi mengenal pasti doktor itu bertauliah atau tidak. Contohnya, baru-baru ini seorang individu yang belajar merawat gigi dengan hanya melihat video *YouTube* sahaja. Selain dari itu sekiranya kita lihat di tepi-tepi bahu jalan dan pasar malam ada golongan yang menawarkan rawatan tampal gigi dengan harga yang murah. Soalan saya, berapakah agensi kerajaan yang akan melibatkan diri dalam membanteras doktor-doktor yang tidak bertauliah ini? Sekiranya kita mengguna pakai rang undang-undang kita pada hari ini apakah jenis hukuman atau denda yang boleh dikenakan ke atas mereka?

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya berharap agar rang undang-undang ini apabila diluluskan, akan berfungsi sepenuhnya menaik taraf pengamal pergigian di Malaysia. Ini kerana apabila doktor gigi sejahtera maka kesihatan gigi pun juga terjaga. Apabila gigi kita terjaga maka



senyuman kita bertambah manis lagi seperti kopi yang ada gula. Seperti mana Tuan Yang di-Pertua apabila senyum dia boleh menceriakan Dewan yang mulia ini. *I quote*, seperti kata pepatah, dengan izin, *a smile is worth a thousand words [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, dengan pujian saya itu, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Pergigian 2017. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah Mohamed. Silakan.

### 12.43 tgh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkait apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Puan Siti Aishah tadi iaitu caj perkhidmatan pergigian oleh klinik-klinik pergigian swasta. Di mana saya kira 10 tahun lepas dan sehingga ke hari ini keadaannya masih sama. Di mana saya ambil contoh untuk cabut gigi, tampal gigi dan juga *scaling*, sekiranya dibuat di bandar-bandar besar kosnya sehingga ratusan Ringgit.

Akan tetapi kalau di Kelantan, di Kota Bharu, saya ambil contoh di tempat saya untuk cabut gigi dan tampal gigi kadang-kadang sehingga RM50, RM30 saja dan tidak mencapai ratusan ringgit. Keadaan ini menyebabkan kawan-kawan kita, anak-beranak kita, jiran-jiran kita yang berada di bandar-bandar besar mengambil peluang apabila balik kampung mereka cabut gigi, mereka tampal gigi, mereka *scaling* gigi. Jadi saya mohon begitu juga untuk rawatan ortodontik. Rawatan ortodontik, pendakap gigi di bandar-bandar besar kosnya sehingga RM5,000-RM7,00 kemungkinan bergantung kepada keseriusan kes. Saya kira di bandar besar RM5,000 ke atas tetapi di Kelantan, di Kota Bharu kos untuk ortodontik dua hingga tiga ribu sudah boleh dapat kos yang efektif dan kos untuk perkhidmatan yang baik.

Jadi saya kira, adakah melalui akta yang kita cadangkan ini boleh mengawal harga ini pada harga yang *affordable* dan tidak tinggi, adil bagi pihak profesional dan juga adil bagi pihak pengguna, itu yang pertama.

Kedua, sebenarnya saya adalah pengguna khidmat kepakaran pergigian kesihatan Malaysia untuk pendakap gigi. Saya pakai pendakap gigi daripada tahun 1992 sehinggalah tiga tahun dan pada masa tersebut pada kos yang sangat minimum kerana bapa saya seorang pesara kerajaan. Pada masa tersebut tempoh menunggu adalah dua hingga tiga tahun. Dua hingga tiga tahun tempoh menunggu di klinik kerajaan untuk pakai pendakap gigi.

Sekarang anak saya juga mengalami masalah yang sama keturunan dengan rahang kecil, yang tidak sepadan dengan saiz gigi. Jadi saya pun membawa masalah ini ke klinik kerajaan dan saya tanya berapa lama tempoh menunggu. Tempoh menunggu yang saya kira saya amat terkejut masih lagi sama. Kalau dulu tahun 90-an dua hingga tiga tahun, sekarang pun dua hingga tiga tahun juga. Saya sebenarnya beranggapan baik, tempoh menunggu ini sudah semakin berkurang setelah 10 tahun, 20 tahun lebih tetapi keadaan masih lagi sama. Apakah punca kepada masalah ini dan apakah tindakan kerajaan bagi memendekkan tempoh menunggu di klinik-klinik kerajaan bagi mereka yang tidak mampu kerana untuk khidmat pendakap gigi ini dua hingga tiga ribu dan kemungkinan lebih lagi bagi masalah-masalah yang serius.

Ketiga, berkait dengan pelatih-pelatih jurusan pergigian di institut-institut pengajian. Di Kelantan kita ada Hospital Universiti Sains Malaysia yang ada pelatih-pelatih pergigian yang di peringkat akhir pengajian mereka juga turut memberi perkhidmatan pergigian. Saya ingin tahu setakat mana khidmat mereka ini diguna bagi tujuan rawatan dan mereka pun dengan pemantauan daripada pakar-pakar pergigian, mereka sebenarnya boleh melaksanakan tugas-tugas mereka dengan baik bagi tujuan pengajian mereka, dalam masa yang sama membantu pihak kerajaan. Jadi saya ingin tahu setakat mana khidmat mereka ini diguna pakai bagi tujuan-tujuan khidmat pergigian.

Terakhir saya ingin tahu berkait dengan pembuat-pembuat gigi palsu yang swasta, yang berbayar. Adakah mereka ini dikawal selia melalui akta ini ataupun mereka ini dikawal selia oleh akta lain? Itu saja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.48 tgh.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Ramai juga Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba jawab satu persatu.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi bin Suhaili, sebelum itu Yang Berhormat Senator semuanya menyokong rang undang-undang ini dan memang ianya sangat diperlukan kerana perkembangan yang berlaku semasa, perkembangan dan kepakarannya telah pun bertambah daripada dulu dan sampai sekarang sudah ada sembilan hingga 12 kepakaran Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya pergi satu persatulah. Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi bertanya

bagaimana mempertingkatkan pengiktirafan diberi kepada juruterapi pergigian daripada institusi swasta.

Tuan Yang di-Pertua, latihan yang ada sekarang hanya di Pulau Pinang satu institusi saja di pihak swasta belum ada lagi. Jadi tidak timbul masalah pengiktirafan di peringkat swasta. Sekiranya ada institut swasta yang ingin menjalankan latihan ini perlu mendapatkan permohonan daripada *Malaysian Qualifications Agency*, yang mana ini satu badan yang melihat tentang kursus yang dijalankan oleh mana-mana pihak.

▪ 1250

Sekarang ini belum ada. Tinggal satu sahaja di Pulau Pinang. Itu pun yang kerajaan negeri punya.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini datang berselang-seli. Tidak apalah saya jawab. Mana yang dapat saya jawab dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, tentang Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, mohon perkhidmatan klinik mobil bergerak di pedalaman Sarawak seperti di sekolah-sekolah. Sekarang ini terdapat empat buah klinik bergerak di Sarawak iaitu di Kuching, di Sibu, di Miri dan juga di Samarahan. Tiap-tiap kawasan ada satu. Mereka membuat rawatan pergigian di sekolah-sekolah, adakan *Health Fair*. Jadi dengan cara N-BOS buat dengan agensi yang lain. *Mobile Community Transformation Centre*. Mereka juga mengambil bahagian. Selain itu, terdapat 90 buah pasukan pergigian bergerak di seluruh negeri Sarawak iaitu 24 pasukan pra sekolah dan pasukan sekolah rendah dan empat pasukan sekolah menengah. Pasukan ini pergi membuat rawatan di seluruh negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga iaitu dalam *Rolling Plan* Keempat, RMKe-11, sebanyak tiga klinik pergigian bergerak tambahan telah pun dipohon dan sebanyak 17 lagi pasukan pergigian bergerak juga telah pun dipohon, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga, tentang pegawai penguatkuasaan tempatan ataupun luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah akta ini adalah pegawai Kementerian Kesihatan dan mereka dilantik di bawah seksyen 70 bagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Pegawai-pegawai penguatkuasaan akan ditugaskan di negeri-negeri lain. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, *cross border*. Bermakna tidak timbul orang tempatan bertugas di kawasan tempatan. Dia memang nanti akan timbul berbagai-bagai tohmahan. Dia bersikap lemah lembut dengan kawan-kawan yang dia kenal. Jadi sebab itu kita

tugaskan *cross border*. Pergi ke lain-lain negeri. Yang Berhormat Senator Datuk Paul juga tentang hukuman di bawah fasal 68 dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman di bawah fasal 68 perlu dikekalkan iaitu hukuman maksimum denda RM300,000 atau penjara enam tahun untuk mencegah berlakunya kesalahan menggaji seseorang yang bukan pengamal untuk memastikan keselamatan orang awam terjamin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Kenapa pindaan dalam Kertas Putih tidak dimasukkan dalam *Blue Bill*. Dalam Kertas Biru, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pindaan dalam jawatankuasa dibuat susulan maklum balas daripada pengamal-pengamal pergigian dan perubatan yang diterima setelah rang undang-undang ini dibentang dan dibaca buat kali pertama dalam Dewan Rakyat.

Oleh yang demikian, pindaan yang dibuat seperti yang telah didapatkan dalam pindaan jawatankuasa perlu dibaca bersama-sama dengan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna pindaan rang undang-undang ini dibuat selepas bacaan pertama, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu dibaca dalam bacaan yang kedua.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing juga, Tuan Yang di-Pertua. Lulusan luar negara yang tidak diiktiraf. Perlukah mereka menduduki peperiksaan? Tulisan ini macam tulisan saya, Tuan Yang di-Pertua. Susah hendak baca. *The specialist registers*. Mohon disenaraikan di laman web pergigian dan klinik pergigian ditandakan sebagai klinik pakar pergigian untuk kepentingan awam dan rakyat agar tidak dikelirukan. Tuan Yang di-Pertua, klinik pakar pergigian awam telah ada *signboard*. Apabila akta ini diluluskan dan *specialist register* diwujudkan, klinik pakar pergigian swasta boleh memasang *signboard* klinik pakar pergigian. Yang bukan pakar dia tidak boleh menggunakan pangkat ataupun kelulusan ini sebagai *specialist*. Tidak boleh.

Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Adakah kementerian membuat pemantauan ke atas ubat-ubat yang dijual seperti ubat sakit gigi? Tuan Yang di-Pertua, KKM selalu menjalankan pemantauan ke atas penjualan ubat-ubat termasuk ubat-ubat mencegah sakit gigi melalui Bahagian Perkhidmatan Farmasi Unit Penguatkuasaan. Yang ini memang dijalankan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tiap-tiap ubat yang dijual, dia *claim* untuk apa-apa penyakit, dia mestilah didaftar dulu dan syarat pendaftaran memang cukup *stringent* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, dan kena melalui semua syarat barulah boleh dia *claim* kata ubat ini untuk orang sakit itu sakit ini, boleh. Kalau tidak, dia tidak boleh *claim*. Ini satu perkara yang telah pun berjalan dan sentiasa berjalan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Puan Aishah juga. Ini tentang *braces*, Tuan Yang di-Pertua. Apakah KKM lakukan untuk membendung masalah ini? Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pergigian 2017 tidak boleh mengekang lambakan pengamal pergigian haram secara langsung.

Namun begitu, seseorang yang didapati bersalah di bawah Akta Pergigian 2017 boleh dikenakan hukuman maksimum RM300,000 atau penjara enam bulan. Hukuman yang berat ini diharap dapat menghalang mereka yang berniat menjalankan pengamalan pergigian haram, Tuan Yang di-Pertua. Bilangan aduan yang diterima dari 2014 sehingga sekarang adalah 61 aduan. Sebanyak 58 aduan adalah berkenaan dengan *fake braces*. Sehingga kini, sebanyak 31 kes telah dibawa ke mahkamah dan kes-kes ini dibawa di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 di mana ia dikenakan ke atas premis swasta yang menjalankan rawatan pergigian tanpa mendapat kelulusan, Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, siapa yang layak didaftarkan? Dalam akta baru ini, semua graduan pergigian yang ingin mendaftar hendaklah lulus peperiksaan dan kelayakan profesional- *Professional Qualifying Examination*. Institusi-institusi tempatan awam atau swasta yang diiktiraf boleh memasukkan peperiksaan ini dalam peperiksaan profesional supaya graduan tidak perlu mengambil peperiksaan khas berasingan sebelum berdaftar.

Graduan dari institusi luar negara mesti lulus peperiksaan profesional ini sebelum mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia. Mereka yang tidak lulus peperiksaan ini dan tidak boleh mendaftar di bawah Majlis Pergigian dan mengamalkan di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna dia kena lulus. Setiap enam bulan sekali ada peperiksaan dan biasanya kita bagi empat kali peluang. Kalau tidak lulus, bermakna tidak boleh daftar dan tidak boleh praktis, Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, apakah perbezaan di antara doktor pergigian dan *dentist*? Doktor pergigian adalah pengamal pergigian yang mempunyai kelayakan manakala *dentist* adalah pengamal pergigian yang tidak mempunyai kelayakan. Daftar untuk mereka iaitu *dentist* telah pun ditutup pada tahun 1972. Bermakna sudah tidak boleh daftar sekarang. Yang ini yang bukan bertauliah yang bukan mendapat kelulusan atau *degree* di dalam bidang pergigian, Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing juga tentang apakah tindakan KKM untuk membaiki taraf *facility* di klinik pergigian ini, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, permohonan projek baru *facility* pergigian dibuat di dalam projek mengikut *Rolling Plan* di

dalam setiap Rancangan Malaysia. Sehingga *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-11, terdapat sebanyak 106 buah projek pembangunan yang mana komponen klinik pergigian sedang dan akan dibina dalam projek tersebut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Selain dari...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 petang. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula perbincangan penggulungan tadi. Ini perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, mengapa perlu ada perbezaan pada fi Sijil Amalan Tahunan (APC) mengikut premis?

Tuan Yang di-Pertua, fi yang dikenakan adalah tertakluk kepada bilangan klinik iaitu RM100 bagi setiap klinik. Namun begitu, maksimum fi yang dikenakan adalah RM300 bagi pengamal yang mempunyai tiga klinik ataupun lebih. Makna kalau ada 10 klinik pun dia maksimum RM300 sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail. Adakah perkhidmatan pergigian diberi kepada golongan keperluan khas dan warga emas? Tuan Yang di-Pertua, golongan keperluan khas diberi keutamaan dalam penjagaan kesihatan pergigian. Pada masa ini KKM telahewartakan seramai empat orang pakar pergigian keperluan khas atau *special needs dental specialist*. Pada tahun 2017, seramai 61,641 orang pesakit keperluan khas telah menerima perkhidmatan pergigian di *facility* KKM. Bagi golongan warga emas pula, seramai 266,912 orang telah menerima pelbagai rawatan pergigian termasuk membekalkan gigi palsu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail juga. Caj rawatan bagi perkhidmatan untuk ortodontik berbeza di antara pengamal di bandar dan di luar bandar dan rawatan di *facility* kerajaan dan *facility* swasta.

Tuan Yang di-Pertua, fi yang dikenakan bagi semua rawatan di *facility* kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Fi Perintah Perubatan. Fi yang dikenakan di sektor swasta adalah tertakluk di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan fi yang disenaraikan di bawah akta ini adalah fi maksimum, Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya pengamal boleh caj kurang daripada itu tidak boleh lebih daripada fi yang telah ditetapkan. Kurang boleh lebih tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Yang Berhormat Menteri boleh tidak sebut yang maksimum itu berapa? Sedikit perincian, yang maksimum itu berapa?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dia kadar-kadar tiap-tiap prosedur itu lain-lain, Tuan Yang di-Pertua. Kadar prosedur itu lain-lain jadi terpulang kepada- dia ada senarai dia memang jelas menunjukkan cabut gigi berapa, tampal gigi berapa dan sebagainya.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul. Apakah hukuman ke atas seorang yang tidak bertauliah yang melaksanakan prosedur pergigian? Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang ini sekiranya seseorang disabitkan atas kesalahan mengamal tanpa pendaftaran, beliau boleh dihukum denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul. Bolehkah seseorang yang tidak puas hati dengan kelakuan seorang doktor pergigian membuat aduan kepada Jawatankuasa Aduan?

Tuan Yang di-Pertua, setiap sesiapa yang tidak puas hati dengan rawatan pergigian yang diterima boleh membuat aduan kepada Majlis Pergigian Malaysia. Semua aduan akan ditimbang oleh Jawatankuasa Aduan dan aduan mengenai perkara etika akan disalurkan kepada Majlis Pergigian Malaysia. Aduan mengenai kesalahan di bawah mana-mana akta yang akan dikemukakan kepada Unit Pemeriksaan di bawah Program Kesihatan Pergigian, KKM.

Soalan yang kedua, adakah seorang doktor pergigian diberi perlindungan daripada aduan? Doktor pergigian yang mengamal di bawah Pengawalseliaan Majlis Pergigian Malaysia dan sekiranya seseorang pengamal pergigian menghadapi aduan perlindungan tanggung rugi, *professional indemnity cover* yang diwajibkan di atas akta ini akan memberi perlindungan kewangan dan bantuan guaman kepada pengamal tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul juga tentang berapakah bilangan doktor pakar pergigian Malaysia dan di Sabah? Tuan Yang di-Pertua, yang ini jumlah pakar pergigian di bawah Kementerian Kesihatan sehingga 28 Februari 2018 adalah 350 orang dan 23 orang adalah di Sabah. Semua sekali 350 orang dan di Sabah ada 23 orang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Adakah pembuat gigi palsu dikawal selia di bawah akta ini? Akta yang kita bincang ini. Pembuat gigi palsu hanya membuat gigi palsu di makmal dan tidak membuat rawatan. Mereka akan dikawal di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 apabila akta tersebut dikuatkuasakan kelak. Mereka tidak duduk di bawah akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed juga bangkitkan isu senarai menunggu untuk rawatan ortodontik di Kelantan adalah dua hingga tiga tahun. Apakah punca dan tindakan KKM untuk mengurangkan tempoh menunggu? Tuan Yang di-Pertua, punca senarai menunggu panjang ialah:

- (i) pertambahan permintaan ataupun demand daripada rakyat dengan peningkatan kesedaran mengenai kesihatan pergigian atau *increase in oral health awareness*;
- (ii) latihan bagi kepakaran ortodontik juga mengambil masa selama empat tahun.

Walau bagaimanapun beberapa pegawai telah diberi Hadiah Latihan Persekutuan di bawah KKM dan penambahan ini tidak secepat peningkatan permintaan. Makna *we cannot keep pace* dengan permintaan yang ada, Tuan Yang di-Pertua. KKM akan terus melatih lebih ramai pakar ortodontik bagi memenuhi keperluan rawatan di klinik-klinik kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul lagi. Bolehkah Jawatankuasa Majlis dianggotai oleh ahli dari Sabah dan Sarawak? Tuan Yang di-Pertua, Ahli Jawatankuasa Majlis dipilih berdasarkan kepakaran, pengetahuan dan pengamalan yang diperlukan bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan tanpa mengira negeri.

■1440

Jadi ahli dari Sabah atau Sarawak yang diperlukan akan dilantik, tidak kira negeri. Dia kira kepakaran, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, adakah garis panduan untuk membendung doktor pergigian palsu? Garis panduan bagi penguatkuasaan terhadap pengamalan haram akan diwujudkan di bawah akta ini. Makna selepas ini, sudah akta ini lulus, kita di peringkat kementerian akan adakan peraturan ataupun garis panduan dan Yang Berhormat Menteri *sign* maknanya ia jadi satu peraturan.

Ketiga, apakah hukuman dan denda bagi pengamalan pergigian haram? Hukuman maksimum bagi pengamalan pergigian haram di bawah akta ini ialah RM300,000 ataupun dipenjarakan selama lima tahun ataupun kedua-duanya sekali.



Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Apakah tindakan KKM untuk menambah *facility* kesihatan pergigian?

Tuan Yang di-Pertua, permohonan projek baru dan *facility* pergigian dibuat di dalam projek mengikut *Rolling Plan* di dalam setiap Rancangan Malaysia dan sehingga *Rolling Plan* Ketiga RMKe-11 terdapat sebanyak 106 projek pembangunan yang mana terdapat komponen klinik pergigian sedang dan akan dibina dalam projek tersebut. Selain daripada pembinaan klinik, KKM juga berusaha menambah fasiliti berbentuk bergerak ataupun *mobile clinic* seperti Klinik Pergigian Bergerak dalam bentuk bas ataupun *coaster* yang dilengkapi dengan kerusi pergigian dan peralatan.

Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing mohon penjelasan sama ada ahli Majlis Pergigian, wakil daripada Sabah dan Sarawak adalah dari sektor swasta atau awam. Tuan Yang di-Pertua, ahli daripada Sabah dan Sarawak adalah ahli yang dipilih oleh pengawal pergigian. Oleh kerana hanya ada seorang ahli dari Sabah dan Sarawak atau tidak menetapkan sektor swasta atau awam tertakluk kepada pemilihan pengamal pergigian di Sabah dan Sarawak. Maknanya, ia tidak hadkan kepada kerajaan ataupun swasta. Salah satu boleh kita pakai, Tuan Yang di-Pertua.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan telah mengambil bahagian. Saya harap bil ini dapat diluluskan segera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada lagi? Terima kasih ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 104** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki) dan diluluskan]*

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.47 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan (D.R. 4/2018) Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan) 2018 dan (D.R. 7/2018) Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018 sebagaimana yang tertera sebagai Nombor 2 dan Nombor 3 di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 5 April 2018.”

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur):** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah di setujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG HAD MASA (PINDAAN) 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

#### 2.49 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan) 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Had Masa 1953 merupakan satu akta yang memperuntukkan tempoh had masa untuk memulakan tindakan dan timbang tara. Secara khususnya perenggan 6(1)(a) mengehendkan tempoh masa untuk memulakan tindakan undang-undang bagi kes kontrak dan *tort* iaitu tempoh enam tahun yang dikira dari tarikh kausa tindakan tersebut.

#### ■1450

Sebelum tahun 1983, prinsip undang-undang yang diguna pakai untuk menentukan permulaan tarikh kausa tindakan teraku bagi kes *tort* ialah *discoverability test*, dengan izin. Ini bermakna kausa tindakan bagi kes *tort* hanya bermula apabila sesuatu kerosakan diketahui.

Walau bagaimanapun, tahun 1983, *House of Lords* dalam kes '*Pirelli General Cable Works Ltd. melawan Oscar Faber & Partners 1983*', telah memutuskan tarikh kausa tindakan teraku bagi kes *tort* bermula pada masa sesuatu kerosakan itu berlaku dan bukannya bermula pada masa kerosakan itu diketahui. *House of Lords* memutuskan sedemikian secara terikat secara, *stare decisis* dengan keputusan dalam kes '*Cartledge against E Jopling and Sons 1963*'. Selepas keputusan dalam kes *Cartledge* pada 16 Januari 1963, Parlimen United Kingdom telah meluluskan *Limitation Act 1963* untuk menangani masalah berkenaan dengan permulaan tarikh kausa tindakan teraku bagi kes kecederaan diri.

Namun begitu berdasarkan kes *Pirelli*, apa-apa tuntutan ganti rugi selain daripada kecederaan diri, termasuklah kes pembinaan, mahkamah masih terikat dengan prinsip kes '*Cartledge against E Jopling*'. Walau bagaimanapun, Lord Reid dalam kes *Cartledge* turut menyatakan bahawa secara prinsipnya adalah tidak munasabah dan tidak adil untuk satu tindakan bermula, untuk satu tindakan teraku sebelum sebarang kecederaan ketahui. Keputusan ini telah memberi kesan kepada tempoh had masa bagi kes *tort* terutamanya kes pembinaan

yang melibatkan kerosakan pendam- *latent damage* yang tidak diketahui walaupun pemeriksaan yang sepatutnya telah dilakukan.

Berikutan daripada kes *Pirelli*, seorang plaintif akan menghadapi halangan had masa kerana berkemungkinan plaintif tidak akan menyedari bahawa sesuatu kerosakan telah berlaku sejak beberapa tahun dan kausa tindakan telah pun bermula dari tarikh kerosakan tersebut. Walaupun kes *Pirelli* memutuskan sedemikian, Lord Fraser dalam kes tersebut bersetuju dalam pandangan Lord Reid dalam kes *Cartledge* bahawa adalah tidak munasabah dan tidak adil sesuatu tindakan mula teraku sebelum sebarang kecederaan diketahui dan Lord Fraser selanjutnya memutuskan bahawa undang-undang yang telah mantap tersebut hanya boleh dipinda oleh Parlimen dan dipersetujui oleh Lord Scarman. Lanjutan daripada itu *Latent Damage Act 1986* telah diluluskan di England dengan memperkenalkan peruntukan baru berkenaan dengan kerosakan pendam.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah telah mengikut keputusan kes *Pirelli* berkenaan dengan tarikh kausa tindakan teraku dalam '*Credit Corporation (M) Bhd* melawan *Fong Tak Sin*', dan '*Bank Bumiputera Malaysia* melawan *Tetuan Wan Marican, Hamzah & Shaik*' lain-lain kerana yang diputuskan dalam kes *Pirelli* iaitu seksyen 2, *Limitation Act 1939* sama dengan subseksyen 6(1), Akta 254. Kedua-dua kes tersebut bukanlah kes yang melibatkan pembinaan tetapi kes yang melibatkan tuntutan ganti rugi dalam kes kemalangan jalan raya dan kecuaiian defendan dalam menyempurnakan dokumen gadaian, cagaran yang melibatkan kerugian kepada pihak plaintif.

Di England undang-undang berkaitan dengan had masa telah dipinda selepas kes *Pirelli* pada tahun 1986, *Latent Damage Act 1986* telah meminda *Limitation Act 1980* berkaitan dengan tempoh had masa bagi kes kecuaiian melibatkan kerosakan pendam tidak termasuk kecederaan diri.

Manakala di Singapura pula, *Limitation Act* telah dipinda melalui *Limitation (Amendment) Act 1992* dengan memasukkan seksyen 24A yang baru mengenai lanjutan masa bagi tindakan kecuaiian, kacau ganggu dan pelanggaran kewajipan yang melibatkan kerosakan pendam dan kecederaan diri pendam. Seperti di England, Singapura juga mengadakan seksyen 24B yang baru bagi memperuntukkan *overriding time limits* selama 15 tahun daripada *starting date* iaitu *date of breach of duty that gives rise to the action*, dengan izin.

Selain England dan Singapura negara lain yang telah meminda undang-undang had masa selepas kes *Pirelli* ialah Hong Kong pada tahun 1991 melalui *Limitation (Amendment) Ordinance*

1991. Di Alberta Canada pula *Limitation of Action Act* yang telah diluluskan pada tahun 1935 telah dimasukkan dan digantikan *Limitation Act* yang baru pada 1999.

Sejak kes *Pirelli* diputuskan, tiada pindaan dibuat kepada undang-undang berkaitan dengan had masa di Malaysia. Berdasarkan perkembangan di negara lain yang telah meminda had masa bagi mengatasi kes *Pirelli*, kerajaan telah memulakan kajian cadangan pindaan kepada Akta 254 dengan mengambil kira peruntukan undang-undang di negara lain seperti England dan Singapura.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, rang undang-undang ini wajar digubal kerana dalam industri pembinaan, kerosakan pada reka bentuk dan kualiti kerja lazimnya dikaitkan dengan kerosakan pendam yang tidak dapat diketahui pada masa kerosakan itu berlaku. Undang-undang yang sedia ada tidak memberi peluang dan keadilan sewajarnya kepada pihak plaintif untuk mengambil tindakan bagi kes kerosakan pendam dalam kes pembinaan.

Rang undang-undang ini akan membolehkan seorang plaintif mengambil tindakan berasaskan kecuaiian yang melibatkan kerosakan pendam dalam kes pembinaan dengan membenarkan perlanjutan had masa tiga tahun dari tarikh pengetahuan orang yang mempunyai kausa tindakan, jika kerosakan itu tidak dapat ditemukan melalui pemeriksaan umum dan orang yang mempunyai kausa tindakan itu tidak tahu atau tidak dapat semunasabahnya dijangkakan untuk mengetahui tentang kerosakan itu.

Rang undang-undang ini juga kan melindungi mereka yang terlibat dalam industri pembinaan seperti jurutera dan arkitek apabila sesuatu tempoh liabiliti akhir selama 15 tahun ditetapkan. Rang undang-undang ini memberikan hak kepada seorang yang tidak berkeupayaan untuk membawa apa-apa tindakan bagi sesuatu kerosakan pendam dalam kes pembinaan sebelum habis tempoh tiga tahun dari tarikh dia berhenti menjadi hilang upaya atau meninggal dunia mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan dalam rang undang-undang ini digubal berpandukan kepada empat prinsip utama seperti berikut:

- (i) peruntukan yang membolehkan had masa dilanjutkan sehingga tiga tahun selepas plaintif mengetahui berlakunya kerosakan pendam bagi kes kecuaiian sekiranya kerosakan tersebut tidak diketahui semasa *date of accrual*;
- (ii) peruntukan yang menghalang mana-mana pihak daripada memulakan tindakan mahkamah melebihi tempoh 15 tahun daripada tarikh kausa tindakan terakur;

- (iii) peruntukan berkenaan dengan perlanjutan had masa bagi seorang yang tidak berkeupayaan untuk membawa apa-apa tindakan sebelum tamat tempoh tiga tahun dari tarikh dia terhenti menjadi hilang upaya atau meninggal dunia mengikut mana-mana yang berlaku dahulu; dan
- (iv) peruntukan yang mengecualikan kes yang melibatkan maklumat yang tersembunyi secara *fraud* daripada kerosakan pendam yang tidak melibatkan *fraud*.

Berdasarkan empat prinsip utama tersebut adalah dapatlah dirumuskan bahawa pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menyelesaikan isu-isu berbangkit berhubung dengan masalah tempoh had masa untuk memulakan tindakan bagi sesuatu kerosakan pendam dalam kes pembinaan yang tidak dapat dikesan pada masa kerosakan itu berlaku.

Cadangan pindaan ini akan menangani implikasi undang-undang dalam kes *Pirelli* yang berkaitan dengan undang-undang pembinaan. Ia juga untuk memastikan pihak plaintif mendapat keadilan sewajarnya dan sekali gus menjadikan Akta 254 lebih komprehensif serta sesuai dengan perkembangan semasa.

Cadangan-cadangan pindaan kepada Akta 254 adalah sebagaimana naskhah biru rang undang-undang yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Had Masa 1953 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Saya mulakan menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Silakan.

**2.59 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang keizinan kepada saya untuk ikut serta dalam perbahasan rang undang-undang bagi meminda Akta Had Masa 1953.

Jadi, sebelum saya melanjutkan perbahasan saya, saya juga ingin hendak memohon penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri tentang apa yang saya faham daripada

taklimat yang telah kita adakan tempoh hari. Sama ada pindaan ini, adakah ia dipakai di negeri Sarawak. Ini kerana saya difahamkan bahawa negeri Sarawak mempunyai satu *Limitation Ordinance*, ordinannya sendiri dan telah diisytiharkan sebagai *Federal Law* dalam tahun 1965.

■1500

Jadi sama ada Rang Undang-undang Had Masa ini adalah terpakai di negeri Sarawak memandangkan di Sarawak mempunyai Undang-undang Had Masanya sendiri dan sekiranya tidak terpakai di negeri Sarawak, adakah Kerajaan Persekutuan akan memberitahu Kerajaan Sarawak supaya Kerajaan Sarawak mengambil langkah seperti ini juga untuk meminda Ordinan Had Masa oleh mereka supaya selari ataupun sekurang-kurangnya mempunyai *spirit* yang sama dengan pindaan yang dibuat ke atas Akta Had Masa 1953 ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dilakukan ke atas Akta Had Masa 1953 ini amat signifikan dalam usaha kerajaan dalam melaksanakan liberalisasi melindungi pembeli rumah ataupun bangunan akibat berlakunya kerosakan luar jangka selepas mereka memiliki dan menduduki rumah tersebut. Dengan konsep jualan oleh pemaju secara bina dan jual, kerajaan perlu memberikan perhatian sewajarnya untuk melindungi pengguna bagi memastikan tanggungjawab pemaju, kontraktor dan sub kontraktor yang membuat binaan rumah, membaik pulih apa-apa kerosakan dan ganti rugi akibat kecuaiian semasa proses pembinaan jika rumah yang dijual mengalami kecacatan.

Tempoh tiga tahun selepas pembelian, merupakan tempoh masa terbaik bagi pembeli mengenal pasti apa-apa kecacatan fizikal yang mungkin akan muncul disebabkan kegagalan bahan binaan ataupun kualiti kerja pembinaan yang tidak baik dan memuaskan. Jadi persoalan saya di sini ialah dalam isu had masa ini, sejauh manakah pindaan ini akan memastikan bahawa syarikat insurans ataupun bank yang mengeluarkan jaminan prestasi iaitu *performance guarantee* akan akur dan mematuhi ketetapan yang dibuat oleh kerajaan.

Keduanya, dengan pindaan ini apakah dengan pindaan ini yang memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 6A harga-harga rumah dan kos pembinaan akan meningkat seiring dengan lanjutan masa tuntutan sehingga 15 tahun diberikan kepada pengguna yang membuat tuntutan. Saya juga ingin tahu di mana kedudukan *Housing Tribunal* di dalam kita hendak menyelesaikan pertikaian di antara pembeli dan juga pemaju perumahan itu.

Di mana kedudukan *Housing Tribunal* dan adakah rundingan boleh dibuat di luar mahkamah menerusi *Housing Tribunal* yang juga ditubuhkan oleh kerajaan dan di mana

kedudukannya di dalam akta ini? Jadi dengan hujah yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi.

Dan sekarang saya minta pula Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Silakan.

### 3.11 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peluang ini. Sebenarnya bukan hendak bahas panjang cuma ada beberapa penjelasan yang saya perlu tetapi sebelum itu secara prinsip saya menggalakkan cadangan pindaan-pindaan ini, kedua-dua terutama sekali fasal 20, dan fasal 2 di mana tarikh untuk mengambil tindakan dilanjutkan ketiga tahun dari tarikh pengetahuan. Itu satu dan juga fasal 3 di mana ada kemasukan satu seksyen baru 24A khas untuk mereka yang hilang keupayaan. Dua-dua pindaan ini memang amat-amat diperlukan pada masa sekarang ini. Akan tetapi, saya ada satu soalan mengenai cadangan seksyen 6A subseksyen 3 itu berkenaan dengan had masa.

Di mana pembeli rumah atau pembeli mana-mana bangunan dihalang dari mulakan tindakan selepas lebih dari 15 tahun. Saya faham konsep sebab kita tidak boleh cakap *permanent perpetual liability* dan sebagainya. Itu saya faham. 15 tahun kita kena had kalau tidak ada *then* selama-lamanya selepas dia meninggal pun dia kena tanggungjawab juga. Itu saya faham.

Cuma had masa ini 15 tahun ini soalan saya ialah, adakah dia akan *apply* kepada *structural damages*? Pasal kalau / tengok secara kasar, secara kasar kalau / tengok, banyak dia fokus kepada *latent damages* sahaja. So soalan saya sama ada had masa 15 tahun ini juga akan terpakai dalam *structural damages* yang secara *reasonably* kalau kita pakai *test of reasonableness* tidak dapat *detect* dalam 15 tahun *structural damages; metal, structural* betul *structural damages*.

Saya tidak cerita pasal *renovation* dan sebagainya. Saya tahu *the whole thing* sudah akan tukar dan sebagainya. Saya tidak sebut pasal *natural causes; landslide* dan itu semua bukan isu saya. Isu saya kalau *structural damages which cannot be reasonably detected* dalam 15 tahun. Lain-lain *damages; superficial, tiling, crack on the wall* itu semua kita dapat kesan. Ini *structural damages*. Satu. *My first question* sama ada tempoh had masa ini dia mengehendkan atau dia menghalang pembeli rumah dari memulakan tindakan. Satu.

Kedua adalah implikasi 15 tahun ini terhadap *requirement* di bawah CCC dan juga *requirement* di bawah *Street Drainage and Building Act*. Saya tahu beberapa tahun dahulu semasa saya jadi *local counsellor*, / tahu ada satu *requirement* bawah CCC di mana PSP itu kena



melakukan *periodical inspection* untuk 10 tahun yang pertama dan ada juga peruntukkan-peruntukkan tertentu di bawah *Street Drainage and Building Act* di mana lepas 10 tahun pun pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan *engineer* kah PSP untuk melakukan *periodical inspection* selepas 10 tahun untuk akses apa yang dipanggil *structural safety*. Ini semua fokus kepada *structural aspect* di mana dia kena *access structural safety, structural soundness* dan *structural integrity*

#### ■1510

So, soalan saya macam ini. Kalau sekarang seorang pemaju dia punya *liability* selepas-*that means* kalau tidak ada tindakan dimulakan dalam tempoh 15 tahun itu, secara automatik selepas itu dia tidak ada *liability*. Kalau dia tidak ada *liability, you* suruh dia pergi buat pemeriksaan pun kalau *local council* dalam Garis Panduan Perancangan, *you* buat *requirement* atau *you* buat *specific order* di bawah seksyen 85(a), *Street, Drainage and Building Act 1974, it serves no purpose*. Dia akan melakukan *inspection* tetapi selepas itu dia tidak akan ambil tindakan. Oleh sebab, dia tidak lagi ada *responsibility*. So, itu sahaja fokus saya. Implikasi had masa 15 tahun ini ke atas *structural damage*, satu- kemungkinan akan berlaku percanggahan dengan kewajipan atau tanggungjawab di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Saya harap boleh mendapat penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

Sekarang saya jemput pula, Yang Berhormat Datuk Rabiyyah binti Ali.

#### 3.11 ptg.

**Datuk Rabiyyah binti Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Had Masa 1953.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pindaan yang memasukkan seksyen baharu 6(a) dalam pindaan akta ini kerana ia akan membolehkan pemilik rumah yang membeli rumah projek terbengkalai dan diselamatkan mendapat jaminan untuk membuat tuntutan jika sekiranya berlaku kerosakan akibat kecuaiannya proses semasa dalam pembinaan yang mungkin pembinaan rumah ini disiapkan oleh kontraktor penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi runtuhannya Highlands Tower pada tahun 1993 dan kesemua penghuni terpaksa mengosongkan unit-unit kondominium di Blok 2 dan Blok 3 yang tidak runtuh

tetapi mempunyai risiko rekahan dan runtuh yang merupakan kerugian yang besar kepada pembeli.

Oleh sebab penyerahan kunci blok ini pada 1981 dan selepas 12 tahun, barulah runtuhannya ini berlaku. Para pemilik mengalami kerugian akibat masalah ini. Justeru, adalah bertepatan pindaan akta ini dilakukan kerana seksyen baharu, 6(a) ini akan memberikan lembaran baharu dalam tuntutan ganti rugi kerosakan rumah atau bangunan yang dibeli.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada kerajaan berhubung dengan seksyen 6(a) ini, apakah tuntutan ini terpakai jika sekiranya sesebuah rumah yang dibuat tuntutan ganti rugi kerosakan telah dilakukan ubah suai minor di mana struktur asal tidak diusik? Mungkin apabila pembeli rumah memasang bumbung, *porch* ataupun sambungan bahagian dapur yang mana tidak menjejaskan struktur binaan asal.

Sejauh had masa 15 tahun ini terpakai, jika sekiranya rumah-rumah yang mengalami kerosakan merupakan unit-unit perumahan yang telah dibeli disiapkan oleh kontraktor penyelamat yang ketiga tetapi kerosakan atau masalah telah pun dikesan semasa binaan dibuat oleh kontraktor pertama. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi tujuan perbahasan Akta Had Masa ini, hanya dua soalan yang ingin saya kemukakan. Pertama, berhubung dengan pemakaian Akta Had Masa ini dan khususnya pindaan ataupun tambahan peruntukan 6(a), adakah pemakaiannya melibatkan entiti kerajaan di mana jika bangunan tersebut milik kerajaan ataupun pihak yang akan disaman adalah pihak kerajaan? Adakah seksyen baru 6(a) ini terpakai?

Kedua, di sini ada beberapa ilustrasi-ilustrasi, cuma saya ingin membuat satu lagi ilustrasi dan saya mohon satu jawapan daripada pihak Menteri iaitu ilustrasinya begini, "*C bought a house from D in year 2000. In 2014, C discovered a crack and then a building report was made that the crack actually appeared in 1998 before C bought from D*".

Jadi, di dalam kes ini, adakah masih lagi dalam had masa ataupun sudah pun di luar had masa memandangkan C membeli daripada D sebelum tahun 2000 lagi? Jadi, adakah C masih boleh *claim* untuk *damages* dalam ilustrasi yang saya sebutkan itu tadi? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Empat orang sudah bercakap. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**3.16 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Pertama sekali berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili sekiranya pindaan ini boleh terpakai di negeri Sarawak memandangkan Sarawak mempunyai *Limitation Ordinance (Sarawak) (Cap.49)* ya. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi ada? Jawapannya saya berikan jawapan secara bertulislah. Atau dia pergi bilik air?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bilik air.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Okey. Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah tanya sama ada had masa ini terpakai bagi *structural damages*. Had lanjutan masa ini terpakai bagi apa-apa kerosakan pendam iaitu kerosakan yang hanya ditemui selepas kausa tindakan terakru. Saya tunggu jawapan lagi tiga, boleh? Pegawai AGC ini kadang-kadang tulis tangan Tuan Yang di-Pertua, jadi dia tidak pakai sistem *machine*...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** 15 tahun...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Fasal?

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** 15 tahun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** 15 tahun? *Your question I think I can answer that. Your question under 15 years is?*

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Isu saya di mana sekarang kalau kita tengok dia ada had- *that means* selepas 15 tahun itu, *you* tidak boleh mulakan apa-apa tindakan. Saya cuma mahu tahu *limitation* 15 tahun itu masih akan pakai untuk *structural damages* yang kita- *latent damages, I'm very clear. Structural damages* yang kita *reasonably* akan tahu selepas 15 tahun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Okey, jawapan yang saya ada di sini ialah *design*-semalam pun soalan yang sama daripada Yang Berhormat Kelana Jaya, *design* bangunan dibina untuk wujud dan bertahan selama 50 tahun manakala jambatan jeti ialah 120 tahun. Tempoh 15 tahun merujuk kepada tarikh kausa tindakan terakru iaitu ia akan terhenti pada tahun 15. *Latent damage* mungkin wujud pada tahun yang ke-20 rumah yang duduki. Tempoh tersebut ialah apabila berlaku *latent damage*, plaintif hendaklah membuat keputusan untuk mengambil tindakan

sivil terhadap defendan. Jadi, bererti, saya dimaklumkan bahawa dalam kes-kes bangunan selalunya diberikan dalam jangka masa 15 tahun.

Jadi, *limitation* itu enam tahun. Ini adalah yang disebut sebagai- selalunya orang tengok kepada *apparent damages*. *Apparent damages* ini selalunya *damages* yang orang nampak. *Latent damages* itu *damages* yang kadang-kadang tertanam di dalam dan selalu keadaan tiba-tiba semua nampak sudah okey tiba-tiba baru ternampak. Jadi yang dibuatkan pindaan dalam rang undang-undang ini ialah kita tambah lagi tiga tahun ya. Jadi, daripada jawapan daripada pihak peguam negara, ialah dia tidak boleh memberi lebih dari 15 tahun sebab kalau lebih dari 15 tahun nanti akan menjadi *impose liability* kepada kontraktor daripada *beyond certain limits*. Lagi dua ya? Yang Berhormat Senator, boleh tunggu kejam?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Boleh? Saya sebenarnya...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Saya punya ada lagi satu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ada lagi satu ya?

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ya. Berkenaan dengan *requirement* di bawah CCC.

#### ■1520

Berkenaan dengan *requirement* di bawah CCC. Sekarang di bawah CCC, ada satu *requirement* di mana dia kena, *engineer* atau PSP itu kena lakukan *periodically inspection*, bukan dalam *Limitation Act* dalam CCC dan juga *District, Drain* dengan *Building* punya Akta 1974 pun ada satu syarat di mana pihak berkuasa tempatan boleh dikenakan syarat. *That means after 10 years* pun *you* kena melakukan *inspection* untuk bangunan lima tingkat dan ke atas. *My point is* kalau sekarang lepas 15 tahun, *I can't do-* kalau *you* tidak *fail* dalam 15 tahun, *I am no longer liable and then* buat apa minta saya buat *inspection on structural safety*. *That means, saya akan buat inspection but they'll be no remedial action*. Cuma *that aspect of it* sahajalah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sementara pihak Peguam Negara berikan saya jawapan, saya jawab pada Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. *If I may*. Biar saya jawab pada soalan Yang Amat Berhormat Senator yang mana baru keluar dari bilik air mungkin [Ketawa] *That is not fake news [Ketawa] That real news*.

Okey, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili bertanyakan tentang rundingan luar mahkamah jika dibenarkan. Jawapannya memang boleh. Terpulang pada pihak-pihak dalam sesuatu tindakan termasuk juga kalau semua pihak berminat untuk timbang tara iaitu *arbitration*. Berkenaan dengan Yang Berhormat Senator tanya tentang soalan Sarawak, jawapannya ialah

sama ada pindaan ini boleh terpakai di negeri Sarawak memandangkan Sarawak sudah ada *Limitation Ordinance* sendiri, *Chapter 49*. Jawapannya *Limitation Act* tidak terpakai di negeri Sarawak.

Kemudian Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang jika pindaan ini tidak terpakai kepada Kerajaan Sarawak supaya mengambil tindakan yang sama pada Ordinan Had Masa. Ini adalah keputusan dasar kerajaan. Sama ada Kerajaan Persekutuan mahukan pindaan yang sama dilakukan di negeri Sarawak.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan tanya berkenaan dengan kedudukan *Housing Tribunal*. *You did ask. Housing Tribunal* ini. Saya kena tunggu jawapan dia orang ya.

Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, *Housing Tribunal* ya. *Housing Tribunal* akan dapat menyelesaikan kes-kes yang boleh dirujuk kepada tribunal tersebut. Bidang kuasa *Housing Tribunal* dihadkan kepada tuntutan yang berdasarkan kepada kawasan tindakan yang berbangkit daripada perjanjian jual beli antara beli dan pemaju. Jenis tuntutan yang boleh difailkan boleh berbentuk teknikal iaitu tuntutan yang disebabkan oleh kecacatan mutu kerja atau bahan-bahan atau jika rumah dan rumah ataupun pangsapuri tersebut tidak dibina mengikut pelan dan butiran dalam perjanjian jual beli.

Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jawab secara rambang dalam isu teknikal sebab semuanya direkodkan dalam *Hansard*, dan kalau jawapan itu tidak tepat, saya boleh dikenakan *Rights Committee* dan *Privileges*. Jadi, Saya pohon maaf.

Tempoh 15 tahun daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah *on the-* tempoh 15 tahun tersebut merujuk kepada tarikh *cause of action accrued*, bukannya pembinaan siap. Ini berlaku ia adalah apabila berlaku kerosakan, bukan bila kunci diserahkan. CCC merujuk kepada *vacant possession*.

Saya rasa ada dua lagi?... [*Merujuk kepada pegawai bertugas*] Sebentar ya. Iaitu soalan daripada Yang Berhormat Senator-Senator wanita Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said. Ada lagi, menunggu?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kalau tidak saya boleh- saya bagi jawapan bertulislah Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak saya bagi jawapan bertulis?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Soalan saya tadi sudah dapat tidak?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Soalan dapat?... [*Merujuk kepada pegawai bertugas*]

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *The cause of actions.* Bermula bila? Katakanlah saya beli bangunan tahun 2000. Okey. *Then, pada tahun 2014, I discovered a crack, 2014.* Akan tetapi, apabila *report, building report* dibuat, *the crack was actually* berlaku tahun 1998 lagi. *Which is before* saya beli *the property.* So, *the question is- the cause of action,* adakah bermula tahun 2000 ataupun bermula tahun 1998? Kalau bermula tahun 2000, saya *entitled for the damages but* kalau bermula tahun 1998 maknanya *I do not entitle.* Okey, itu soalan saya, dan soalan yang pertama berkait dengan *application this section* untuk kerajaan. Adakah dia terlibat, *also applied to* kerajaan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua. Mungkin kalau tidak boleh jawab sekarang pun tidak apa. Akan tetapi, soalan saya sebenarnya tadi lain.

Saya tahu 15 tahun itu dari *accrual date.* Saya tahu 15 tahun di CCC *is from the delivery of vacant possession.* Itu semua saya tahu.

*My issue is this.* Kalau kita tengok sekarang *Street, Drain and Building Act,* ada satu *requirement* di mana *every first 10 years* itu ada CCC. Dia kena melakukan *periodically inspection.* Kalau sekarang kita tengok 85A, *Street, Drain and Building Act, local council* boleh mensyaratkan *developer of five storey building* untuk setiap *10 years.* *That means after 10 years, 20 years and 30 years* pun *you* boleh syaratkan dia untuk melakukan *periodically inspection* untuk menentukan *structural safety.* *My point is,* kalau dia meliabiliti- sudah habis. *I* faham kalau dia mulakan kes itu sebelum 15 tahun, *non issue.* Maksud saya, kalau lepas 15 tahun. Bukan bila dia tarik kes. *He didn't start any action and* lepas 20 tahun, bila *local council* suruh dia buat pergi *inspection.* Lepas 20 tahun. Dia pergi buat *inspection* dan didapati ada *structural damage.* *Can he escape? Because* dia tidak ada liabiliti.

Mungkin dalam *Street, Drain and Building Act, local council* boleh ambil *action* lah. Akan tetapi, di sini mungkin dia *can escape* dari segi liabiliti dia. Kalau tidak ada jawapan pada hari ini pun tidak apa, pasal *this involving different ordinances* dan sebagainya.

*Just look into it an objective* supaya *house buyers, building buyers* itu dapat *protection all the times.* Bukan macam Highlands Towers dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Senator-Senator. Saya rasa semua soalan itu boleh diberikan secara bertulis tetapi kepada soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, dia beli rumah pada tahun 2014 sedar ada retak. Laporan menyatakan retak berlaku pada tahun 1998 iaitu sebelum si beli rumah. Jadi adakah masih dalam tempoh had masa 15 tahun? Soalan ini bilakah *the cause of action* ya? Jawapan

daripada pegawai Pejabat Peguam Negara, *cause of action* mula pada tahun 1998. Ini jawapan yang diberi.

Saya rasa yang lain itu kita akan beri jawapan bertulislah. Jadi, dengan itu sekali lagi saya ucapkan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Had Masa (Pindaan). Kerajaan akan sentiasa mengambil maklum dan semua cadangan yang dikemukakan yang mana tidak sempat saya jawab, akan diberi secara bertulis. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih dan saya memohon. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said telah menjawab dengan baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki) dan diluluskan]*

■1530

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUKAN (PINDAAN) 2018****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Seri M. Saravanan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membentang latar belakang Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*]. Akta 576 adalah suatu akta yang diwujudkan untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan serta pentadbiran sukan di Malaysia termasuk memperuntukkan perkara-perkara bersampingan dengannya. Akta 576 merangkumi 43 buah seksyen yang terbahagi kepada 7 bahagian. Akta ini mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 1998 di Semenanjung Malaysia dan pada 1 Oktober 2004 di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 576 memperuntukkan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan membuat suatu peraturan, arahan atau garis panduan dalam pelaksanaan fungsi yang termaktub dalam akta ini. Ia merangkumi pelantikan pesuruhjaya sukan, pentadbiran sukan dan pertubuhan sukan, urusan pelaksanaan berkaitan pembatalan, pergantungan dan rayuan pendaftaran pertubuhan sukan selain mengatasi masalah-masalah dalaman yang sering menggugat kemajuan sukan tanah air.

Penggubalan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018 merupakan satu usaha sokongan perundangan dalam memastikan pembangunan sukan negara adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara 2009. Ia juga menjamin pelaburan kerajaan dalam sukan dan membantu menyelesaikan masalah dalam badan sukan. Penggubalan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018 tidak menjejaskan atau mengehadkan kuasa badan sukan, sebaliknya mengukuhkan lagi peranan pertubuhan sukan bagi melaksanakan tanggungjawab mereka dalam membangunkan sukan negara.

Secara rasionalnya, sepanjang tempoh 20 tahun pelaksanaan Akta 576 hanya mengalami pindaan kecil pada tahun 2000 dan 2004 ke atas Jadual 1 membabitkan penambahan 12 jenis sukan. Justeru itu, Akta 576 perlu dikemas kini bagi memastikan akta ini sentiasa relevan dengan perubahan dalam sukan di peringkat antarabangsa serta seiring dengan dasar-dasar semasa negara yang berkuat kuasa.



Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah berjaya mencapai pelbagai kejayaan berprestij dalam bidang sukan. Tahun lepas sahaja kita telah lihat bukan hanya kejayaan dalam penganjuran Kuala Lumpur 2017 iaitu Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9 tetapi juga kejayaan kontinjen Malaysia merangkul 323 pingat dan seterusnya muncul sebagai juara keseluruhan Sukan SEA Ke-29, dan naib juara Sukan Para ASEAN Ke-9.

Tahun 2017 akan sentiasa dikenang dalam lipatan sejarah sukan Malaysia sebagai tahun hebat yang mendefinisikan kecemerlangan sukan negara. Atlet-atlet negara seperti Azizulhasni Awang, Cheong Jun Hoong, Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly telah mengangkat nama Malaysia megah di persada antarabangsa dengan menjadi juara dunia dalam sukan masing-masing. Pencapaian atlet kita di Sukan Olimpik dan Para Olimpik Rio pada 2016 juga mencatatkan pencapaian terbaik negara dalam sejarah penglibatan kita di pentas Olimpik dan Para Olimpik. Pencapaian empat perak dan satu gangsa kontinjen Malaysia di Olimpik Rio 2016 telah mencipta aras baru dalam penglibatan Malaysia di pentas Olimpik.

Lagu *Negaraku* pula telah buat pertama kalinya berkumandang di pentas Para Olimpik sebanyak tiga kali apabila Ziyad Zolkefli, Abdul Latif Romly, dan Ridzuan Puzi mencatat sejarah memenangi pingat emas dalam acara masing-masing. Latif dan Ziyad juga menambah manis catatan tersebut dengan turut memecahkan rekod dunia. Atlet-atlet ini sesungguhnya telah meletakkan nama negara dalam sukan yang diceburi oleh mereka ke satu aras yang baru. Tidak lagi pencapaian Malaysia hanya di peringkat serantau tetapi kini di peringkat dunia pula. Malaysia tidak lagi dipandang sebelah mata kerana sudah mampu menggugat kuasa-kuasa besar yang sering mendominasi buat sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian hebat dan membanggakan ini bukan hanya merentasi sukan berprestasi tinggi semata-mata. Kejayaan ini sesungguhnya telah menyemarakkan lagi semangat bersukan rakyat di peringkat akar umbi. Buktinya program-program sukan masa seperti Hari Sukan Negara, FitMalaysia, Liga Sukan Untuk Semua dan pelbagai lagi juga telah mencatatkan pencapaian yang sangat memberangsangkan.

Hari Sukan Negara yang pertama telah berjaya membawa lebih lima juta rakyat Malaysia keluar bersukan. Hari Sukan Negara kedua pula telah melihatkan lebih daripada 7.6 juta rakyat Malaysia keluar melibatkan diri. Program FitMalaysia pula yang sudah masuk ke pusingan ketiga sentiasa ditunggu-tunggu di setiap negeri dengan setiap penganjuran memperlihatkan ribuan rakyat hadir melibatkan diri. Komitmen dan sambutan hebat ini menunjukkan bahawa sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan bukanlah hanya mimpi di siang hari. Justeru

adalah amat wajar untuk usaha-usaha pembudayaan sukan ini diperkukuhkan lagi melalui sebuah akta yang bergerak selari dengan tuntutan dan peredaran zaman.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah turut mengambil langkah-langkah untuk tidak membezakan antara atlet kurang upaya dengan atlet biasa. Atlet-atlet kurang upaya juga telah mengharumkan nama negara dengan kejayaan mereka memenangi pingat emas Sukan Para Olimpik dan menjadi juara dunia. Kejayaan mereka sememangnya menuntut pengorbanan dan usaha yang sama hebat dengan atlet biasa jika tidak lebih lagi.

Tuan Yang di-Pertua, atas dasar itulah kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengiktiraf kejayaan mereka setaraf dengan kejayaan atlet-atlet biasa. Atas semangat yang sama juga, Kompleks Kecemerlangan Para Olimpik yang pertama di Asia Tenggara dibina di Malaysia. Kini sudah tiba masanya pula untuk Malaysia mengiktiraf badan-badan sukan yang khas untuk atlet-atlet kurang upaya sebagai badan sukan yang sah dan setaraf dengan badan-badan sukan untuk atlet biasa.

Melalui Akta 576, sehingga Februari 2018 sebanyak 9,580 badan sukan telah berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan. Dalam tempoh lima tahun iaitu daripada tahun 2013 sehingga tahun 2017 Pesuruhjaya Sukan telah mengeluarkan sebanyak 432 lesen dan kebenaran penganjuran acara sukan. Pada tahun 2017 sahaja sebanyak 136 lesen dan kebenaran penganjuran sukan telah dikeluarkan dan angka ini dijangka akan terus meningkat setiap tahun.

#### ■1540

Perkembangan gaya hidup cergas dan sihat menerusi aktiviti sukan telah menggalakkan lebih banyak syarikat menganjurkan pelbagai aktiviti sukan seperti larian, berbasikal dan sebagainya. Walau bagaimanapun, perkembangan ini turut dicemari dan dikeruhkan oleh insiden-insiden yang melibatkan orang awam.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, terdapat kes-kes penganjuran sukan yang dilaksanakan tanpa kebenaran daripada Pesuruhjaya Sukan seperti *Klang International City Marathon*, dengan izin, yang tidak mematuhi syarat-syarat penganjuran sehingga menyebabkan kematian para peserta.

Selain daripada itu, terdapat juga penganjuran acara sukan antarabangsa yang dibatalkan pada saat-saat akhir mengakibatkan kerugian kepada peserta. Mereka telah pun membayar yuran penyertaan yang tinggi seperti contohnya *Melaka Century Ride*, dengan izin, yang memungut yuran pendaftaran peserta sebanyak RM400 ribu. Insiden-insiden ini telah menjejaskan kepentingan awam dan imej negara di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang sukan. Oleh itu, terdapat keperluan bagi memperkukuhkan dan menambah baik sokongan

perundangan dalam Akta 576 serta memberikan kuasa kepada Pesuruhjaya Sukan terutamanya dalam aspek kawal selia dan tadbir urus pertubuhan sukan supaya lebih cekap.

Antaranya adalah berkaitan pendaftaran badan sukan baru, prosedur penggantungan atau pembatalan yang lebih jelas, prosedur penganjuran acara sukan serta hukuman dan denda ke atas pelanggaran perundangan di bawah Akta 576. Ini akan seterusnya memastikan agar kepentingan awam secara keseluruhan tidak tergugat oleh pihak tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan pertikaian dalaman pertubuhan sukan diselesaikan dengan adil, terdapat keperluan supaya sesuatu Jawatankuasa Pertikaian Sukan dibentuk. Ini bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan dalam badan sukan yang tidak dapat diselesaikan oleh badan sukan itu sendiri. Ini penting bagi menjaga kepentingan atlet dan pertubuhan secara keseluruhan serta mengekalkan sebarang kesan negatif ke atas kemajuan sukan.

Jawatankuasa ini menyediakan akses dan kemudahan untuk menyelesaikan pertikaian dalam tempoh yang singkat, adil dan murah.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018 ini merangkumi 16 fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 576 dengan memasukkan takrif baru Jawatankuasa Pertikaian Sukan ke dalam Akta 576 dan untuk meminda takrif yang sedia ada.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IIIA ke dalam Akta 576 untuk mengadakan peruntukan yang berhubung dengan badan sukan iaitu Majlis Paralimpik Malaysia dan Persatuan Sukan Pekak Malaysia yang masing-masingnya diiktiraf oleh Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa dan Jawatankuasa Sukan Orang Pekak Antarabangsa.

Bahagian IIIA yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Majlis Paralimpik Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan penyertaan Malaysia dalam Sukan Paralimpik, Sukan Paralimpik Asia dan Pertandingan Olahraga Antarabangsa yang lain.

Bahagian IIIA yang dicadangkan juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan penyertaan Malaysia ke dalam *Deaflympics*, Sukan Orang Pekak Asia Pasifik dan Pertandingan Olahraga Antarabangsa yang lain.

Fasal 4 Tuan Yang di-Pertua bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 576 berdasarkan suatu dasar bahawa syarikat tidak lagi dibenarkan untuk didaftarkan sebagai badan sukan di bawah Akta 576.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 576 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan tidak mematuhi arahan Pesuruhjaya, mendedahkan maklumat palsu atau mengemukakan laporan palsu daripada denda yang sedia ada iaitu tidak melebihi RM5,000 kepada denda yang dicadangkan iaitu tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak melebihi daripada RM50,000.

Fasal 5 Tuan Yang di-Pertua bertujuan untuk meminda seksyen 20, Akta 576 dengan membezakan alasan untuk membatalkan atau menggantung pendaftaran sesuatu badan sukan. Dengan pindaan dicadangkan, alasan pembatalan atau penggantungan yang sedia ada dibezakan bagi membolehkan Pesuruhjaya melaksanakan pembatalan atau penggantungan dengan cekap.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta 576 berbangkit daripada pemasukan Jawatankuasa Pertikaian Sukan di bawah Bahagian VI.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 24, Akta 576 untuk membolehkan mana-mana anggota badan sukan atau badan sukan itu sendiri untuk merujuk apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan mengikut tatacara dalaman kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan dan bukannya kepada Menteri.

Fasal 9 bertujuan memasukkan seksyen 24A, ke dalam Akta 576 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mendengar rayuan daripada mana-mana anggota badan sukan atau badan sukan itu sendiri yang terkilan dengan keputusan Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 25(2) untuk menaikkan penalti bagi apa-apa pelanggaran di bawah subseksyen 25(1) daripada denda sedia ada iaitu tidak melebihi RM5,000 kepada denda yang dicadangkan iaitu tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak lebih daripada RM50,000.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya fasal 11 bertujuan untuk menggantikan Bahagian VI Akta 576 untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan Jawatankuasa Pertikaian Sukan (Jawatankuasa) yang menggantikan panel penasihat sukan yang sedia ada.

Cadangan pindaan Bahagian VI adalah berikutan dengan pindaan seksyen 24, Akta 576 yang dengan cadangan tersebut mana-mana anggota badan sukan ataupun badan sukan itu sendiri boleh merujuk kepada jawatankuasa untuk mendapatkan keputusan terhadap apa-apa pertikaian sukan.

Seterusnya seksyen 27 yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa untuk mendengar dan menyelesaikan apa-apa pertikaian sukan yang dirujuk kepadanya oleh mana-mana anggota sesuatu badan sukan atau badan sukan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya seksyen 28 yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan jawatankuasa dan perkara yang berhubung dengan keanggotaan jawatankuasa.

Seksyen 29 yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik Pesuruhjaya Sukan untuk menjadi setiausaha kepada jawatankuasa dan pegawai lain untuk membantu setiausaha.

Seksyen 30 yang dicadangkan bertujuan untuk memberi jawatankuasa kuasa untuk menghendaki pendedahan maklumat, laporan atau dokumen daripada mana-mana orang dan kehadiran mana-mana orang di hadapan jawatankuasa bagi membolehkan jawatankuasa menjalankan tugas dan fungsinya dengan lebih baik untuk mendengar dan menyelesaikan apa-apa pertikaian sukan yang dirujuk kepadanya.

Seksyen 31 yang dicadangkan bertujuan untuk melindungi anggota dan pegawai jawatankuasa terhadap guaman dan prosiding undang-undang bagi apa-apa tindakan yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati semasa menjalankan tugas dan fungsi mereka di bawah Akta 576.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya seksyen 32 yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan jawatankuasa.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 33, Akta 576 bagi mewajibkan mana-mana orang yang menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan antarabangsa atau acara sukan antarabangsa di Malaysia untuk mendapatkan kelulusan secara bertulis Menteri terlebih dahulu.

#### ■1550

Pada masa yang sama hanya orang yang membuat tawaran untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan sukan antarabangsa atau acara sukan antarabangsa di Malaysia dikehendaki untuk mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada Yang Berhormat Menteri terlebih dahulu.

Fasal 12 juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penalti atas kegagalan mendapat kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 36, Akta 576 untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana syarikat yang melanggar sub seksyen 36(1), Akta 576. Pindaan ini dicadangkan kerana kesalahan tidak diperuntukkan di bawah seksyen 36 sedia ada Akta 576 bagi mereka yang melanggar sub seksyen 36/1, Akta 576. Kejadian aktiviti sukan di Klang baru-baru ini yang dianjurkan oleh suatu syarikat tanpa mendapat lesen di bawah

sub seksyen 36(1), Akta 576 dan telah menyebabkan kematian dan kecederaan peserta. Syarikat itu tidak boleh dituduh di bawah Akta 576 kerana suatu kesalahan tiada peruntukan di bawah seksyen 36 sedia ada, Akta 576.

Seterusnya, fasal 14 bertujuan untuk meminda sub seksyen 38(3), Akta 576 untuk menaikkan penalti bagi apa-apa kesalahan kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 38, dan seksyen 26, Akta 578, daripada denda sedia ada iaitu tidak melebihi RM5,000 atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi enam bulan kepada denda yang dicadangkan iaitu tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak melebihi daripada RM50,000 atau pemenjaraan tidak melebihi lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya fasal 15 bertujuan untuk memotong seksyen 39, Akta 576 berhubung dengan kesalahan-kesalahan am berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 31, 33 dan 36 yang penalti bagi kesalahan itu dicadangkan supaya diperuntukkan dalam seksyen 31, 33 dan 36, seksyen 39, Akta 576 dipotong kerana peruntukan bagi kesalahan-kesalahan am tidak lagi relevan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua fasal 16 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan. Tuan Yang di-Pertua sebagai kesimpulan dengan pindaan akta ini peranan, objektif, fungsi dan kuasa pesuruhjaya sukan ditambah baik khususnya dalam memperkasakan pembangunan dan pentadbiran badan sukan di Malaysia. Pada masa yang sama pengukuhan akta ini tetap mendukung Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sukan negeri sedia ada ke arah pembentukan budaya sukan serta pemantapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh. Pengukuhan Akta 576 ini juga memudahkan pemerksaan pembangunan sukan secara lebih menyeluruh dan terancang. Ini akan memberi lebih keyakinan kepada sektor swasta untuk bersama-sama menyumbang ke arah pembangunan industri sukan serta menaja program-program pembangunan sukan.

Di samping itu juga ia memberi ruang kepada pembangunan sukan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dilaksanakan dengan lebih bersepadu dan teratur. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Saravanan yang telah membawa banyak berita baik tentang Kementerian Belia dan Sukan dan kita rasa juga akhir-akhir ini Kementerian Belia dan Sukan banyak membawa sejarah baik menghasilkan anak-anak muda kita johan. Tahniah dan syabas ya. Kita berbahas kita nak mulakan Yang Berhormat Dr. Zaidi, yang sokong itu sila.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih sekarang kita mulakan dengan perbincangan kita. Sebelum saya nak bagi Yang Berhormat bercakap saya nak sampai sikit Ahli Yang Berhormat berita-berita terbaharu kalau kita baca surat khabar hari ini. Kalau saya tidak sampaikan rasa terkilan pula. Saya nak sampaikan untuk pesan kita bersama.

*Pokok mengkudu pokok sena,  
Ambil nasi bawa bekal,  
Hentikan saja projek negara China,  
Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tindakan tidak masuk akal.*

Itu dia... [*Dewan tepuk*] Sejarah kita dengan China 74- tidak ada siapa nak ke China. Orang itu pun nak pergi dan anaknya pula jemput sana. Akhirnya bagi banyak *investment*. Jadi kita jangan nak buat benda yang tidak masuk akal. Silakan, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Jadi saya minta tadi itu saudara Yang Berhormat Dr. Zaiedi.

### **3.56 ptg.**

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya saya angkat juga untuk mengambil bahagian dalam perbincangan pada petang yang mulia ini. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Pembangunan Sukan 1997. Perbincangan saya tidaklah begitu panjang lebar tapi hanya untuk menyentuh beberapa perkara yang saya fikirkan penting untuk kita beri perhatian.

Saya menyambut baik pindaan akta ini kerana terdapat dua pindaan yang signifikan yang menambah baik peruntukan Akta Pembangunan Sukan 1997 iaitu berhubung dengan Majlis Paralimpik Malaysia dan juga penubuhan Jawatankuasa Pertikaian Sukan bagi menggantikan panel penasihat sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pertubuhan Jawatankuasa Pertikaian Sukan kerana kita melihat akhir-akhir ini banyak peristiwa-peristiwa penganjuran sukan yang menarik perhatian masyarakat secara amnya yang mana ada banyak perkara yang pada akhirnya menimbulkan banyak perkara-perkara yang menyedihkan.

Sama ada ia sukan itu dianjurkan hanya untuk rekreasi ataupun untuk mendapat pingat kerana kita tahu bahawa kalau matlamat orang bersukan ialah pertama mereka hendak diri mereka sihat untuk mengeluarkan keringat dan juga ialah mereka bersukan kerana mereka ingin meluaskan perhubungan mereka dengan anggota-anggota lain dalam masyarakat iaitu pasukan kerana hendak bermasyarakat dan seterusnya ada juga yang bersukan semata-mata untuk memperoleh kemenangan dan mencari pingat dan hadiah.

Jadi beberapa peristiwa yang saya fikir perlu yang mendorong saya untuk menyokong pindaan ini. Pertama sekali dalam tahun 2016, kita melihat satu penganjuran sukan yang disebut sebagai *The Thor of Sarawak* (TOS) 2016 iaitu satu *event* yang bercorak *road cycling race* yang dijangka boleh menarik minat ramai kerana mengikut penganjuran itu mereka akan menempuhi satu kayuhan basikal sejauh 787.6 kilometer iaitu dari Miri, Sarawak ke Sematan, Sarawak juga.

#### ▪ 1600

Akan tetapi, yang mengecewakan, setelah ia dilancarkan dengan begitu hebat sekali oleh pegawai-pegawai tinggi di Kementerian Sukan di Sarawak, waktu itu Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, tetapi selepas satu tahun pelancarannya, penganjur itu gagal untuk menjadikan *event* itu satu kenyataan. Tiga hari sebelum *event* itu bermula, peserta-peserta datang. Ada yang daripada *international team* datang. Akan tetapi yang mendukacitakan ialah penganjurnya tidak muncul-muncul. Jadi tergendalalah segala persiapan yang dibuat oleh pasukan-pasukan yang datang dari luar Malaysia. Ini amat mendukacitakan kita.

Jadi apakah *event* seperti ini tidak perlu didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan? Adakah *event* seperti ini tidak perlu dilesenkan kerana ada kalanya penganjur-penganjur sukan itu melibatkan kementerian-kementerian sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri.

Akan tetapi bila kegagalan berlaku, ada pihak cuba hendak melepas tangan khususnya bila mana bila kegagalan berlaku ialah kerana penganjur itu gagal untuk mendapat *sponsorship*. Jadi berlakulah kegagalan seperti itu. Akhirnya memalukan kerajaan kita dan juga negeri kita, negara kita walaupun *event* itu tidaklah secara langsung dianjurkan oleh kerajaan, mahupun oleh kementerian-kementerian tertentu. Jadi, apakah *event* seperti ini perlu dilesenkan untuk memastikan bahawa sekiranya berlaku kegagalan seperti ini, jadi siapakah yang harus dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan ke atasnya.

Kita juga melihat dalam penganjuran *event* seperti ini, kita lihat penganjuran *Klang City International Marathon Race* yang berlangsung pada bulan Disember yang lalu sehingga menyebabkan kematian seorang peserta yang mengambil bahagian. Seorang cedera, seorang



lagi cedera juga tetapi oleh kerana cederanya begitu parah sekali, akhirnya membawa kepada kematian. Jadi, siapa yang harus dipertanggungjawabkan dan siapa yang harus memberi lesen kepada penganjuran *event* seperti ini? Ini kerana kita tahu bahawa dalam penganjuran seperti ini, yang penting selain daripada kemampuan penganjur, kita juga mahu bahawa penganjur mesti memberi jaminan bahawa keselamatan peserta, keselamatan di jalan raya dan sebagainya harus juga diambil kira.

Saya rasa adalah *timely* untuk pindaan seperti ini dibuat kerana kita harus ingat apa yang berlaku pada perlumbaan *go-kart*. Salah seorang penganjurnya kalau saya tidak silap, UTM. Penganjuran *go-kart* di mana *safety barriemya* begitu longgar sekali sehingga juga membawa kematian. Jadi saya rasa pindaan ini adalah satu yang sangat-sangat kita tunggu.

Ini kerana sudah masanya bagi kerajaan untuk membendung atau kalau boleh mengelakkan perkara seperti ini berlaku lagi. Terdapat juga persoalan saya di sini iaitu sejauh manakah penubuhan Jawatankuasa Pertikaian Sukan seperti ini boleh memastikan bahawa mana-mana persatuan ataupun mana-mana penganjur yang akhirnya dalam penganjuran itu akan membawa kepada kegagalan atau pertikaian, kementerian boleh menjamin bahawa mereka boleh menyelesaikannya.

Sejauh manakah perkara-perkara yang jatuh di bawah *jurisdiction* pertikaian ini? Kalau sukan itu dianjurkan di peringkat PBT, misalnya kalau dulu saya menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Perbandaran Pandawan, Sarawak, kita menganjurkan *event* seperti *Padawan Raft Safari*, kita menganjurkan *event* seperti *Padawan Nature Challenge* yang juga disertai oleh peserta-peserta di peringkat antarabangsa. Adakah kalau berlaku pertikaian, *event* yang seperti ini dianjurkan di peringkat PBT juga dirujuk kepada Jawatankuasa Pertikaian seperti ini.

Berkemampuan kah kalau seluruh Malaysia akan berlaku pertikaian di peringkat daerah, di peringkat PBT dan sebagainya? Apakah jawatankuasa ini berkemampuan untuk mendengar semua kes-kes pertikaian yang dirujuk kepada mereka ataupun mereka akan ada *delegation of power* kepada Pengarah Sukan Negeri dan sebagainya. Jadi inilah yang perlu kita ketahui juga. Misalnya pertikaian yang lebih besar seperti yang melanda Persatuan Bola Sepak Negeri dengan *Football Malaysia League Premier* (FMLLF) dan sebagainya. Jadi adakah berkemampuan untuk melihat pertikaian seperti ini.

Jadi inilah perkara-perkara yang perlu kita lihat dan saya harap kalau kita dapat menjalankan apa yang kita pinda hari ini, saya rasa ia satu bentuk pembangunan sukan yang baik untuk negara kita. Ini kerana ada kalanya pertubuhan dan pembangunan sukan itu akan terbantut apabila dalam organisasi sukan itu berlakunya pertikaian. Berlakunya pertikaian.

Saya rasa di peringkat yang lebih besar lagi ialah sepatutnya Kementerian Belia dan Sukan juga menganjurkan lebih banyak kursus-kursus untuk pengurusan sukan ataupun *sport management science* di peringkat IPT dan sebagainya supaya kita akan melahirkan lebih banyak *sport managers*. *Sport managers*, *sport organizers*, semata-mata untuk kita meyakinkan bahawa akan wujudnya pembangunan sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berfikir bahawa pentingnya juga dalam pembangunan sukan ini ialah kita mewujudkan lebih banyak lagi sekolah sukan. Selain daripada apa yang ada di Bukit Jalil, saya rasa pada satu ketika dulu bila negeri Sarawak menjadi tuan rumah Sukan SUKMA, saya ingat pada tahun 2016 bahawa kita ada memohon supaya dibina sekolah sukan di negeri Sarawak yang dekat dengan Stadium Negeri Sarawak. Tujuannya ialah supaya kita dapat melahirkan lebih banyak lagi ahli-ahli sukan yang mempunyai taraf antarabangsa.

Kita berharap dengan adanya sekolah sukan seperti ini, banyak lagi bakat-bakat yang ada di negeri-negeri seperti Sarawak, Sabah dan sebagainya boleh kita *expose* kepada tahap sukan yang lebih tinggi. Kita tahu bahawa kebanyakan daripada ahli sukan khususnya sukan air, mereka terdiri daripada mereka yang menuntut di Australia, menuntut di Amerika dan sebagainya tetapi bila ada sukan, mereka kembali ke tanah air untuk ikut serta.

#### ■1610

Akan tetapi kita lihat atlet seperti Pandelega Rinong, mereka berasal dari kampung, sekolah di sekolah sukan di Kuching kemudian di Bukit Jalil dan sebagainya. Jadi bakat-bakat seperti ini, kalau ada sekolah sukan macam Bukit Jalil ditambah lagi maka lebih banyaklah anak-anak kampung kita diberi peluang. Mungkin ibu bapa mereka tidak berkemampuan untuk menghantar anak mereka belajar di Amerika, di Australia.

Di samping itu, sambil belajar mereka mempunyai latihan-latihan oleh *coach* yang berkaliber, bertaraf dunia. Akan tetapi kalau ada kita bina lebih banyak sekolah sukan maka sudah tentulah lebih banyak *exposure* diberi kepada atlet-atlet tempatan yang berbakat yang berasal dari kampung. Maka kita lihat pembinaan sukan kita lebih baik dengan mutu-mutu yang ditunjukkan oleh mereka yang menuntut di Sekolah Sukan Bukit Jalil.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya juga mengalu-alukan penubuhan Majlis Paralimpik Malaysia tetapi bagaimanakah usaha yang boleh dimainkan oleh kerajaan bagi memastikan kecemerlangan sukan Paralimpik. Bukan sahaja dibentuk di peringkat negeri dan juga di peringkat nasional tetapi kerajaan boleh membantu aktiviti sukan yang dijalankan di sekolah-sekolah khas dan juga di sekolah-sekolah komuniti. Tadi saya dengar Menteri dalam pembentangnya menyebut tentang pembangunan sukan yang disebutkan juga tadi adalah

integrasi nasional. Jadi dalam hal ini saya mohonlah agar kementerian mempertimbangkan dalam kes pasukan-pasukan dari Sarawak yang mengambil bahagian di dalam sukan di peringkat nasional seperti liga bola sepak Malaysia.

Pasukan Sarawak terpaksa pergi ke Semenanjung Malaysia tidak kurang daripada 12 kali. Jadi bila mereka pergi mereka berbelanja tiket kapal terbang kerana kita tidak ada alternatif lain dan juga sudah sampai dari Kuching ke Kuala Lumpur. Dari Kuala Lumpur kalau mereka hendak bermain di Ipoh mereka kena menggunakan pengangkutan darat. Kalau mereka hendak main di Kuantan mereka menggunakan pengangkutan darat. Jadi sudah tentulah memberi belanja yang besar kepada bola sepak Sarawak. Saya harap kementerian boleh mencari jalan untuk membantu pasukan bola sepak Sarawak di dalam kita mengambil bahagian dalam liga seperti ini.

Di samping itu, kita juga melihatnya sebagai satu usaha kita untuk integrasi nasional. Ini kerana dahulu integrasi disebut di bawah Jabatan Perpaduan tetapi sekarang ini saya harap kalau boleh integrasi ini dilanjutkan lagi di dalam bidang integrasi sukan, *maybe* kementerian boleh berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan *AirAia*, MAS, Malindo dan sebagainya untuk memberi tambang yang istimewa kepada pasukan Sarawak. Supaya usaha mereka untuk membantu mengurangkan beban kewangan bila mereka bermain di Semenanjung Malaysia ini.

Jadi ini juga saya rasa ada sedikit sebanyaknya dikaitkan kita dengan pembangunan sukan di negara kita ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan ini pandangan yang baik dan bernas. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

#### **4.14 ptg.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan satu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan dan *especially* Menteri Brig. Jen. Khairy Jamaluddin kerana memberi perhatian kepada sukan OKU.

Bahagian IIIA dalam rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pengiktirafan yang diberi Majlis Paralimpik Malaysia dan Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia. Di mana 9A(1) menyatakan bahawa "*Majlis Paralimpik adalah diiktiraf sebagai Jawatankuasa Paralimpik*

*Kebangsaan bagi Malaysia oleh Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa". Untuk 9B di mana "Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia adalah diiktiraf sebagai Persekutuan Sukan Orang Pekak Kebangsaan bagi Malaysia oleh Jawatankuasa Sukan Orang Pekak Antarabangsa".*

Jadi walaupun Majlis Paralimpik Malaysia sudah pun wujud lebih dari 22 tahun tetapi bagi Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia ini adalah suatu yang baru, satu perkembangan yang baru yang patut dibanggakanlah. Saya bagi pihak Persatuan Sukan Orang Pekak dan seluruh warga pekak di negara ini mengucapkan tahniah sekali lagi. Berkenaan dengan perkembangan sukan bagi orang pekak saya harap dana yang cukup akan diagihkan bagi perkembangan untuk menyokong atlet pekak kita menyertai sukan di peringkat *region* di rantau ini dan juga di peringkat antarabangsa dan juga penyediaan perkhidmatan sokongan, latihan dan sebagainya.

Apabila kita cakap tentang latihan dan komunikasi adalah satu aspek yang penting bagi orang pekak, atlet pekak. Jadi bagi Majlis Paralimpik Malaysia okey sebab atlet-atlet dia itu biasa boleh dengar tetapi bagi sukan, atlet OKU pekak harus disediakan jurulatih-jurulatih yang fasih dalam bahasa isyarat sebab itulah bahasa yang mereka gunakan untuk komunikasi, untuk terima arahan dalam proses latihan. Jadi saya mengesyorkanlah supaya diadakan kursus yang khas untuk pelatih-pelatih. Pelatih boleh jadi orang biasa yang boleh dengar untuk menyediakan kursus bahasa isyarat bagi mereka supaya mereka akan dilengkapkan bahasa yang boleh mereka berkomunikasi dengan atlet-atlet mereka. Itu satu ya.

Satu lagi aspek saya ingin utarakan ialah berkenaan dengan dasar sukan bagi orang kurang upaya. Dalam Dasar Sukan 2009, sukan berkenaan dengan OKU dihuraikan, *I mean* disebut hanya sepintas lalu. Jadi memandangkan bahawa kita ada 20 jenis sukan OKU di bawah Majlis Paralimpik dan juga sekarang di bawah MSDeaf ini. Saya cadangkan supaya satu polisi, satu dasar sukan bagi OKU diwujudkan.

Perkara yang ketiga saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan atlet-atlet, walaupun kita rasa bangga kejayaan cemerlang oleh atlet-atlet kita di Rio baru-baru ini, pada Paralimpik yang lepas. Saya rasa perhatian yang tidak cukup diberi kepada sukan-sukan yang lain. Selain dari atlet yang mempunyai masalah pembelajaran mereka yang fizikal juga dan juga mereka yang OKU penglihatan juga perlu diberi perhatian dan sokongan yang sewajarnya. Jadi bagi sukan tenis berkerusi roda pada masa ini tidak ada atlet-atlet dari *wheelchair tennis* yang masuk program elit, *podium sport*, masih belum.

#### ■1620

Saya dengar sahaja tetapi bila saya *check* dengan *Wheelchair Tennis Malaysia* (WTM) mereka kata belum lagi diterima. Walaupun ada atlet-atlet yang menunjukkan bakat memang

mereka tunjukkan prestasi yang menggalakkan juga. Antara mereka ada seorang nama dia Abu Samah Borhan yang telah mencapai satu ranking yang terbaik pada tahun 2015 iaitu nombor 41 dalam *wheelchair tennis world ranking*.

Ini adalah satu patut dibanggakan sebab walaupun dia *train* sendiri, walaupun *Wheelchair Tennis Malaysia* sahaja yang *support* dia, dia telah berpeluang pergi ke Rio. Walaupun dia tidak dipilih oleh negara, tidak masuk *the normal channel*, dia dapat peluang melalui satu sistem, semacam *wild card entry* di mana dia dibenarkan pergi ke Rio untuk menyertai. Dana untuk *support* dia pergi adalah melalui *crowd funding* yang dilakukan oleh kawan-kawan dia. Walaupun dia pergi ke sana bermain dengan orang yang ber-*ranking* tinggi pada pusingan awal, dia kalah kepada seorang dalam *Wheelchair Tennis Single Men's Open*, 6-0 dan 6-2. Walaupun dia punya *achievement* tidak begitu bagus tetapi yang mengalahkan dia itu akhirnya dapat *Silver Medal* dalam Rio Olympics.

Jadi ini menunjukkan bahawa Abu Samah ada bakat yang kalau boleh diasah, boleh jadi *rank* yang lebih baik daripada nombor 41 tadi itu. Jadi saya harap *Wheelchair Tennis Malaysia* (WTM) akan dapat sokongan yang sepatutnya.

Perkara yang ketiga adalah mengenai perkembangan *sports- Disability Sports Research Centre*. Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri. Perkara ini masih dalam peringkat pembangunan. Ada satu usaha dari Universiti Malaya iaitu daripada Pusat Sukan Universiti Malaya di mana ada beberapa fakulti yang telah menunjukkan minat dalam membuat penyelidikan dalam bidang *sports for disable*, sukan OKU. Satu, *interdisciplinary research* mereka telah mulakan, satu *interdisciplinary research*. Tujuannya ialah untuk mempromosikan *disability sport* dan juga *adapted physical activity*.

Ini kena pada tempatnya sebab ini akan menyumbangkan kepada peningkatan OKU *sports* dalam negara kita. Mungkin akan juga menyumbang kepada peningkatan prestasi atlet kita untuk menyertai *Paralympic Games* di Tokyo pada tahun 2020 nanti. Salah satu tumpuan penyelidikan ini adalah kepada peringkat akar umbi untuk menggalakkan lebih OKU melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan aktiviti fizikal.

Jadi saya juga ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri bahawa di peringkat negeri seperti mana yang disebut oleh rakan Yang Berhormat saya tadi, di peringkat negeri juga harus diadakan banyak program dan aktiviti untuk menggalakkan sukan dengan mencungkil bakat dari semua negeri, kita akan dapat menaikkan lagi prestasi atlet OKU kita. Jadi berkenaan *interdisciplinary research* ini, pusat sukan telah bekerjasama dengan *Department of*

*Rehabilitation Medicine* atau Jabatan Perubatan Pemulihan di bawah Fakulti Perubatan UM, Fakulti Pergigian dan juga jabatan *architecture*, Fakulti Alam Bina.

Ini adalah sebab kita kena lihat perkembangan sukan orang kurang upaya bukan sahaja dari segi menyediakan atlet itu sendiri tetapi kena lihat apa keperluan dia. Jadi aspek-aspek yang akan diberi tumpuan ialah motivasi, *environment*- persekitaran, *accessibility* dan juga latihan. Jadi saya harap Kementerian Belia dan Sukan akan memberi galakan, *support* untuk mewujudkan *research sport centre* ini. Saya juga menggalakkan *research centre* ini ditubuhkan demi meningkatkan prestasi sukan orang kurang upaya di negara kita. Dengan ini saya akhiri perbahasan saya. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini, untuk meminda Akta Pembangunan Sukan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

#### **4.27 ptg.**

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk berbahas dalam rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997. Secara keseluruhannya pindaan ke atas Akta Pembangunan Sukan adalah juga dikenali sebagai Akta 576 adalah bertujuan untuk memperkemaskan pengurusan dan pentadbiran sukan negara kita. Ini dilihat menjadi satu kewajipan setelah beberapa insiden kemalangan melibatkan atlet dan ahli sukan serta kes pembatalan aktiviti sukan yang telah berlaku sejak kebelakangan ini.

Seterusnya saya memperlihatkan terdapat beberapa isu yang hendak dikemukakan kepada kementerian dengan mengaitkan pindaan mengenai Akta 576 yang masih memerlukan penyelesaian komprehensif menjangkau skop perundangan. Satu lonjakan yang baik oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ialah menambah peruntukan mengenai penyertaan atlet dan ahli sukan Paralimpik. Penambahan ini bagi saya secara individu amat menyokong pindaan ini dan berharap agar usaha yang sedemikian dapat dilakukan dari semasa ke semasa selain keperluan perundangan.

Maka di sini saya ingin menyeru agar pihak kementerian dapat menyalurkan lebih banyak bajet untuk menaik taraf peralatan, kemudahan, latihan, stadium dan sokongan profesional untuk atlet dan ahli sukan Paralimpik negara kita. Berikutnya ialah pindaan ke atas Panel Penasihat Sukan kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan dan peruntukan baru seksyen 24A bagi

memperluaskan kuasa KBS dalam prosedur melibatkan konflik sukan serta memperhalus secara keanggotaan dalam Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

Namun sekiranya dirujuk kepada Akta 576 yang asal bilangan anggota yang telah ditetapkan adalah sembilan hari yang mana dua anggota tersebut seharusnya perwakilan daripada Majlis Olimpik Malaysia. Manakala dalam pindaan ini keanggotaan tersebut telah dikurangkan kepada lima orang ahli dengan seorang setiausaha Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian mengapakah bilangan anggota tersebut dilimitasikan kepada hanya lima orang ahli tetapi tidak dikekalkan kepada sembilan anggota atau lebih? Adakah perwakilan Majlis Olimpik Malaysia masih memainkan peranan dalam Jawatankuasa Pilihan Akta 576?

■1630

**Datuk Lim Pay Hen:** Pada masa yang sama juga walaupun terdapat syarat kuorum, kewajipan jumlah kehadiran ke mesyuarat jawatankuasa serta bebas daripada sebarang jenayah. Saya berpendapat keahlian jawatankuasa dalam pindaan Akta 576 ini masih perlu diperincikan kepada golongan profesional dalam bidang sukan atau kumpulan atlet dan ahli sukan. Penglibatan kepada golongan profesional dalam bidang sukan atau kumpulan atlet dan ahli sukan serta Perwakilan Majlis Olimpik Malaysia adalah untuk meringankan beban KBS dalam menilai aspek kepakaran teknikal dalam standard 50 jenis aktiviti sukan yang telah disenaraikan dalam Jadual 1 Akta 576 ini. Keadaan juga akan memperlihatkan beban tugas kementerian semakin berat apabila isu melibatkan atlet dan ahli sukan Paralimpik sekiranya dibawa ke jawatankuasa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memahami lebih mendalam daripada kementerian, bagaimana persetujuan akan dicapai oleh jawatankuasa dalam membuat keputusan kepada satu pertikaian? Apakah langkah mitigasi yang akan dilaksanakan sekiranya terdapat percanggahan keputusan di antara kementerian dengan jawatankuasa nanti?

Isu berikut yang ingin saya bangkitkan ialah bagaimana dengan pindaan seksyen 33 dan 36 pada Akta 576? Ini ke atas isu organisasi yang akan menganjurkan aktiviti sukan beriadah dengan lesen pihak berkuasa tempatan atau PBT. Ini adalah kerana pindaan Akta 576 ini kini masih tidak menyekat suatu organisasi tersebut, hanya perlu mendapatkan persetujuan mengikut undang-undang kecil PBT untuk menganjurkan aktiviti sedemikian. Maka persoalan saya kepada kementerian ialah apakah bentuk kerjasama yang KBS capai bersama PBT bahawa sebarang aktiviti yang akan melibatkan sukan perlu disemak oleh kementerian sebelum diluluskan? Ini

adalah penting untuk memastikan sebarang aktiviti sukan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan tatacara dipatuhi oleh pihak penganjur.

Tuan Yang di-Pertua, di samping memastikan kepatuhan pihak penganjur, apakah langkah penambahbaikan yang dijalankan oleh kementerian untuk aktiviti sukan yang dijalankan ke atas jalan raya umum atau lebuh raya? Kekurangan timbang rasa oleh pengguna jalan raya seperti pemandu kenderaan telah menyebabkan ia satu kebimbangan kepada orang ramai, atlet dan ahli sukan yang ingin membuat latihan di jalan raya, dengan itu saya berharap agar kementerian bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk kemas kini peraturan atau standard keselamatan jalan raya bagi menjamin keselamatan orang ramai, atlet dan ahli sukan negara.

Perkara yang terakhir dan langkah baik oleh KBS dalam pindaan Akta 576 ialah peningkatan hukuman denda dan penjara. Dalam Akta 576 sebelum ini hanya hukuman penjara ditingkatkan daripada enam bulan kepada lima tahun. Namun masih terdapat hukuman penjara enam bulan dalam sesetengah Akta 576. Sebagai contohnya, seksyen 12 Akta 576 dikekalkan dan mengapakah pindaan tidak menjelaskan semua hukuman penjara kepada lima tahun?

Satu perkara terakhir ialah sekiranya kementerian atau PBT didapati melanggar sebarang peruntukkan di dalam pindaan baharu ini seperti membatalkan aktiviti sukan yang telah dipromosikan secara domestik dan antarabangsa, adakah kementerian akan mengambil tindakan yang sama untuk mengenakan denda sebanyak RM500,000 tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, dengan katakana ini saya mohon menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Pembangunan Sukan 1997. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor.

#### **4.34 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan untuk saya turut sama mengambil bahagian berbahas berkaitan perihal pembangunan sukan di negara kita yang sudah semestinya penting demi kesinambungan dan pencapaian ke tahap yang membanggakan bagi sesetengah kategori sukan.

Tuan Yang di-Pertua, jika diamati, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk membangunkan sukan di Malaysia secara menyeluruh dan terancang menerusi pemantauan langsung pihak kementerian dan pesuruhjaya sukan yang dilantik. Di sini izinkan saya



mencadangkan beberapa butiran. Apakah kaedah kementerian untuk mengelakkan satu penganjuran sukan yang tidak mendapat kebenaran daripada kementerian dan pihak berkuasa tempatan serta PDRM?

Kedua, berlakunya kemalangan semasa penganjuran sukan. Saya ambil contoh, kes kemalangan peserta maraton Evelyn Ang yang meninggal dunia selepas koma selama tiga bulan akibat dilanggar kenderaan ketika menyertai Maraton Antarabangsa Bandar Klang pada Disember 2017 lalu yang dianjurkan tanpa kebenaran pesuruhjaya sukan. Mending seorang ahli maraton yang aktif serta mempunyai masa hadapan yang cerah dalam bidang ini. namun kelalaian dan mutu keselamatan yang diambil mudah menyebabkan mending menjadi mangsa kemalangan. Bila terjadinya kes kemalangan sedemikian, siapa yang dipersalahkan? Mudah kita menuding jari dan melupakan kejadian tragis ini yang berisiko berulang bila-bila masa sahaja. Di sini saya menyokong pindaan seksyen 36 rang undang-undang tersebut memperuntukkan hukuman denda antara RM50,000 hingga RM500,000 dan penjara tidak melebihi lima tahun terhadap penganjur acara sukan yang gagal menjaga keselamatan peserta.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat wujudnya kelemahan dan kurang komunikasi di kalangan industri *player* ini. Maksud saya daripada pihak atasan iaitu kementerian sendiri, peringkat negeri, peringkat daerah dan peringkat PBT serta pihak pengawal keselamatan seperti pihak PDRM. Bila sesuatu aktiviti sukan dianjurkan, bakal wujud *loop hole* di mana ada pihak yang sepatutnya dilibatkan tidak dimaklumkan. Contohnya, faktor keselamatan bila PDRM tidak dilibatkan walaupun sukan tersebut melibatkan penggunaan jalan raya, penggunaan marsyal atau *rider* serta isu keselamatan yang lain. Maksud saya boleh mencadangkan di sini agar satu jawatankuasa tetap ditubuhkan di Pejabat Belia dan Sukan untuk menyelaras dan mengemas kini tatacara acara larian maraton bagi memastikan keselamatan peserta terjamin. Jawatankuasa tetap ini akan diwakili daripada PBS, PBT, polis, penganjur dan pihak berkaitan. Dengan adanya jawatankuasa tetap ini, satu saluran rasmi boleh diwujudkan untuk menangani masalah yang timbul dalam penganjuran acara larian dan menambah tahap piawaian keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk bertanya kepada pihak kementerian akan pendirian kita berkaitan situasi di mana wujudnya permohonan visa yang daripada atlet-atlet Israel yang ingin menyertai beberapa kejohanan sukan di negara ini dan juga benarkah wujudnya cadangan penglibatan atlet kita untuk menyertai kejohanan sukan di negara Israel? Senario ini wujud kerana ada pihak yang mengesyorkan dilupakan perbezaan fahaman demi penyatuan melalui sukan yang mana saya secara peribadi tidak setuju dengan syor ini kerana

negara Israel memang tiada hubungan diplomatik dengan negara kita. Sebarang kelonggaran membawa masuk atlet mereka sebenarnya melanggar pendirian rasmi kita. Mohon pandangan kementerian.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, cukup sekadar ini dan dengan ini saya mohon menyokong Rang undang-undang Pembangunan Sukan ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Laksamana (B) Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor

**Laksamana (B) Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beri peluang kepada membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan. Pertama saya ingin mengalu-alukan pindaan dan juga peruntukan berhubung dengan badan sukan dan juga usaha untuk menukarkan takrif Panel Penasihat Sukan kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan.

Saya ingin menyentuh tentang kemasukan bahagian 3(a) iaitu dalam Akta Ibu 576 iaitu Majlis Paralimpik Malaysia dan juga Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia. Saya rasa ini adalah satu pengiktirafan yang tepat kerana kita mengambil kira kecemerlangan yang telah pun ditampikan oleh mereka ini terutama atlet paralimpik. Akan tetapi apa yang kita dapati kalau ada Majlis ini, kita pun ada Majlis Olimpik Malaysia, bermakna saya hendak tanyalah kepada kementerian akan rasional mewujudkan spesifik Majlis Paralimpik, walhal kita sudah pun ada Majlis Olimpik Malaysia. Jadi bagaimana kita hendak pertimbangkan, menyeimbangkan, takut-takut nanti dia bertindih.

Sebelum ini telah pun- perjalanan mengelola, mengawal selia sukan dan sebagainya terutama sudah pun diberi kepada Majlis Olimpik Malaysia. Jadi tujuan utama kita hendak semangat itu adalah untuk menentukan integrasi iaitu struktur sukan di negara ini harus di integrasikan. Kita tidak mahu lagi banyak struktur-struktur lain dan kita akan melaksanakan kawal selia sukan secara *silo*. Jadi saya rasa itu adalah satu pandangan yang saya ingin pengesahan daripada kementerian.

Saya hendak sentuh kepada penubuhan Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang dilantik oleh Menteri, ahli-ahlinya akan dilantik oleh Menteri. Jadi apakah rasional kementerian meletakkan Jawatankuasa ini di bawahnya dan tidak diberi status *independent*, dengan izin, kerana ini adalah *dispute committee*, dengan izin. Dia sepatutnya dapat status yang *independent* supaya segala prosiding dan sebagainya tidak akan diarah oleh kementerian. Jadi saya rasa ini

adalah satunya, saya inginkan melihat kepada ke arah menentukan pertikaian akan dilaksanakan secara *governance* yang tinggi iaitu- dan juga ia akan adil dan saksama.

Saya turut bersetuju dengan fasal 4, di mana syarikat tidak lagi dibenarkan untuk didaftarkan sebagai satu Badan Sukan. Ini adalah satu pendekatan yang bijak kerana kita dahulu pernah terdapat kekeliruan antara badan komersial pun, badan syarikat boleh dijadikan satu badan sukan. Saya juga mengambil kesempatan tanya kementerian sama ada rancangan untuk menentukan hanya satu *governing body* di negara ini kerana terdapat dalam satu sukan itu ada dua tiga badan sukan yang mengelolaknya, sehingga dia menimbulkan masalah.

Contoh, dalam sukan golf sendiri. Kita ada empat, kita ada Profesional Golf Malaysia, Profesional Golf PGAM, *Malaysian Golf Association* (MGA), dan juga *Malaysian Ladies Golf Association* contoh.

Kedua ialah, keadaan seperti Sukan Tekwando. Kemungkinan Tuan Yang di-Pertua pun faham tentang sukan Tekwando di mana kita terdapat. Jadi saya hendak cadangkan, hendak tanya kementerian sama ada kita buat satu keputusan, hanya satu sahaja *governing body*. Dia yang akan mengawal selia, menentukan membuat dasar dan menguruskan pembangunan sukan di negara ini dalam sukan tertentu. Jadi di situlah nanti kita akan dapat tidak banyak lagi badan-badan yang lain dalam satu sukan itu mengelola dan mengawal selia dan akan menimbulkan kekeliruan di antara atlet-atlet.

Satu lagi ialah menyentuh kepada penganjuran sukan. Memang benar, saya turut setuju dalam penganjuran sukan ini kita terutama menganjurkannya dalam negeri dan juga menganjurkan sukan yang bertaraf antarabangsa. Saya setuju Pesuruhjaya Sukan ataupun proses yang dianuti sekarang memang di mana kita memerlukan kelulusan daripada kementerian sebelum kita menganjurkannya. Akan tetapi saya juga ingin dalam proses itu sepatutnya badan sukan itu menjadi *sanction body* kerana dia mahir dalam sukan itu bersama mendapatkan juga *sanction body*, dengan izin, untuk membuat kelulusan bersama *Commissioner Sport*, Pesuruhjaya Sukan. Supaya kita lihat apa yang terdapat sekarang kebanyakan penganjuran tidak juga melalui *the sanction body*, badan sukan yang mahir.

Saya turut bersetuju dengan- akhir sekali dengan isu penganjuran sukan itu saya rasa memang kita harus selaraskan supaya sukan di negara ini tidak lagi timbul perkara-perkara yang akan menjadi kekeliruan dan akan menentukan tidak ada beberapa *silo* badan-badan sukan mengelolakan sesuatu penganjuran sukan dan akan dilaksanakan dan mengharumkan nama Malaysia, nama negara apabila badan sukan itu mengelolakan satu-satu pertandingan bertaraf antarabangsa. So dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang juga untuk membahaskan soalan Pembangunan Sukan ini yang saya kira ia bukan lagi soal politik tetapi ialah suara rakyat Malaysia yang mahu melihat perjalanan sukan dalam negara kita ini mencapai satu tahap standard yang sama *world class*, dengan izin, yang sama tarafnya dengan sukan-sukan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan, saya juga merakamkan untuk mengucapkan selamat berjaya kepada atlet kita yang akan berlepas ke Australia untuk Sukan Komanwel 2018 yang akan berlangsung dan bermula 8 April ini. Semoga mereka pergi membawa kejayaan yang baik kepada negara dan mengharumkan nama negara kita dan sekali mungkin peluang ini akan direbut untuk menjadi juara Sukan Komanwel sekali lagi. Jadi saya mendoakan perjalanan pergi dan balik atlet kita pergi ke Australia untuk Sukan Komanwel 2018.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, dalam soal sukan ini saya hendak tanya kepada pihak kementerian, apa KPI yang kita guna pakai dalam sesuatu sukan pembangunan sukan dalam negara kita. Adakah kita masih lagi dalam standard Asia Tenggara atau pun kita telah pun melepasi standard *world class*, macam saya sebut tadi. Adakah hanya sesetengah sukan sahaja telah pun di *upgrade* kan KPI itu yang setengah lagi masih berada KPI yang lama.

Jadi saya hendak tahu standard KPI kementerian kepada persatuan-persatuan sukan dan juga sukan-sukan dalam negara kita, itu yang pertama.

■1650

Kedua, kalau kita ingat Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang ada pernah membuat satu usaha yang besar waktu kita membuat satu transformasi sukan tahun 1998. Kita berjaya dengan Sukan Komanwel. Ini sebenarnya yang kita harapkan kali ini, kepada kementerian untuk melakukan satu transformasi yang lebih besar. Maknanya, naik turun sukan itu perkara biasa. Akan ada masa kita cemerlang, akan ada masa kita dilihat sedikit ke bawah. Itu perkara biasa. Akan tetapi, saya melihat, ramai daripada atlet-atlet muda kita sekarang memerlukan satu anjakan transformasi daripada pihak kementerian yang lebih *details*. Maknanya, gesaan yang lebih menyeluruh kepada mereka agar mereka menjadi atlet-atlet yang sama dengan atlet-atlet yang sedia ada yang telah menjulang dan mengharumkan nama negara ke peringkat yang lebih baik.

Maknanya bukan lagi dia hanya sekadar menjadi atlet tetapi dia perlu mempunyai cita-cita untuk mengharumkan negara kita. Saya mahu tanya kepada pihak kementerian, mungkin

juga sebagai cadangan kepada pihak kementerian untuk kita buat satu perjanjian transformasi pembangunan sukan negara kepada semua persatuan-persatuan sukan yang mana ditandatangani oleh mereka yang kita letakkan satu garis panduan ataupun tanda aras. Mana-mana persatuan sukan yang gagal menepati kriteria yang diinginkan oleh kementerian, yang mana kriteria itu mencapai tahap yang diinginkan oleh rakyat Malaysia, perlu ada penyelarasan ataupun runding balik dengan mereka agar kita dapat naikan persatuan-persatuan sukan ini, tidaklah hanya sesetengah sukan sahaja yang menjadi fokus tetapi yang lain kita abaikan.

Ini yang memerlukan kerjasama daripada pihak kementerian untuk menyelaraskan bahawasanya tidak ada lagi sukan-sukan yang tertinggal ataupun yang terabai daripada pemantauan pihak kementerian. Soalan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah saya mahu bertanya tentang isu gangguan seksual atlet yang kita dengar baru-baru ini dan kerap berlaku yang kita mahu tahu- seingat saya, bila kes ini dilaporkan ada satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk menyasat kes ini.

Jadi, apakah rumusan yang dapat kita buat hasil daripada siasatan ini? Kalau boleh pihak kementerian berkongsi dengan kami di Dewan Negara ini kerana kita mahu tahu sebab ibu bapa menghantar atlet ataupun anak-anak mereka di bawah jagaan kerajaan untuk menjadi orang yang menyumbangkan jasa kepada kerajaan tetapi ditakutkan dengan isu-isu seperti ini. Bagi saya isu gangguan seksual tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan atlet-atlet yang membantu mengharumkan nama negara. Jadi, saya minta juga kalau boleh dikongsi di pihak kementerian tentang perincian, rumusan mengenai kes-kes yang melibatkan berlakunya pencabulan kepada atlet-atlet kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kita ada Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB). Dulu, semasa pembukaan kerajaan telah menyuntik dana hampir RM1 juta dan YAKEB ini tidak menyeluruh di bawah seliaan kerajaan, ia juga sebuah badan NGO yang terpaksa mencari dana lain selain daripada suntikan dana daripada kerajaan. Jadi, saya mahu tanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk menyuntik lagi dana ini? Ini kerana bagi saya, ramai sebenarnya kawan-kawan atlet yang saya jumpa yang merupakan seorang atlet dahulunya tetapi sekarang terpaksa buat dua atau tiga kerja.

Mereka tahu, mereka faham bahawa mereka juga ada YAKEB membantu mereka tetapi tidak mencukupi. Jadi mungkin pihak kementerian boleh berfikir semula, untuk suntik sedikit lagi dana dan bantu mereka. Saya yakin ramai atlet-atlet kita akan lebih terbela di bawah YAKEB ini. Saya mahu tanya juga, berapakah jumlah atlet yang bernaung di bawah YAKEB ini sehingga hari

ini? Bagaimana mekanisme kita membantu mereka terutamanya atlet-atlet yang telah bersara ini?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, soal pembangunan sukan utama negara iaitu bola sepak. Saya mahu tanya kepada pihak kementerian, apa mekanisme ataupun apakah transformasi yang paling dekat dengan hati kementerian untuk kita membangkitkan semula pasukan bola sepak negara yang kita lihat sedikit mundur, sedikit ke belakang. Walaupun ada *game* yang kita menang tetapi masih lagi tidak memberikan kepuasan kepada rakyat Malaysia apabila kita melihat, kita melabur duit yang banyak, kita melabur masa yang banyak dan masyarakat juga melabur duit tiket yang banyak.

Akan tetapi, bila melihat kepada perkembangan budaya ataupun sikap pemain-pemain bola sepak ini mereka sedikit kecewa dengan sistem pembangunan bola sepak negara. Jadi, mungkin kementerian ada perkongsian bagaimana dan apakah bentuk mekanisme, perkara yang kita mahu buat hendak bagi pastikan standard bola sepak negara ini makin naik dan tidak turun mengikut ranking yang sedia ada.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana inilah perbahasan terakhir saya di Dewan Negara. Saya akan tamat tempoh bulan Jun ini. Jadi saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan Dewan Negara kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk berada di Dewan ini sebagai adik bongsu. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang banyak memberikan teguran, pengajaran dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**5.55 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Pembangunan Sukan. Saya berbahas rang undang-undang ini berdasarkan taklimat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Sukan tempoh hari. Di mana beliau mengatakan bahawa rang undang-undang ini diwujudkan kerana hendak menyelesaikan masalah di dalam sukan khususnya ahli-ahli politik yang mengambil bahagian di dalam sukan dan agak sukar. Maka, ditubuhkan satu jawatankuasa baru atau panel baru untuk menyelesaikan masalah ini sebelum sampai kepada beliau untuk mengambil keputusan.

Saya bangun pada ketika itu bertanya, orang politik dan juga orang Istana. Jadi, Menteri tersenyum dan menjawab dan Yang Berhormat yang hadir pada hari itu mendengar jawapan tersebut. Hari ini saya bangun sekali lagi untuk bertanya, apakah kementerian akan terus dengan format yang ada sekarang di mana penglibatan ahli-ahli politik ini di dalam sukan? Apa kata kalau kita letakkan ahli-ahli politik sebagai penaung sahaja? Mereka tidak terlibat. Mereka hanya menjadi *figure head* kepada sukan-sukan, supaya mereka tidak terlibat langsung. *There is no executive power!*

Baru saya rasa sukan ini tidak- yang kadang-kadang menjadi *head of the* persatuan sukan, mahu main bola pun tidak pandai! Akan tetapi, mahu juga jadi pengerusi. Berenang pun saya rasa terjun dalam kolam, jatuh terus tidak boleh timbul sudah. Masih mahu menjadi pengerusi.

Jadi, apa kata kalau kita lantik sahaja mereka-mereka ini menjadi penasihat ataupun penaung dan di bawahnya kita lantik ahli-ahli profesional. Saya rasa, sukan kita akan menjadi maju dan mereka ini akan membawa sukan itu ke arah yang betul. Saya mahu merujuk kepada rang undang-undang ini, dulu ada panel penasihat sukan. Sekarang digantikan dengan Jawatankuasa Pertikaian Sukan. Kenapa kita tidak adakan kedua-dua ini? Ini kerana bagi saya, pertikaian itu menyelesaikan masalah sahaja. Akan tetapi, panel penasihat itu lebih kepada menasihati Menteri.

Kalau pertikaian ia lebih merujuk kepada masalah-masalah pertikaian, masalah perebutan jawatan, masalah di dalam sukan, masalah rasuah dalam sukan. Panel penasihat ini lebih kepada menasihati Menteri sekiranya berlaku. Contohnya, *Brexit* menarik balik pemain-pemain bola ke *Soviet Union*.

Maka, di hantar *politician* ke *Soviet Union* untuk *engaged*. Mereka tidak hantar orang-orang sukan. Jadi, seeloknya kalau kita ada panel sukan, bersama dengan Jawatankuasa Pertikaian Sukan, saya rasa lebih cantik kalau dibuat begitu. Ada juga yang bertanya akta ibu ini, saya tidak merujuk kepada akta ibu ini kerana saya tidak tahu. Saya minta Menteri berikan penerangan sedikit dalam penggulungan apa dia yang dimaksudkan dengan Akta Ibu ini? Ini kerana tidak ada penerangan di sini berhubung dengan Akta Ibu *and we are not lawyers*, dengan izin. Siapa pula yang akan menghukum Majlis Sukan Negara (MSN)?

#### ■1700

Kalau sekiranya berlaku kegagalan dalam sesuatu sukan, siapakah yang akan memberi penilaian dan juga akan menjatuhkan hukuman kepada mereka-mereka ini. Saya melihat kalau kita bercakap soal sukan, kita bercakap soal empat isu.

Empat isu ketidakadilan dalam membuat keputusan yang selalu menjadi rungutan rakyat, rungutan peminat-peminat khususnya bola sepak. Keputusan. Dalam membuat keputusan itu, tidak ada ketidakadilan. Pengadilnya makan sebelah, orang kampung kata. Isu kedua, isu pergaduhan dan pertelingkahan yang berlaku dalam badan sukan. Badminton contohnya. Tidak selesai-selesai.

Kemudian kekurangan peruntukan untuk infrastruktur dan kemudahan. Tiga hari lepas saya pergi bersama-sama dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin menerima kunjungan hormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menemui ahli-ahli silat lebih kurang 20,000 yang ada di padang tersebut. Tahniah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin pun dapat kompleks silat yang akan menjadi kebanggaan silat-silat di Asia ini. Inilah orangnya.

Kita melihat bagaimana silat-silat ini juga tidak bersatu. Tidak bersatu. Berperang antara satu sama lain, persatuan mereka pun. Mahaguru mereka pun berkecamuk juga. Kerana apa? Ini kerana ada tangan-tangan yang main peranan di dalam itu, yang mempunyai *executive power* untuk membuat keputusan. Perebutan jawatan, kemelut kepimpinan dalam persatuan yang saya katakan tadi ini. Kalau kemelut ini tidak habis, maka sukan itu tidak akan ke mana. Cukup-cukuplah yang sudah kubur kata mari, rumah kata pergi. Cukuplah. Hendak pegang macam mana? Hendak pegang raket badminton pun bergetar-getar. Hendak jadi pengerusi.

Saya hendak mencadangkan juga, supaya sukan-sukan kumpulan ini, Yang Berhormat Menteri. Bola, *basketball*, hoki- *yes*. Kita ada banyak pengikut tetapi tidak ke mana. Saya ingat bola ini hendak keluar daripada ASEAN pun berat. Akan tetapi, tahniah baru-baru ini kalahkan Bhutan dengan begitu banyak sekali. Tahniah.

**Seorang Ahli:** ...Perli kah?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tengok ada kawan kita, perli kah? Menang kita-kata perli kah? Mungkin juga dia orang kata budak-budak yang main- Bhutan itu budak-budak sekolah.

Permainan ini kalau kita tengok, kalau kita pergi ke Eropah untuk *World Cup* tidak ke mana. Hendak lawan dengan badan-badan besar daripada *Germany*, daripada *France*, daripada *England*...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Allah tengah *dok* lajak dia mencelah pula dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Silakan.



**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah tadi. Oleh sebab disebut juga kita mempunyai *handicap*, dengan izin, dari segi *physical build* ahli-ahli sukan kita itu. Bagaimana yang pihak kerajaan ataupun pihak negara kita sendiri hendak menguruskan soal *handicap* dari segi bentuk badan kita itu? Oleh sebab, kita terpaksa bersaing dengan negara-negara yang pemain-pemainnya berbadan lebih hebat dan lebih besar daripada kita. Boleh bagi penjelasan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh. Tidak boleh.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh. Duduk.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya pun tidak benar Tuan Yang di-Pertua  
[Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin akan diberi peluang. Sila.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Bagi habis dulu. Saya habis *sat* lagi saya bagi. Saya hendak sampai ke situ sebenarnya tetapi Yang Berhormat tidak sabar hendak dengar. Saya kata bola, hoki, ragbi, *basketball* kita hendak lawan dengan mereka. Hendak lawan dengan Jordan. Saya tidak nampak. Saya tidak nampak. Saya takut pemain bola kita lari bawah celah kangkang dia. Tidak boleh lepas. Ini kerana mereka tinggi. Berbadan tegap dan besar. Kenapa tidak kerajaan tumpu kepada *games* individual yang banyak bawa pingat dan nama kita terkenal seluruh dunia. Lim Chong Wei- badminton, Nicole David. Baru-baru ini *motorbike* saya tidak ingat nama dia- Hafizh Syahrin, GP *Moto Formula One*, *the first Asian* yang bawa motor menjadi johan. Sekarang *company* daripada Spain yang ambil beliau.

Saya *dok* cari tadi yang individual ini, saya pun tidak berapa banyak kenal juga dalam sukan ini. Kalau artis banyak. Jadi, golf juga begitu. Gavin Green, Ainil Johani. Ainil Johani bapa dia yang menghabiskan duit untuk anak dia. Polo, *horse riding*. Ini sukan-sukan yang boleh menaikkan kita dan kita tidak payah habis banyak wang seperti mana Yang Berhormat dari Sarawak kata tadi yang kata hendak pergi pemain bola daripada Sarawak hendak *mai* sini berapa banyak kos. Kena *chartered* satu *AirAsia*. Akan tetapi, kalau kita tengok bawa Lim Chong Wei, *manager* Lim Chong Wei, isteri Lim Chong Wei, anak Lim Chong Wei dan mereka-mereka ini *are talented people*, dengan izin. Kenapa tidak kita tumpukan kepada mereka?

Saya hendak cadangkan supaya kementerian kenal pasti GLCs ambil 10 anak-anak muda kita yang bermain golf. Bela daripada awal macam Tiger Woods, daripada awal. Bela mereka ini. Bagi masa lima tahun *for them to perform*. Ainil Johani *one of the top player and ladies player in Europe for golf*. Akan tetapi ialah bapanya ada wang. Mungkin banyak lagi yang *talented* di kampung itu yang *dok* mencangkul itu pun pandai main golf bukan tidak pandai.

Jadi, menjawab Yang Berhormat tadi *we cannot beat*. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh. Yang Berhormat Timbalan Menteri dia badan besar. Dia boleh. Itu pun saya tengok Yang Berhormat Menteri Brig. Jen. Khairy Jamaluddin pun dah hentam sakan oleh netizen. *You are only handsome, dark and tall but you are not good at all*. Ini netizen kata. Ini kerana sukan. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga *dark, handsome and smart...*

**Seorang Ahli:** *Not tall.*

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** *Not tall.*

**Seorang Ahli:** *But long.*

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** *But long. You are right*, dengan izin.

Jadi, kalau kita tengok kepada komen-komen yang diberikan berhubung dengan sukan negara tumpuannya kepada sukan yang berpasukan, yang kita tidak ke mana pun. *The Ambak's family*- Quzier Ambak, Quzandria Ambak. *These are the people that bring Malaysia's name*, dengan izin. Sebab itu saya yakin apabila silat yang *perform* dalam *SEA Games* baru-baru ini. *Perform. Individual games*. Berapa banyak Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin habis duit. Tidak banyak mana pun. Saya tengok hari itu dia bagi makan pisang emas yang paling banyak. Dia bagi makan pisang emas sahaja. Untuk *energy*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berani mengambil *political risk* ini, saya rasa kita tentu sekali akan mencapai ke tahap yang tinggi dalam bidang sukan. Saya memberi laluan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin untuk bercakap. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

■1710

Saya pertamanya mohon untuk mencelah dan supaya celahan saya ini dapat juga dimasukkan melalui *Hansard*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya akan memberi peluang untuk berbahas. Duduk.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Okey. Kalau begitu saya mohon untuk berbahas kemudian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Dengan kata-kata daripada Yang Berhormat Datuk Megat dan masa pun sudah pukul lima, saya menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan). Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

### 5.11 ptg.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia.

Pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya juga ruang untuk turut berbahas dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Pembangunan Sukan 1997 ini.

Saya terutamanya hendak mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi. Penghargaan dan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meluluskan, mewakili Kerajaan Malaysia meluluskan peruntukan untuk membina Kompleks Silat Negara yang dinanti-nantikan buat sekian lamanya. Jadi ini adalah satu penghormatan yang besar kepada seluruh warga silat dalam negara ini dan saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Keduanya, tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua selaku Presiden Taekwondo Malaysia, ini kita jangan lupa Tuan Yang di-Pertua kita presiden Taekwondo Malaysia yang juga telah berjaya buat perhimpunan taekwondo baru-baru ini.

Saya ada dua perkara sahaja yang ingin disampaikan Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan tahniah juga kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan khususnya Pesuruhjaya Sukan kerana telah memikirkan satu pindaan yang pada saya amat sesuai dan tepat, kena pada waktunya. Ini adalah untuk pembangunan sukan dalam negara kerana kita faham sukan ini adalah satu perkara yang merentasi segala ideologi. *It has become, dengan izin, universal language.* Orang yang berada

nun jauh di Benua Afrika yang tidak memahami bahasa dengan kita boleh bermain sukan yang sama.

Jadi ini bermaksud untuk menyatukan rakyat atau untuk menyatukan dunia ini ialah melalui sukan dan sukan ini penting kerana kita tidak ada sempadan pemikiran, ideologi, politik dan sebagainya. Namun demikian, saya juga bersetuju dengan apa yang disebut oleh kakanda saya Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi kerana sukan ini amat dekat dengan hati rakyat Malaysia terutamanya sukan-sukan yang popular, sukan-sukan yang dilihat selalunya boleh memberikan pulangan ataupun pungutan pingat dan sekarang ini atlet kita sedang berada di *Gold Coast*, Australia, untuk mengambil bahagian dalam sukan Komanwel. Mudah-mudahan mereka akan berjaya kembali dengan satu keputusan yang cemerlang.

Saya cuma hendak menanyakan sahabat baik saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang pindaan yang dilihat kuasa-kuasa terhad Pesuruhjaya Sukan Malaysia. Saya kenal Pesuruhjaya Sukan Malaysia ini secara peribadi, Yang Berbahagia Dato' Zaiton binti Othman dan saya fikir beliau telah pun menjalankan kerjanya dengan baik selama ini sebagai Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

Akan tetapi ada beberapa konteks yang saya ingin mohon penjelasan dari segi kuasa. Pertamanya ialah soal- saya hendak mengambil contoh dalam sukan saya sendiri. Mungkin juga ia terkena kepada sukan-sukan yang lain. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan insiden yang berlaku kepada salah seorang pelari yang mengalami kemalangan yang teruk, mungkin di pihak Pesuruhjaya Sukan *this is beyond their control*, dengan izin, bukan dalam bidang kuasa mereka ialah penganjur yang mesti bertanggungjawab.

Akan tetapi apabila berlaku kes-kes seperti ini akhirnya- akhirnya ada seseorang yang mesti dipersalahkan. Semuanya akan menuding jari kepada pertama Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Pesuruhjaya Sukan. Jadi sebab itulah memandangkan adalah tidak adil untuk mereka ini dipersalahkan hasil daripada ketamakan setengah-setengah penganjur ini, yang memikirkan mengaut keuntungan yang lebih tanpa memikirkan risiko yang akan dialami.

Jadi sebab itulah saya hendak mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya macam mana kita boleh fikirkan dalam konteks sukan saya sendiri ianya hari ini menjadi satu sukan cukup popular. Hampir setiap minggu ada pertandingan yang dibuat di peringkat daerah, di peringkat negeri, di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa dan yang lebih menggembirakan kita ialah pertandingan yang dianjurkan oleh institut pengajian tinggi (IPT).

Baru-baru ini, dua minggu yang sudah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan *International Open* yang kesembilan, yang menghimpunkan- telah mencipta rekod

baru dalam *Malaysia Book of Records* dengan penyertaan lebih daripada 148 pasukan yang mengambil bahagian. Ini adalah merupakan satu pencapaian yang luar biasa. Cuma timbul kerisauan saya ialah sekiranya kita tidak bendung, saya tidak beberapa pasti di mana IPT ini duduk di bawah akta ini. Adakah mereka yang berada di institut pengajian tinggi ini bebas untuk menganjurkan pertandingan mereka sendiri tanpa tertakluk kepada permohonan kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia ataupun mereka juga tertakluk kepada peraturan itu? Ini kerana kita risau apabila satu sudah berjaya, maka akan ada lain-lain IPT yang hendak buat selepas ini.

Kita ada satu kejuaraan yang dibuat, kejuaraan Piala Timbalan Perdana Menteri yang setiap tahun diadakan. Mungkin selepas ini IPT itu pula hendak mengatasi rekod dan sebagainya dan akhirnya akan membuat penyertaan yang lagi ramai. Baru-baru ini seramai 4,000 orang, mungkin selepas ini mereka hendak cipta seramai 5,000 orang. Jadi di sini kerisauan kita sebagai badan di peringkat kebangsaan, kita khawatir nanti kita tidak ada kuasa untuk mengawal. Maknanya contoh, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kata Taekwondo, maknanya orang sudah mudah buat tetapi menggunakan peraturan yang menjadi hak mutlak Persatuan Taekwondo Malaysia. Sama juga peraturan di peringkat Kebangsaan, di peringkat antarabangsa kepunyaan ya ialah Persatuan Silat Kebangsaan (PESAKA).

Maknanya siapa sahaja yang hendak menganjurkan pertandingan, mesti mendapatkan *endorsement* daripada *governing body*. Tan Sri Mohd. Anwar pun ada sini sebagai Presiden Golf Malaysia. Jikalau semua orang boleh buat ikut suka hati, dia dikhuatiri akan menyebabkan sukan ini menjadi komersial. Akhirnya betul apa kata Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, *the quality of the sports* sudah tidak nampak, akhirnya penganjur hendak mengaut keuntungan yang banyak.

Oleh sebab penyertaan ini akan dikenakan *fees* penyertaan, ini yang saya khawatir. Di peringkat Pesuruhjaya Sukan, kementerian mesti melihat ada pengawalan. Maknanya suka atau tidak mesti datang daripada persatuan ataupun persekutuan atau pertubuhan di peringkat kebangsaan sebab kepunyaan teknikal atau peraturan itu ialah di peringkat kebangsaan sebelum ia bergabung di peringkat antarabangsa.

Jadi ini yang saya lihat Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tengok hari ini semua sudah ada kes yang berlaku. Kita khawatir ini berlaku pada sepak takraw contohnya, pun ada dia punya PSM di sini. Apabila sudah buat, saya sahaja cuit. Jadi bila semua...

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua mohon mencelah boleh? Fasal cakap sepak takraw ini.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Pantang sebut.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** *[Ketawa]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya orang sukan, Datuk Megat. Apabila sebut sepak takraw terpaksa saya bangun. Sama juga, baru-baru ini kalau kita tengok apa yang dikatakan oleh Datuk Megat ini memang betul. Kejohanan yang besar dilakukan oleh satu badan yang tidak didaftarkan dengan Persatuan Sepaktakraw Malaysia, dengan kerjasama *Utusan*. Jikalau kita lihat apabila kejohanan *Utusan* dengan satu badan yang tidak bergabung dengan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM). Dekat satu bulan surat khabar atau media *Utusan* membantai sepak takraw.

Jadi saya minta Kementerian Belia dan Sukan agar benda-benda ini tidak berlaku, itu sebab adanya rang undang-undang penubuhan Jawatankuasa Penubuhan Sukan. Jadi saya ucapkan syabas kerana telah melihat perkara-perkara ini.

■1720

Satu lagi saya hendak sentuh apabila Dato' Suhaimi, boleh Datuk? Badan sukan- awal tahun, ini termasuk Presidennya Tekwando, minta KBS ambil berat ini, telah menggugurkan sepak takraw, tekwando dan angkat berat. Kejohanan SUKMA yang terbesar di negara kita untuk mencungkil bakat. Bagaimana hendak maju dalam sukan kalau hendak mencungkil bakat pun yang bawah 21 tahun pun telah digugurkan sukan itu. Jadi saya minta KBS ambil perhatian dalam ini. Sekian, balik kepada ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Jadi menyambung kepada saranan saya tadi Tuan Yang di-Pertua ialah kita hendak memastikan supaya kualiti ini dapat kita kawal.

Jadi saya setuju pandangan Yang Berhormat Datuk Shuhaimi tadi, mungkin ada kadangkadangkang peranan Majlis Sukan Negara, kebetulan saya dalam Majlis Olimpik Malaysia. Kita memang mengharapkan atlet yang dihantar oleh persatuan. Ianya *beyond* daripada kontrol kita. Akan tetapi mungkin ada peranan yang boleh dimainkan di peringkat kementerian supaya atlet-atlet yang hendak dicadangkan ini biarlah mereka yang betul-betul sudah sampai ke tahap standard yang boleh kita bawa keluar. Yang ini supaya nanti tidak lah timbul soal atlet kita dibelasah dengan begitu mudah. Maksudnya apa saja sukan termasuk sukan silat sendiri pun.

Maknanya mudah sangat kita hantar mereka menjadi atlet negara dan akhirnya menjadi bahan untuk diketawakan. Standardnya tidak sampai. Hanya kerana hendak menyertai tanpa memikirkan soal standard kita sama sudah bersedia atau belum lagi bersedia untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Yang terakhir yang ingin saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah soal, tadi fasal isu sukan, kuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peruntukan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Tidak, peruntukan tidak lagi. Yang itu kalau saya tanya nanti malu. Yang ini memang melalui persatuan lah. Yang keduanya soal pertikaian, bahagian pertikaian. Yang ini saya amat bersetuju supaya Jawatankuasa Pertikaian ini mesti diadakan sebab kita tidak nafikan ada persatuan-persatuan sukan kebangsaan tapi alhamdulillah di PESAKA tidak ada, kita antara persatuan sukan kebangsaan yang boleh disahkan oleh pihak Pesuruhjaya. Kita aman damai. Di peringkat pertubuhan ada macam Yang Berhormat Datuk Shuhaimi kata dia ada masalah satu, dua. Kita ada 400 lebih gabungan.

Jadi pasti ada satu, dua ada masalah, tapi yang ini kita akan cuba selesaikan, tapi di peringkat kebangsaan, di peringkat negeri, kita tidak ada masalah. Yang menjadi kerisauan ialah bila wujudnya Jawatankuasa Pertikaian ini. Yang ini kita minta siapakah yang akan menganggotai, walaupun disebut dalam ini jelas. Akan tetapi kekhuatiran kita nanti ialah akan ada *favourism*, dengan izin. Ada kepentingan untuk menyokong pihak-pihak yang tertentu.

Baru-baru ini ada berlaku satu masalah bila melibatkan salah satu badan gabungan kita di Johor, PESAKA Johor. Jadi saya lihat ada sedikit masalah di situ bila nama Datuk Pesuruhjaya Sukan dipergunakan kononnya memberikan *endorsement* untuk individu-individu tertentu bertanding jawatan. Jadi inilah yang saya katakan tadi, kalau jawatan ini tidak mendapat, tidak dijelaskan peranannya, akhirnya bukan hanya berlaku di suatu sukan tetapi ianya boleh berlaku di banyak persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang lain. Walhal saya amat mengerti, mungkin Datuk Pesuruhjaya Sukan sendiri pun tidak mendapat pengetahuan dan makluman mengenai perkara yang saya sebutkan tadi.

Jadi akhir kalam sekali saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada pihak kementerian khususnya Pesuruhjaya Sukan Malaysia yang telah melihat akta ini adalah sebagai satu akta yang amat memberikan satu kepentingan yang besar khususnya kepada sukan negara dengan harapan supaya atlet kita akan dapat dilahirkan melalui pentas-pentas sukan antarabangsa yang akan datang.

Jadi dengan itu saya menyokong penuh pindaan Akta Pembangunan Sukan 1997. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Sri. Silakan Yang Berhormat Menteri, menjawab.

**17.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan A/L Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Terdapat lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dalam Rang Undang-undang ini dan kita lihat hampir separuh daripada perbahasan pada petang ini, luar daripada rang undang-undang yang kita patut bincang. Walaupun bagaimanapun, ini menunjukkan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perkembangan sukan di tanah air kita. Hari ini kita sudah mula lihat perbahasan yang begitu baik di mana ini menunjukkan komitmen daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama memastikan negara kita berjaya sebagai negara bersukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dalam jawatankuasa, hanya kepada rang undang-undang. Masa perbahasan ini mereka boleh berbahas asalkan sukan.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Saya faham Tuan Yang di-Pertua. Yang penting sebahagian besar merupakan perlukan butir-butir yang lebih teliti. Maka segala cadangan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah diterima secara baik dan secara terbuka dan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada jawapan.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Kementerian Belia dan Sukan akan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak jawapan kah Yang Berhormat.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan di mana Timbalan Menteri tidak boleh buat keputusan dalam Dewan ini sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan, bukan.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Saya cuma boleh terima, disampaikan ke peringkat kementerian dan perlu pengajian yang lebih mendalam sebelum saya bagi jawapan pada Tuan Yang di-Pertua. Maka saya cuma....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan jawapanlah.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jaminan, bukan jawapan.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Jaminan dulu. Segala pandangan daripada ahli-ahli Yang Berhormat yang cukup bernas itu akan dikaji secara mendalam dan kita akan buat yang terbaik untuk bidang sukan.



Yang kedua- terima kasih juga kepada ahli Yang Berhormat yang menyatakan- ini adalah kali terakhir beliau dalam Dewan yang mulia ini, Puan Siti Aishah. Terima kasih atas segala sumbangan dan bukan saja untuk Yang Berhormat, mungkin ramai di sebelah sini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu saya akan beri.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ucapan saya esok. Yang Berhormat tidak payah buat kerja saya ya.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Ramai Tuan Yang di-Pertua, ramai di sini juga mungkin jadi kali terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, kali terakhir Yang Berhormat berjumpa dia.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Selagi Perdana Menteri dan rakyat tidak bagi mandat untuk meneruskan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Seterusnya saya mula dengan ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili. Terima kasih atas segala pandangan dan cadangan. Yang pertama tahniah kepada negeri Sarawak yang telah menganjurkan Sukan Malaysia pada tahun 2016 dahulu dan tidak dinafikan bahawa negeri Sarawak berjaya melahirkan atlet-atlet negara yang cemerlang khususnya sukan akuatik.

Penubuhan sekolah sukan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan dan kementerian percaya cadangan penubuhan sekolah sukan di Sarawak akan mendapat pertimbangan KPM pada masa akan datang dan seperti mana kerajaan pusat hari ini memberi jaminan kepada negeri Sarawak di mana negeri Sarawak ataupun atlet-atlet Sarawak ataupun seluruh warga Sarawak tidak akan terpinggir daripada arus pembangunan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai apakah perbezaan di antara Jawatankuasa Pertikaian Sukan dengan Panel Penasihat Sukan di mana JPS adalah sebuah jawatankuasa yang dibentuk hanya bagi mempertikaikan yang dirujuk oleh badan sukan ataupun ahli-ahli dalam badan sukan tersebut. JPS boleh mendengar dan membuat keputusan PPS pula merupakan sebuah panel yang terdiri daripada beberapa anggota untuk memberi nasihat kepada Menteri bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan sukan. Namun begitu PPS hanya boleh menasihat Menteri tentang apa-apa perkara yang tidak boleh membuat keputusan bagi sesuatu perkara yang dirujuk kepadanya.

Tambahan, sejajar dengan pembangunan sukan yang pesat, isu-isu badan sukan juga bertambah rumit dan kompleks. Maka adalah wajar untuk mempunyai jawatankuasa yang boleh membantu menyelesaikan pertikaian yang dirujuk kepadanya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengenai bola sepak Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia ada menerima tajaan dari Syarikat Penerbangan Malaysia ataupun MAS.

■1730

Namun hingga kini pihak FAM dan FMLLP masih belum menerima tajaan daripada mana-mana syarikat penerbangan. Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dr. Zaiedi sama ada akan ada *delegation*, penurunan kuasa bagi Jawatankuasa Pertikaian Sukan kepada pengarah sukan negeri untuk mendengar pertikaian sukan. Tiada penurunan kuasa dibuat di bawah pindaan ini. Seksyen 23 sedia ada memperuntukkan untuk mempertikaikan sukan di antara anggota badan sukan atau badan sukan saja diselesaikan secara prosedur dalaman.

Seterusnya, Jawatankuasa Pertikaian Sukan hanya mendengar pertikaian yang dirujuk kepadanya yang melibatkan anggota sesuatu badan sukan atau badan sukan itu sendiri sahaja. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya lima buah sekolah sukan di seluruh negara dan namun pembangunan dan perwujudan sekolah sukan adalah di bawah bidang kuasa KBS seperti mana yang saya sebut tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Selain daripada itu, terima kasih atas cadangan-cadangan Yang Berhormat dan seterusnya mengenai cadangan ataupun isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Bathmavathi. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan. Saya percaya yang dicadangkan, Bahagian IIIA yang dicadangkan- Puan Bathmavathi, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa?.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Ada, okey. Bahagian IIIA yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa Majlis Paralimpik Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan penyertaan dalam Sukan Paralimpik, Sukan Paralimpik Asia dan dipertandingkan olahraga antarabangsa yang lain, saya percaya ini akan memberi ruang yang lebih kukuh kepada atlet-atlet Paralimpik. Kita telah memberi jaminan hari ini kita lihat Kementerian Belia dan Sukan dari segi insentif, kita tidak membezakan atau dianaktirikan sama ada atlet biasa ataupun atlet yang kurang upaya. Ini menunjukkan pendekatan Kementerian Belia dan Sukan bahawa kita menggalakkan ataupun memberi tanggungjawab yang sama kepada atlet dan atlet-atlet kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya cadangan dasar sukan OKU. Kementerian akan memberikan pertimbangan untuk memasukkan butiran berkenaan pembangunan sukan OKU dan sukan orang pekak di dalam Dasar Sukan Negara selepas Rang Undang-undang Pembangunan Sukan diwartakan...

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan sikit?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Boleh, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Apa saya minta ialah satu dasar yang berasingan dan bukan termasuk dalam dasar yang ada. Satu dasar yang berasingan memandangkan kita ada 20 jenis sukan dan saya rasa ia memerlukan satu dasar yang berasingan. Satu lagi, berkenaan dengan IIIA itu, saya cadangkan supaya pelatih-pelatih yang *handle* atlet yang pekak itu diberi kursus supaya mereka boleh belajar bahasa isyarat untuk memudahkan komunikasi antara mereka dengan atlet, bukan saja pelatih juga pegawai-pegawai yang menjaga sukan orang pekak.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator, kursus bahasa isyarat kepada atlet orang pekak. Pegawai-pegawai belia dan sukan boleh menjadi jurulatih untuk orang-orang pekak dan pegawai-pegawai jurulatih ini sememangnya telah menerima latihan kursus bahasa isyarat tahap satu dan tahap dua, Program *Inspire I-Talent* dan *I-Train* dan juga *wheelchair tennis*, pembangunan sukan OKU Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan *wheelchair tennis* di bawah MSN, Abu Samah ialah atlet *wheelchair tennis* yang telah kita masukkan dalam Program Kita Juara 2019, *ASEAN Para Games* di Filipina.

Ada 10 sukan teras, sukan OKU yang dibangunkan iaitu olahraga, renang, angkat berat, *tenpin bowling*, memanah, bola sepak dan ping pong. Atlet OKU terima elaun yang sama rata. Cadangan dasar sukan OKU, kementerian akan memberi pertimbangan itu masukkan butiran berkenaan pembangunan sukan OKU dan sukan orang pekak di dalam dasar sukan negara selepas Rang Undang-undang Pembangunan Sukan diwartakan.

Program-program BPS tahun 2016 ke tahun 2018, pemantapan. Pada tahun 2016 kita adakan pemantapan *Inspire Person*, *Circuit Inspire*, *MyInspire Camp*, persediaan kejohanan dan sebagainya dan 2017, *Inspire I-Talent*, *Inspire I-Train*, *NBOS MSN*, *Coaching Inspire Course*, *Synergy Inspire*, *Workshop Paralimpik Perak 2018*, *Inspire Circle One* dan Sukan Integrasi. Bagi tahun 2018, *Inspire I-Talent*, *Inspire I-Train*, *OKU engagement*, Persatuan OKU, OKU Aktif, Sukan Integrasi, HSN, *Synergy Inspire* dan Sekretariat OKU.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Bathmavathi, selain masalah atlet OKU, perbelanjaan OKU penglihatan juga perlu disokong. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara selaku agensi yang bertanggungjawab menyediakan program latihan atlet para sentiasa bersedia untuk membantu atlet-atlet para dalam pelbagai aspek. Ini termasuklah menyediakan jurulatih terbaik dan peralatan yang sesuai berdasarkan keselesaan atlet-atlet para.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk memasukkan butiran-butiran seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat dan seterusnya..

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Minta penjelasan lagi. Saya juga telah mengutarakan berkenaan dengan *Disability Sport Research Centre* di Universiti Malaya. Saya tidak faham apa yang saya cadangkan tidak diambil nota oleh sesiapa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Saya cakap tentang *inter disciplinary research* dan *research* ini penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum habiskan jawapan. Bila dia sudah habis jawab kadang-kadang pihak pegawai kementerian akan tulis jawapan, akan mendapatkan jawapan. Hingga Yang Berhormat Menteri itu sudah habis jawab dan tidak jawab, bolehlah bangkitkan. Terima kasih.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Seterusnya isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, soalan pertama yang adakah Majlis Olimpik Malaysia masih memainkan peranan dalam kuorum Jawatankuasa Pertikaian Sukan. Seksyen 28(1)(b) dan (c), pelantikan jawatankuasa mengikut pengalaman profesionalisme dan perkara-perkara lain yang sesuai dengan pertikaian yang dibangkitkan.

Maksudnya boleh lantik wakil MOM jika perlu. Syarat-syarat pelantikan yang khusus akan dimasukkan di dalam peraturan pembangunan sukan.

Seterusnya, adakah golongan profesional dalam bidang sukan menganggotai Jawatankuasa Pertikaian ini, seksyen 28(1)(b) Rang Undang-undang Pembangunan Sukan (Pindaan) 2018 telah memperuntukkan bahawa dua orang anggota yang mempunyai pengalaman, kelayakan atau menunjukkan keupayaan dalam profesionalisme dalam perkara yang melibatkan sukan. Justeru, di sini mereka ini mempunyai pengetahuan berhubung sukan.

Terima kasih Yang Berhormat, ada cadangan-cadangan lain saya perlukan masa untuk memberi secara bertulis.

Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor telah membangkitkan yang pertama, mengenai akta ibu yang saya memang telah memberi penjelasan awal. Akta 576 memperuntukkan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan membuat sesuatu peraturan, arahan atau garis panduan dalam pelaksanaan fungsi yang termaktub dalam akta ini. Ia merangkumi pelantikan Pesuruhjaya Sukan, pentadbiran sukan dan pertubuhan sukan, urusan pelaksanaan berkaitan pembatalan, penggantungan dan rayuan pendaftaran pertubuhan sukan selain mengatasi masalah-masalah dalaman yang sering menggugat kemajuan sukan tanah air Tuan Yang di-Pertua dan mengenai apa yang dimaksudkan Akta Ibu.

▪ 1740

Pendirian negara mengenai negara Israel khususnya dalam sukan. Mengenai isu yang melibatkan pendirian negara kita terhadap negara Israel khususnya melibatkan penyertaan atlet-atlet Israel masuk ke negara kita. Seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum, kemasukan atlet negara Israel pernah terjadi pada tahun 1997 ketika pasukan kriket Israel menyertai Kejohanan Kriket Trofi Majlis Kriket Antarabangsa (ICC) di Kuala Lumpur dan isu ini pernah berulang kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian tidak menyokong permohonan visa atlet negara Israel pada tahun 2015 iaitu permohonan visa bagi dua orang atlet Israel untuk menyertai Kejohanan Pelayaran Remaja Dunia di Langkawi dan pada tahun 2016 yang melibatkan Kejohanan Ping Pong Berpasukan Dunia di Stadium Melawati, Shah Alam.

Pasukan negara Israel akhirnya menarik diri dari menyertai kejohanan tersebut. Berkenaan bantahan penglibatan Israel bagi tuan rumah acara Jelajah Dunia *Giro d'Italia 2018*, Malaysia juga telah memboikot daripada menyertai kejohanan tersebut. Maka pendirian kita sentiasa konsisten mengenai pendekatan kita terhadap negara Israel. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan-cadangan lain Yang Berhormat, terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Yang perlu jawapan secara bertulis, Kementerian Belia dan Sukan akan jawab Yang Berhormat.

Seterusnya adalah isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri pada petang ini. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri atas cadangan-cadangan yang begitu baik. Pertama, pelantikan anggota Jawatankuasa Pertikaian Sukan oleh Menteri sama ada jawatankuasa tidak *independent* bergantung kepada Menteri. Di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969, Menteri Belia dan Sukan adalah dipertanggungjawabkan dengan hal perkara

melibatkan sukan. Jawatankuasa Pertikaian Sukan yang ditubuhkan di bawah rang undang-undang pindaan ini adalah jawatankuasa yang juga jatuh di bawah hal perkara yang melibatkan sukan iaitu pertikaian sukan.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan adalah orang yang paling layak untuk melantik ahli-ahli jawatankuasa ini. Pada masa akan datang, pihak kementerian akan menubuhkan satu tribunal pertikaian sukan apabila adanya keperluan di mana pertikaian-pertikaian sukan semakin kompleks dan meningkat bilangannya di mana keanggotaannya adalah lebih diperincikan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tan Sri juga membangkitkan kuasa *independent of Sport Dispute Committee*, Tuan Yang di-Pertua. SDC ataupun *Sport Dispute Committee* adalah bukan tribunal tetapi merupakan sebuah jawatankuasa bagi penyelesaian pertikaian dengan cara yang pantas, mudah dan murah. Walau bagaimanapun, pihak kepada pertikaian masih mempunyai pilihan untuk membawa kes ke mahkamah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenapa tidak wujudnya satu badan induk bagi setiap sukan. Dasar Pendaftaran Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia adalah berikutan Badan Sukan Pengelola di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua sendiri sedia maklum, di dunia terdapat beberapa badan pengelola di peringkat antarabangsa seperti Tekwondo iaitu ITF, WTF, GTF dan sebagainya. Maka itulah sebab kenapa kita tidak boleh mewujudkan satu jawatankuasa khas.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, rasional kepada adanya Majlis Paralimpik walaupun sudah wujud Majlis Olimpik Malaysia. Majlis Olimpik adalah ahli di bawah *International Olympic Committee* (IOC) sementara Majlis Paralimpik di bawah *International Paralympic Committee*. Kedua-duanya entiti berbeza dan pengurusan serta cabang sukan yang berlainan sehinggalah IOC dan IPC tidak bergabung, maka masih ada keperluan untuk kita wujudkan MOM dan MPM.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri ialah keperluan memohon *sanction* daripada badan pengelola. Sememangnya ketika ini, *sanction* adalah salah satu syarat yang perlu dipatuhi dalam permohonan penganjuran acara sukan. Selain daripada itu, ada cadangan-cadangan lain, Tuan Yang di-Pertua, akan diberi secara bertulis dan pandangan Yang Berhormat Senator Tan Sri juga akan diterima secara baik demi kebaikan sukan negara.

Seterusnya kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Aishah. Terima kasih atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah. Mengenai KPI negara kita. Hari ini kita lihat Yang Berhormat, kita hampir

berjaya ke arah melahirkan negara bersukan dan budaya bersukan di negara kita. Ini jelas dinyatakan apabila kita lihat program-program khas yang diperkenalkan baru-baru ini. Pertama adalah Hari Sukan Negara di mana kita memperkenalkan Hari Sukan Negara. Tahun pertama kita dapat menarik hampir lima juta peserta dan seterusnya tahun kedua seramai 7.6 juta.

Negara kita, bukan lagi kita negara menyertai sukan antarabangsa. Hari ini kita lihat di Sukan Olimpik Rio, *we are no more a participant nation. We are moving forwards becoming collecting medals*. Hari ini negara dunia, persada antarabangsa sudah mula lihat kita sebagai salah sebuah negara yang cukup serius. Baru-baru ini kita lihat atlet-atlet kita telah mencatatkan rekod dunia. *So we are no more participating nation*.

Ini menunjukkan negara kita telah meletakkan KPI yang cukup tinggi tetapi apa yang penting ialah penyertaan semua pihak untuk menjayakan negara ini sebagai negara yang bersukan. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada Kementerian Belia dan Sukan sahaja. Pengorbanan, penglibatan semua pihak adalah amat penting tanpa melihat ideologi politik. Hari ini kita lihat satu contoh yang baik di negara kita khususnya walaupun kita terdiri daripada pelbagai parti politik dan ideologi berbeza tetapi apabila kita sebut sukan, kita lihat satu persetujuan di antara semua pihak. Ini satu tanda baik dan memberi keyakinan kepada kita bahawa kita akan berjaya sebagai negara bersukan dengan budaya bersukan. Terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kes melibatkan *sexual harassment*, masih dalam siasatan. Tunggu sehingga mungkin- saya tidak ada jawapan yang tepat pada petang ini. Saya akan semak dengan pihak berkuasa kedudukan sebenar. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan memang mengambil ini sebagai satu perkara yang cukup serius. Cuma untuk maklumat tambahan, satu *task force* telah ditubuhkan sekarang dan ini akan memantau perkembangan dalam *sexual harassment* ini.

Standard KPI antara persatuan. Standard ditetapkan berdasarkan pencapaian setiap jenis sukan yang berbeza di peringkat yang berbeza. Ada sukan perlu mencapai tahap dunia seperti badminton dan skuasy tetapi ada sukan yang masih belum mampu mencapai tahap dunia. Maka KPI yang ditetapkan adalah berbeza daripada KPI tahap dunia dan peringkat kebangsaan dan sebagainya.

Ini satu lagi soalan yang cukup panas apabila kita menyentuh pembangunan bola sepak di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kementerian mulai tahun 2014 telah mewujudkan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dan sekarang ini lebih kurang 25,000 atlet pelatih. Ini apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, sukan khususnya sukan seperti bola sepak.

Kita tidak boleh lihat keberhasilan dalam masa terdekat tetapi saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam lima tahun ini, mungkin ataupun kemungkinan besar kita akan lihat keberhasilan pada masa akan datang. Mungkin sepuluh hingga 15 tahun. Maka ada 25,000 atlet pelatih dan 1,500 orang jurulatih dalam program ini. Beberapa pencapaian utama telah pun dirancang.

#### ■1750

Pertama, skuad bawah 16 tahun berjaya dalam Kejohanan AFC bawah 16 tahun pada tahun 2018. Skuad bawah 15 Juara Kejohanan Antarabangsa Hong Kong 2018. Skuad bawah 12 tahun Juara Kejohanan Antarabangsa Aspire, kini selaras di Qatar. Akan tetapi melahirkan bola sepak bertaraf antarabangsa lebih senang daripada baca tulisan pegawai-pegawai [Ketawa] Saya memang yakin melahirkan skuad bola sepak kebangsaan yang bertaraf dunia tetapi tidak yakin baca.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, gangguan seksual sudah jawab. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu cadangan-cadangan Yang Berhormat terima kasih atas segala cadangan. Saya yakin segala cadangan yang diutarakan dalam Dewan yang mulia ini akan memberi mandat yang kuat kepada kami untuk melaksanakan segala permintaan. Seterusnya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah yang menyatakan sama ada ahli-ahli politik menjadi penaung kepada badan-badan sukan. Terpulang kepada individu, kementerian memang tidak boleh membuat keputusan.

Kita lihat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi Presiden Taekwondo Antarabangsa. Hari ini kita lihat sesungguhnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan hari ini kita lihat satu imej baharu ataupun nafas baharu di kalangan belia. Begitu ramai baru-baru ini menyertai taekwondo yang telah dianjurkan oleh Persatuan Taekwondo. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, MSN ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 1971 dan ia di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan merupakan Pengerusi MSN. Oleh itu sebarang tindakan beliau diambil oleh kerajaan kiranya berlaku kegagalan. Kenapa tidak dapat kepada sukan individu?

Kementerian melalui MSN menumpukan kepada 16 jenis sukan teras dan ini termasuk sukan-sukan berpasukan yang popular seperti bola sepak dan hoki. Kementerian perlu mengambil langkah-langkah yang pendekatan menyeluruh- melibatkan sukan sama ada sukan berpasukan atau sukan individu. Ini kerana terdapat juga pasukan yang semangat popular dan mempunyai peminat dan pengikut yang sangat ramai di seluruh dunia dan di Malaysia. Terima



kasih Yang Berhormat atas segala cadangan dan saya percaya Kementerian Belia dan Sukan akan meneruskan.

Seterusnya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin mengenai kewibawaan Pesuruhjaya Sukan, Yang Berbahagia Dato' Zaiton. Terima kasih atas keyakinan Yang Berhormat. Segala perubahan yang telah berlaku dalam rang undang-undang ini Yang Berbahagia Pesuruhjaya Sukan juga telah memainkan peranan penting dengan input-input beliau untuk memperkukuhkan.

Hari ini kita lihat perundangan ini, perundangan dalam Akta 576 serta memberikan kuasa kepada Pesuruhjaya Sukan terutamanya dalam aspek kawal selia tadbir urus pertubuhan sukan supaya lebih cekap. Maksudnya dengan adanya perubahan ini saya percaya dan yakin Pesuruhjaya Sukan akan memainkan peranan yang lebih penting untuk memastikan kita menjadi sebagai negara sukan yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya pada petang ini. Ada isu-isu yang dibangkitkan oleh...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih. Saya hendak ambil peluang ini Tuan Yang di-Pertua bukan hendak merujuk kepada jawapan tetapi hendak mengucapkan selamat bersara kepada Puan Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat esok-esok.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Saya takut esok tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Satu minit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak bagi Timbalan Menteri saya tidak boleh bagi pun. Yang Berhormat duduk.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Ini rakan perang saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat. Saya tadi Yang Berhormat Menteri pun hendak beri ucapan selamat tinggal kepada Yang Berhormat saya tidak benarkan. Fasal saya yang kena bagi dia dahulu *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini akta ini memang satu akta yang baik kerana saya selaku, saya dahulu sebelum jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan saya pernah kerja sebagai Setiausaha

Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan. Masalah yang bangkit yang diakhiri dengan rang undang-undang pada petang ini adalah berkenaan dengan isu-isu berkenaan dengan Persatuan Sukan. Di mana mereka tidak boleh menyelesaikan isu tersebut maka terpulang kepada kementerian untuk memastikan bahawa isu dalaman dapat diselesaikan untuk meningkatkan mutu sukan.

Tahniah kepada kementerian. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki) dan diluluskan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bagi peluang untuk ucapkan selamat tinggal kepada Yang Berhormat, silakan. Yang Berhormat tidak hadir esok?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Hadir tetapi takut tidak jumpa. Takut esok dia tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey esok sahajalah. Sila duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kerajaan pada hari ini sudah selesai. Dewan ditangguhkan sehingga jam pukul 10 pagi.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.59 petang]*